



**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 13

Isnin

10 April 2023

K A N D U N G A N

USUL DI BAWAH P.M. 17(1)

Pengeluaran Lanjut Simpanan

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

(Halaman 1&117)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2022) 2023

(Halaman 3)

Rang Undang-undang Kewangan 2023

(Halaman 24)

Rang Undang-undang Levi

Keuntungan Luar Biasa (Pengesahan) 2023

(Halaman 49)

Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2023

(Halaman 65)

Rang Undang-undang Pengangkutan

Awam Darat (Pindaan) 2023

(Halaman 99)

AHLI HADIR

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim [Yang di-Pertua Dewan Negara] (Dilantik)
2. “ Dato' Sri Dr. Hj. Mohamad Ali Bin Hj. Mohamad [Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara] (Dilantik)
3. “ Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Bin Haji Mokhtar [Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
4. “ Puan Saraswathy A/P Kandasami [Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi] (Dilantik)
5. “ Tuan Ak Nan A/L Ehtook (Dilantik)
6. “ Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee (Dilantik)
7. “ Datuk Paul Igai (Dilantik)
8. “ Datuk John Ambrose (Dilantik)
9. “ Datuk Razali Bin Idris (Dilantik)
10. “ Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai (Dilantik)
11. “ Dato' Sri Ti Lian Ker (Dilantik)
12. “ Tuan Manolan Bin Mohamad (Dilantik)
13. “ Tuan Ir. Md Nasir Bin Hashim (Dilantik)
14. “ Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol (Dilantik)
15. “ Tuan Balasubramaniam A/L Nachiappan (Dilantik)
16. “ Puan Susan Chemeraí Anding (Dilantik)
17. “ Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan (Dilantik)
18. “ Tan Sri Haji Mohamad Fatmi Bin Haji Che Salleh (Dilantik)
19. “ Dato' Arman Azha Bin Abu Hanifah (Dilantik)
20. “ Datin Ros Suryati Binti Alang (Dilantik)
21. “ Datuk Seri Hajah Zurainah Binti Musa (Dilantik)
22. “ Datuk Wira Dr. Mohd Hatta Bin Md Ramli (Dilantik)
23. “ Tuan Abun Sui Anyit (Dilantik)
24. “ Tan Sri Dato' Low Kian Chuan (Dilantik)
25. “ Prof. Datuk Seri Dr. Awang Bin Sariyan (Dilantik)
26. “ Dato' Sivaraj A/L Chandran (Dilantik)
27. “ Tuan Mohd Hasbie Bin Muda (Dilantik)
28. “ Dato' Haji Husain Bin Awang (Terengganu)
29. “ Puan Noorita Binti Sual (Dilantik)

AHLI HADIR (samb/-)

- | | | |
|-----|----------------|---|
| 30. | Yang Berhormat | Tuan Roderick Wong Siew Lead (Dilantik) |
| 31. | | Tuan Haji Hussin Bin Ismail (Terengganu) |
| 32. | | Tuan Haji Aziz Bin Ariffin (Perlis) |
| 33. | " | Tuan Seruandi Bin Saad (Perlis) |
| 34. | " | Dato' Kesavadas A/L A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan) |
| 35. | " | Dato' Dr. Ahmad Azam Bin Hamzah (Negeri Sembilan) |
| 36. | " | Datuk Lim Pay Hen (Johor) |
| 37. | " | Dato' Haji Jefridin Bin Haji Atan (Johor) |
| 38. | " | Dr. Hajah Wan Martina Binti Wan Yusoff (Kelantan) |
| 39. | " | Tuan Haji Abdul Nasir Bin Haji Idris (Kedah) |
| 40. | " | Tuan Musoddak Bin Ahmad (Kedah) |
| 41. | " | Dato' Ajis Bin Sitin (Pahang) |
| 42. | " | Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan (Sabah) |
| 43. | " | Dato' Juhanis Binti Abd Aziz (Pahang) |
| 44. | " | Dato' Ahmad Bin Dato' Sri Haji Ibrahim (Sarawak) |
| 45. | " | Puan Noraini Binti Idris (Sabah) |
| 46. | " | Dato Dr. Nuing Jeluing (Sarawak) |
| 47. | " | Datuk Wira Koh Nai Kwong (Melaka) |
| 48. | " | Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam (Pulau Pinang) |
| 49. | " | Tuan Amir Bin Md Ghazali (Pulau Pinang) |
| 50. | " | Tuan Isaiah A/L D. Jacob (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) |
| 51. | " | Datuk Mohd Hisamudin Bin Yahaya (Wilayah Persekutuan Putrajaya) |
| 52. | " | Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa Bin Hj. Abdullah (Dilantik) |
| 53. | " | Dato' Sri Anifah Bin Aman @ Haniff Amman (Wilayah Persekutuan Labuan) |

AHLI TIDAK HADIR

1. Yang Berhormat Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail [Menteri Dalam Negeri]
2. “ Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri]
3. “ Dato’ Seri Diraja Dr. Zambry Bin Abd Kadir [Menteri Luar Negeri]
4. “ Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup] (Dilantik)
5. “ Dato’ Shamsuddin Bin Haji Abd Ghaffar (Perak)
6. “ Datuk Dr. Azhar Bin Ahmad (Dilantik)
7. “ Tuan Muhammad Zahid Bin Md Arip (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)

**TIDAK HADIR
(DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

1. Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hui Yew (Dilantik)
2. “ Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu (Dilantik)
3. “ Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian (Dilantik)
4. “ Datuk (Dr.) Ras Adiba Binti Mohd Radzi (Dilantik)
5. “ Tuan Sr. Haji Mohd Apandi Bin Mohamad (Kelantan)

HADIR BERSAMA

1. Yang Berhormat Datuk Seri Haji Ahmad Bin Haji Maslan [Timbalan Menteri Kewangan] (Pontian)
2. “ Tuan Steven Sim Chee Keong [Timbalan Menteri Kewangan] (Bukit Mertajam)
3. “ Datuk Haji Hasbi Bin Haji Habibollah [Timbalan Menteri Pengangkutan] (Limbang)

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Isnin, 10 April 2023

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

USUL DI BAWAH P.M 17(1)

**PENGELUARAN LANJUT SIMPANAN
KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)**

10.04 pg.

Datuk Razali bin Idris: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. *Bismillahi Rahmani Rahim.* Bahawa saya, Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris mohon mencadangkan agar Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan mengikut Perkara 17(1), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara untuk membahaskan dan merundingkan perkara berkenaan pengeluaran lanjut simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) oleh pencarum bagi kegunaan segera dengan tujuan menampung pelbagai belanja yang mendesak.

Selaras dengan kehendak Peraturan Mesyuarat ini bahawa Majlis Mesyuarat perlu ditangguhkan agar Dewan ini dapat membahaskan segera isu dan tindakan proaktif kerajaan dalam membantu rakyat yang tertekan dengan kenaikan kos sara hidup pada masa ini.

Usul ini merupakan perkara tertentu bila mana ia terkait dengan dasar kerajaan melalui ucapan dan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk pencarum menjadikan nilai simpanan di dalam KWSP masing-masing sebagai cagaran untuk permohonan pinjaman di bank. Perkara ini bersifat tertentu setelah mengetahui bahawa rakyat yang mencarum di dalam instrumen tersebut berkeperluan segera untuk menggunakan dana simpanan masing-masing.

Usul ini hendaklah disegerakan memandangkan pelbagai lapisan rakyat telah menyatakan kehendak ini buat satu tempoh yang mendesak dan bertambahnya jumlah kumpulan rakyat yang tidak dapat menampung belanja kehidupan pada waktu dan ketika ini.

Usul ini juga turut melibatkan kepentingan ramai kerana terdapat pelbagai reaksi dan keluhan yang dapat disaksikan melalui media sosial dan ucapan rakyat umum berkenaan keperluan perkara ini. Dalam pada itu, terdapat juga rakyat yang telah menjadi miskin kerana ketidakbenaran kerajaan atas kehendak ini.

Minggu ini juga telah tular tentang seorang individu yang dengan keringat usahanya berjalan dari Johor dan menuju ke Kuala Lumpur bagi menyerahkan sembah rayuan bagi kehendak perkara ini kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Usul ini menepati tiga syarat di bawah Peraturan Mesyuarat 17(1) iaitu tertentu, kepentingan orang ramai dan perlu disegerakan bagi menjamin kemaslahatan dan kelangsungan hidup rakyat.

Justeru itu, besar harapan saya agar perkara ini mendapat pertimbangan dan keizinan daripada Yang Berhormat Senator Tan Sri Yang di-Pertua agar usul ini dapat dibahaskan di dalam Dewan Negara dengan kadar segera. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, pengemukaan usul sebentar tadi telah didengar oleh semua Ahli Yang Berhormat. Saya telah menerima pemberitahuan usul tersebut di bawah Peraturan Mesyuarat 17(1) oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris pada Selasa, 4 April 2023.

Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi dan ia seharusnya mendapat perhatian dan pertimbangan. Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat.

Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu bersifat tertentu. Syarat kedua, ia adalah bersifat bagi kepentingan orang ramai dan syarat ketiga ialah ia berkehendak disegerakan. Saya telah meneliti perkara ini dan mendapati bahawa: perkara ini merupakan perkara yang tertentu; kedua, ia adalah bagi kepentingan orang ramai; dan ketiga, perkara ini juga perlu disegerakan.

Oleh yang demikian, saya membenarkan Usul ini untuk dibahaskan dan mengikut Peraturan Mesyuarat 17(3), Usul ini akan dibahaskan pada petang ini, Isnin, 10 April 2023 di dalam Dewan ini.

Saya membenarkan pihak pencadang berbahas selama 10 minit, dan diikuti dengan perbahasan daripada Ahli-ahli lain mengikut kesesuaian masa yang ada, dan selepas itu, saya akan meminta pihak kerajaan menjawab.

Tertakluk kepada permohonan dan pernyataan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, bolehlah menyertai perbahasan itu mengikut kadar yang dapat diberikan pada petang ini.

■1010

Namun, perlu saya nyatakan bahawa, kaitan dengan pengumuman pihak kerajaan, khasnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bahawa cagaran boleh dibuat berasaskan kepada pegangan baki wang dalam akaun KWSP. Saya memohon supaya pihak perundangan melihat perkara ini dari sudut yang amat nyata, yakni bolehkah baki wang KWSP itu dibuat cagaran, oleh sebab undang-undang perwujudannya perlu diharmoniskan.

Itulah pandangan saya selaku Yang di-Pertua, dan selamat membahaskan Usul ini pada masa yang telah ditetapkan. Saya, Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Yang di-Pertua Dewan Negara.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2022) 2023****Bacaan Kali Yang Kedua**

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri.

10.11 pagi.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2022, dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tambahan perbelanjaan mengurus pertama tahun 2022 ini dibentangkan menurut Perkara 101, Perlembagaan Persekutuan iaitu bagi memperoleh kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya dalam Bajet 2022 yang telah diluluskan terdahulu oleh Dewan yang mulia ini. Anggaran perbelanjaan mengurus tambahan pertama 2022 yang dibentangkan adalah berjumlah RM60,174.9 juta untuk membiayai perbelanjaan bekalan iaitu RM60.1749 bilion.

Anggaran tambahan perbelanjaan bekalan yang dimohon untuk diluluskan di bawah Fasal rang undang-undang yang dibentangkan adalah berjumlah RM60,174.9 juta yang boleh diringkaskan seperti berikut.

Sebanyak RM1,663.5 juta adalah untuk pindahan lebihan daripada Akaun Hasil Disatukan 2022 ke Kumpulan Wang Pembangunan. Pindahan ini dicaj sebahagian daripada perbelanjaan

di bawah maksud B.12 peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pindahan ini adalah selaras dengan tatacara peruntukan di bawah subseksyen 10(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] dan bukan satu perbelanjaan baharu tetapi merupakan sebahagian daripada keperluan kewangan untuk menampung perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2022 yang berjumlah RM71,574.0 juta, bakinya dibiayai melalui pinjaman.

Sebanyak RM676.9 juta adalah bagi *me-recoup* semula jumlah yang telah didahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka untuk menampung perbelanjaan-perbelanjaan luar jangka tahun 2022 seperti yang terkandung dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 23 Tahun 2023. Sebanyak RM57,834.5 juta merupakan peruntukan tambahan langsung kepada kementerian, jabatan yang telah diberi kebenaran untuk berbelanja melebihi daripada peruntukan bagi membiayai perkara-perkara yang komited pada tahun 2022.

Kementerian-kementerian yang terlibat dalam Anggaran Perbelanjaan Tambahan ini adalah seperti berikut:

- (i) Kementerian Kewangan sebanyak RM56,209.5 juta;
- (ii) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, kita gunakan nama yang lama sebab ini ialah perbekalan tambahan tahun lepas, sebanyak RM2,058.1 juta;
- (iii) Kementerian Pendidikan sebanyak RM803.6 juta;
- (iv) Kementerian Kesihatan sebanyak RM676.5 juta;
- (v) Kementerian Pertahanan sebanyak RM303.7 juta;
- (vi) Suruhanjaya Pilihan Raya, Jabatan Perdana Menteri sebanyak RM84.8 juta;
- (vii) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan sebanyak RM24.5 juta; dan
- (viii) Kementerian Perpaduan Negara sebanyak RM14.1 juta;

Tuan Yang di-Pertua, butiran dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2022 adalah seperti dalam penyata anggaran tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21, Tahun 2023 dan Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21A, Tahun 2023. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Sim Chee Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2022 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Yang Berhormat Datin Hajah Ros Suryati binti Alang.

10.16 pagi.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam Malaysia Madani.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin ucapkan terima kasih kerana membenarkan saya turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2022 (2023).

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab kita ada kekangan masa, lantaran hanya sehari besok yang tinggal dan juga beberapa hal yang penting harus kita selesaikan hari ini, saya mohon agar Yang Berhormat Senator mematuhi syarat 5 minit seorang.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Baiklah. Apabila saya meneliti rang undang-undang ini, secara ringkasnya peruntukan tambahan ini melibatkan sejumlah RM60 bilion bagi perbelanjaan mengurus. Ini ialah jumlah yang amat besar iaitu tambahan 25 peratus daripada jumlah perbelanjaan mengurus yang dibentangkan dan diluluskan dalam Belanjawan 2022. Jumlah wang yang telah dibelanjakan pada tahun lepas melebihi belanjawan asal yang telah diperuntukkan iaitu lebih daripada RM60 bilion untuk belanja mengurus, dan lebih RM6 bilion bagi belanja pembangunan.

Saya pasti tujuan dan keperluan menyebabkan kerajaan terpaksa berbelanja melebihi peruntukan asal sama ada benar-benar atas dasar keperluan ekonomi atau rakyat. Kerajaan terpaksa berbuat sedemikian kerana perbekalan tambahan ini merupakan perbelanjaan-perbelanjaan luar jangka yang diurus semula oleh mana-mana kerajaan. Walaupun rang undang-undang ini melibatkan sembilan kementerian, saya tidak akan menyentuh kesemuanya dan saya hanya akan menyentuh beberapa isu sahaja.

Pertamanya, mengenai peruntukan tambahan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Perbelanjaan luar jangka telah berlaku baru-baru ini apabila kita melaksanakan Pilihanraya

Umum Kelima Belas baru-baru ini. PRU ini melibatkan peruntukan besar kerana kita melaksanakan PRU semasa negara dilanda dengan COVID-19.

Soalan saya, apakah persediaan daripada segi peruntukan mengenai perbelanjaan pilihan raya negeri yang bakal diadakan di enam buah negeri pada tahun ini? Adakah pihak SPR mempunyai persediaan yang cukup daripada segi peruntukan bekalan, logistik dan kemudahan-kemudahan yang lain bagi melancarkan pilihan raya negeri pada tahun ini?

Kenapakah saya tanya soalan ini? Ini kerana saya mendengar daripada pihak Gerak SPR, ramai petugas merungut bahawa barang keperluan SPR di lapangan tidak mencukupi. Walaupun pihak SPR telah menyediakan peruntukan bagi setiap Bahagian Pusat Mengundi tetapi apa yang berlaku di lapangan ialah, kekurangan bahan dan kelengkapan pilihan raya yang sentiasa tidak mencukupi.

■1020

Ini belum termasuk dengan masalah logistik yang dihadapi oleh kebanyakan Pusat Mengundi. Maka, adakah pihak kementerian bersiap-sedia untuk PRN pada tahun ini? Sekiranya tidak cukup peruntukan, maka saya mohon kerajaan agar menambahkan peruntukan pada setiap pusat mengundi nanti.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin menyentuh mengenai subsidi dan bantuan tunai. Kita- semua sedia maklum harga minyak mentah bagi bulan Januari 2022 adalah pada kadar USD85 setong iaitu meningkat berbanding Januari 2021 sebanyak USD55 setong. Berikutan kenaikan ini, kerajaan terpaksa menanggung peningkatan subsidi petroleum, diesel dan juga gas cecair LPG. Ia amat ketara hingga 10 kali- ganda iaitu meningkat daripada RM200 juta untuk Januari 2021 kepada lebih RM2 bilion untuk Januari 2022. Kemudian ditambah pula dengan pergolakan antara Russia dan Ukraine, harga minyak mentah telah naik mendadak ke paras melebihi USD100 setong.

Kerajaan sebelum ini mampu menanggung subsidi ini dalam jumlah yang besar sehingga RM66.3 bilion bagi menstabilkan harga barang serta mengelakkan kadar inflasi negara daripada terus melonjak. Dengan bantuan dan subsidi ini, angka inflasi rasmi kita sekitar 3 ke-4 peratus. Saya melihat keadaan sekarang inflasi berada dalam sekitar 3.3 peratus pada tahun ini. Sekiranya kita menarik subsidi, maka inflasi harga barang akan meningkat dan banyak pembangunan yang tidak dapat dilaksanakan kerana banyak wang hanya kita tumpukan pemberian subsidi sahaja.

Soalan saya kepada kementerian, sejauh mana Kerajaan Madani sekarang ini mampu menampung subsidi apabila kita lihat suasana ekonomi dunia yang tidak menentu sekarang ini. Adakah benar bahawa kerajaan bercadang untuk mengurangkan subsidi kepada rakyat dan

adakah kerajaan boleh dan mampu lagi memberi bantuan-bantuan kewangan kepada rakyat terutamanya industri kecil dan sederhana?

Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja lagi. Seterusnya, saya ingin menyentuh mengenai projek LRT Bayan Lepas yang menjadi keperluan yang amat mendesak di Pulau Pinang. Saya ingin bertanya mengenai projek LRT Bayan Lepas daripada peruntukan tambahan ini, adakah peruntukan akan diberi bagi menampung projek LRT Bayan Lepas?

Saya juga ingin merujuk kepada pengumuman oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi membantu menaik taraf kemudahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Saya ingin tahu perincian mengenai bantuan yang diberi dan apakah kos-kos yang terlibat dalam projek penambahbaikan tersebut.

Terakhir saya ingin menyentuh mengenai bantuan tunai bayaran pelarasan Bantuan Khas Kewangan Penjawat Awam. Ini termasuklah bayaran RM700 sebagai bantuan hari raya dan sebagainya. Untuk Gred 56, dan ke bawah, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan bagi menghargai sumbangan kepada penjawat awam yang bekerja tidak kira siang dan malam agar menimbang untuk menaikkan lagi bonus atau bantuan kepada penjawat awam iaitu yang kebiasaannya RM500 untuk penjawat awam dan RM300 untuk pesara kerajaan. Saya ingin mencadangkan agar bantuan dinaikkan sebanyak RM1,000 kepada penjawat awam, dan RM600 kepada pesara kerajaan. Ini memandangkan kenaikan kos sara hidup yang tinggi sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini sahaja perbincangan daripada saya mengenai Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2022) 2023. Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kembali kepada Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suriati binti Alang.

Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli. Silakan.

10.24 pagi.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya juga ingin turut berbahas dalam RUU atau Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini mengambil dua aspek penelitian. Satunya, mengenai subsidi baik yang dilaksanakan oleh Perbendaharaan atau pun di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri.

Jumlah subsidi kita keseluruhannya dikatakan RM80 bilion setahun. Kerajaan telah meneliti bahawa ada subsidi kita ini yang tersasar. Tidak dimanfaatkan ataupun dimanfaatkan oleh orang yang sepatutnya tidak memanfaatkan subsidi kerana berkemampuan dan sebagainya.

Oleh yang demikian, subsidi bersasar telah dicadangkan baik harga petroleum atau pun bahan-bahan seperti minyak masak dan lain-lainnya. Persoalannya isu ini telah dibincangkan beberapa bulan, apa perkembangan persediaan kerajaan untuk menyediakan senarai penerima subsidi yang disasarkan ini supaya tidak tiris kepada pihak-pihak yang tidak memerlukan, yang tidak meningkatkan kehidupan mereka dengan subsidi seperti tersebut?

Kalau kita tunggu lagi lama, maka saya yakin tahun depan pun kita akan bercakap mengenai perbekalan tambahan kerana tidak cukup. Sementara kalau kita dapat melaksanakan subsidi bersasar ini, maka wang yang dapat diselamatkan daripada ketirisan melalui subsidi ini dapat menampung pembangunan kita yang boleh dibawa ke kawasan-kawasan seperti yang kita tahu masih ketinggalan di negeri-negeri Pantai Timur, dan juga di Sabah dan Sarawak. Oleh yang demikian, pertanyaan saya bila perkara ini akan dapat dilaksanakan, senarai penerima subsidi yang berbagai-bagai itu.

Keduanya mengenai peruntukan kepada SPR, tambahan kepada SPR. Saya ingin membawa kita kepada sejarah 2012 apabila Parlimen menubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai penambahbaikan sistem pilihan raya. Umumnya kedua-dua pihak di dalam Dewan Rakyat bersetuju untuk menerima pelbagai saranan dan sebahagian besarnya telah dilaksanakan. Antaranya pendaftaran pemilih 18 tahun, *automatic registration*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, penggunaan dakwat kekal, pembersihan daftar pemilih dan berbagai-bagai lagi.

Ada beberapa perkara yang saya rasa dipersetujui juga oleh semua pihak, baik pembangkang atau pun kerajaan ketika itu dan setiap parti politik pun menyatakan kesediaannya menerima perubahan kepada satu sistem baharu pilihan raya kita. Ini kita kena ambil serius sebab ia merupakan satu perubahan besar. Daripada *first-past-the-post*, dengan izin, kepada *proportional representation* dipersetujui oleh Dewan, malah parti saya PAS ketika itu pun telah membuat resolusi di dalam salah satu muktamarnya untuk menyokong *proportional representation*.

Ini akan boleh memberikan sedikit keadilan atau pun lebih keadilan kepada contohnya parti-parti yang kecil yang telah lama terlibat dalam pilihan raya. Contoh seperti Putra, seperti BERJASA, baru-baru ini ada parti yang besar juga PEJUANG tetapi tidak mempunyai wakil kerana tidak cukup undi bagi mana-mana kawasan, PSM atau Parti Sosialis Malaysia, mereka terlibat dalam pilihan raya. Tekun mengikuti sistem demokrasi ini tetapi oleh sebab sistem *first-past-the-post* ini Tuan Yang di-Pertua, tidak membolehkan mereka menang sedangkan suara mereka besar.

Oleh yang demikian, sistem *proportional representation* ini boleh menjadi penyelesaian dan kita akan mendapat mendengar di Dewan yang mulia ini pandangan-pandangan yang

berbeza daripada parti yang kecil dan juga kita pun sedang menyediakan satu peraturan baharu mengenai pembiayaan politik atau *political financing*, dengan izin. Sistem ini apabila mendapat kiraan- diundi hari pilihan raya, boleh menjadi asas kepada jumlah pembahagian pembiayaan politik ini kepada semua pihak. Ya, parti yang besar yang mempunyai kerusi yang banyak atau undi yang banyak akan dapat lebih tetapi parti-parti kecil yang juga mendapat undi tidak sebanyak parti besar, mereka juga boleh mendapat sumbangan daripada wang rakyat kepada pergerakan politik.

Saya rasa ini perlu disegerakan bagi memastikan kita mempunyai satu sistem yang agak baharu dan *vibrant*, dengan izin, dan boleh memberikan keadilan kepada rakyat. Itu dua perkara Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin persembahkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kembali.

Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah.

10.29 pagi.

Dato' Arman Azha Abu Hanifah: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua membenarkan saya untuk turut serta dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2022) 2023 ini.

■1030

Sebagai pembuka bicara, terus terang ingin saya zahirkan bahawa, saya tiada masalah menyokong rang undang-undang ini. Kita tahu, tahun ini merupakan satu tahun yang amat mencabar bagi negara kita yang masih lagi dalam proses pemulihan dari COVID-19. Tidak boleh dinafikan, ia turut dipengaruhi oleh usaha-usaha yang telah dijalankan oleh kerajaan sebelum ini, di bawah Yang Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob.

Oleh itu, saya ingin bertanya kepada kerajaan ini, apakah perancangan dasar bagi meneruskan dan merencanakan lagi ekonomi rakyat terutama dalam mengharungi keadaan ketidaktentuan ekonomi global yang kita harungi pada 2023 ini?

Pada tahun 2023 ini, import makanan ke Malaysia adalah berjumlah RM76 bilion. Satu jumlah yang amat besar dalam memastikan kelangsungan *food security*, dengan izin. Bagi saya, ada beberapa persoalan tentang hal ini. Kita menerusi kementerian dan agensi kerajaan sudah pasti menjalankan kajian, pemerhatian tentang model-model gerak kerja yang dilakukan oleh negara lain bagi meningkatkan hasil makanan dalam negara.

Saya ingin tanya kepada kerajaan, setakat hari ini, apakah langkah dan tindakan yang diambil bagi menangani masalah ini? Kita di Malaysia misalnya ada sebuah syarikat di bawah nama Syarikat Farm Fresh yang sudah mula bertapak dan bersaing dengan negara luar dalam

sektor pembekalan susu lembu. Usaha-usaha anak tempatan sebegini wajib kita sokong dan beri galakan. Sekiranya ada inisiatif atau program yang boleh disertai, saya mohon pihak kerajaan untuk senaraikan agar lebih ramai rakyat kita tahu dan mendapat manfaat yang sama-sama dalam isu *food security*.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat dalam jadual yang lebih kurang RM60 bilion diperuntukkan dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini, untuk subsidi sahaja lebih RM53 bilion. Jumlah ini memberi manfaat kepada rakyat jikalau diguna dengan langkah yang betul. Kita berbicara tentang soal subsidi dan saya teringat kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan yang mengatakan pemberian subsidi ini secara bersasar. Setakat hari ini, apakah langkah dan tindakan yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan agar golongan sasar dapat manfaat ini?

Kita tidak mahu berlaku permasalahan ketirisan subsidi seperti kecoh tentang isu yang dibangkitkan salah seorang tokoh anak politik yang kes sorok dan tipu subsidi minyak. Kita harap pihak kerajaan beri peluang dan pendekatan hal ini akan menguatkuasakan undang-undang untuk menjadi lebih ketat agar tidak ada ketirisan dalam isu subsidi rakyat ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini saya ingin bertanya kepada kerajaan mengenai pengukuhan nilai ringgit. Setakat hari ini, nilai Ringgit kita- Ringgit Malaysia bersamaan dengan USD0.23. Perbezaan ini amat tinggi bagi saya. Jadi, apakah jumlah perbelanjaan kita yang semakin meningkat saban hari? Bolehkah kerajaan melakukan dan merapatkan jurang perbezaan ini?

Saya pasti jurang perbezaan ini akan mengecil dengan kelimpahan kemakmuran yang dinikmati oleh rakyat dengan projek-projek pembangunan yang akan menjadi lebih rancak. Sedikit tambahan, saya ingin menyimpulkan berkaitan dengan Khazanah Nasional.

Saya lihat satu- video wawancara baru-baru ini pengarah urusan Les' Copaque mengatakan cadangan mereka untuk membuat Taman Tema Upin Ipin. Sepertimana kita tahu, animasi Upin Ipin ini bukan sahaja terkenal dalam negara kita, malah terkenal di Indonesia, Brunei dan negara-negara luar. Persoalan hari ini, pengarah urusan ini menyatakan bahawa Khazanah Nasional telah menolak cadangan mereka untuk membuat taman tema sedangkan ini merupakan syarikat negara kita, kebanggaan negara kita. Kartun mereka dalam negara-negara Asian ini cukup *famous* tetapi kenapa Taman Tema Les' Copaque Upin Ipin ini ditolak terus daripada Khazanah Nasional?

Saya mohon penjelasan daripada pihak kerajaan. Ini kerana bagi saya, sekiranya pembinaan taman tema ini berjaya, banyak peluang pekerjaan dapat dibuka kepada rakyat tempatan. Kita lihat sahaja seperti di Singapura Taman tema USS Singapura bukan sahaja

membuka ruang kepada rakyat mereka tetapi menjadi tarikan pelancong yang membawa peningkatan kepada pendapatan negara mereka.

Jadi, saya harap pihak kerajaan berilah perhatian dan pihak kerajaan berilah sokongan terhadap Taman Tema Upin dan Ipin ini agar ia dapat menjadi satu kenyataan khususnya yang menjadi kebanggaan kepada rakyat Malaysia. Saya setakat ini mohon menyokong. Sekian, terima kasih. *Wabillahi taufiq walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Yang Berhormat Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan.

10.35 pg.

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2022/2023 menyaksikan perbelanjaan tambahan berjumlah kira-kira RM60 bilion daripada Kumpulan Wang Disatukan dan sebanyak RM332.1 bilion pula sebelumnya telah diperuntukkan bagi Bajet 2022.

Secara relatifnya, belanjawan tambahan bukanlah suatu yang luar biasa sebaliknya boleh dikatakan normal dan wajar untuk dilaksanakan. Apatahlah lagi dengan adanya pertambahan kos bagi perbelanjaan mengurus dan membangun sememangnya akan ada perbelanjaan luar jangka yang memerlukan pertambahan bajet berbanding bajet asal untuk diurus semula.

Jika dilihat sebahagian besar bagi perbelanjaan tambahan ini dibelanjakan bagi peruntukan subsidi dan juga bantuan tunai kepada rakyat. Apatah lah lagi sejak COVID-19 melanda dan negara mula kembali pulih dan keluar daripada pandemik yang melanda selama lebih tiga tahun ini, tidak dinafikan banyak sektor dalam pasaran di dunia mengalami kenaikan harga mendadak. Antaranya minyak petrol diesel, tarif elektrik dan juga barangan asas seperti beras dan sayur-sayuran.

Menteri Kewangan juga ada menyatakan pada tahun 2022 sahaja kira-kira RM80 bilion telah dibelanjakan untuk perbelanjaan subsidi. Ini merupakan satu jumlah yang tinggi dan terbesar dalam sejarah. Namun, ia tidak dapat dielakkan disebabkan kerajaan terpaksa mengeluarkan belanja yang lebih untuk menampung kekurangan tersebut supaya subsidi dapat diteruskan demi rakyat. Inflasi juga boleh meningkat sehingga melebihi 10 peratus jika subsidi tidak diberikan. Jabatan Perangkaan menganggarkan kadar inflasi negara boleh melebihi 10 peratus sekiranya pelbagai bantuan subsidi tidak diberikan.

Namun begitu, dalam masa yang sama ada persoalan yang perlu diberi perhatian oleh kerajaan. Bank Negara Malaysia ada mengeluarkan kenyataan bahawa sistem subsidi menyeluruh hari ini tidak mapan dan perlu dirasionalisasikan. Hal ini kerana secara dasarnya

sistem subsidi menyeluruh bukan hanya memanfaatkan golongan memerlukan sebaliknya juga kepada golongan yang boleh dikatakan mampu dan tidak layak menerima. Ini menyebabkan golongan yang sepatutnya diberi tumpuan dan sasaran tidak dibantu sepenuhnya sedangkan mereka boleh menikmati lebih banyak bantuan dan subsidi.

Justeru itu, apa penyelesaian kerajaan dalam menangani isu subsidi bersasar supaya hanya yang benar-benar layak sahaja menerima faedah ini. Bagi subsidi barangan asas, adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk memperluaskan lagi jenis barangan yang diberikan subsidi kepada usaha mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Seterusnya, saya ingin menyentuh mengenai bantuan tunai kepada rakyat. Jika dimulakan pada tahun 2012 oleh mantan Perdana Menteri ke-6, Dato' Sri Mohd Najib Razak, bantuan ini dijenamakan beberapa kali. Antaranya Bantuan Rakyat 1 Malaysia, Bantuan Sara Hidup, Bantuan Prihatin Negara, Bantuan Keluarga Malaysia dan terkini Sumbangan Tunai Rahmah.

Tahun 2022, sebanyak RM8 bilion telah diperuntukkan untuk Bantuan Keluarga Malaysia dan manfaatnya, 8.7 juta orang penerima. Tidak dinafikan, bantuan ini telah membantu ramai rakyat di negara ini terutamanya yang benar-benar memerlukan B40. Golongan M40 yang berpendapatan bawah RM5,000 juga ada yang menjadi antara penerima bantuan tunai ini tetapi jumlah yang berbeza dan agak rendah nilainya iaitu RM650 hingga RM1,250 berbanding kategori lain.

Jika dikatakan mereka mempunyai pendapatan yang tinggi dan berkemampuan, secara hakikatnya tidak semua yang berpendapatan tinggi ini benar-benar mampu. Ada yang berkata besar periuk, besarlah keraknya tetapi ramai golongan ini hidup sekadar cukup makan disebabkan komitmen juga perbelanjaan tambahan lain yang mungkin tidak dirasai oleh orang ramai.

Seterusnya yang melibatkan perbelanjaan bagi penjawat awam tentang bayaran gaji, bayaran persaraan dan elaun bersara.

■1040

Saban tahun, emolumen penjawat awam- penerima terbesar perbelanjaan. Bayaran emolumen melibatkan perbelanjaan sebanyak RM86.5 bilion. Bayaran persaraan pula dianggarkan meningkat kepada RM28.1 bilion iaitu kira-kira 12 peratus daripada jumlah perbelanjaan.

Akhir sekali, saya ingin bertanya kepada kerajaan, adakah benar pencen bakal dimansuhkan? Berapakah jumlah perbelanjaan yang dapat dijimatkan oleh kerajaan bagi pembayaran pencen? Apakah kerajaan mempunyai alternatif lain bagi menjimatkan perbelanjaan

kerajaan terutamanya yang melibatkan peruntukan bagi perbelanjaan emolumen dan persaraan? Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan.

Dijemput Yang Berhormat Tuan Abun Sui Anyit.

10.41 pagi.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera dan salam Malaysia Madani. Terima kasih sekali lagi kerana memberi masa kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang yang ada di hadapan kita pada pagi hari ini.

Saya akan membincangkan tentang dua perkara yang saya ingin bertanya nanti. Pertama adalah tentang Bantuan Hari Raya yang bakal diberikan pada 17 April 2023 ini. Justeru, saya mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri sama ada bantuan hari raya untuk kakitangan awam ini termasuk mereka yang Islam atau bukan Islam?

Justeru itu, saya berharap kita sangat menghargai tekad kerajaan untuk membantu kakitangan kerajaan dalam menghadapi keadaan ekonomi kita yang mendesak sekarang ini. Saya ingin mencadangkan sebab semua kita membayar cukai. Adakah kerajaan bersedia untuk memberi juga kepada mereka yang bekerja di dalam bidang swasta kerana semua kita membayar cukai dan layak juga untuk diterima oleh mereka yang tidak bekerja dalam sektor kerajaan.

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kerana saban tahun kita mendengar ada bantuan hari raya. Bagaimanakah pula dengan bantuan sama ada pada Hari Gawai atau Hari Keamatan di Sabah? Jadi, ini adalah untuk mencerminkan bahawa ada keadilan di dalam negara kita ini seperti di bawah Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan. Justeru itu, adakah kerajaan bersedia untuk menyediakan juga bantuan semasa Hari Gawai dan Hari Keamatan di Sabah dan Sarawak ini? Justeru itu, saya berharap dengan pertambahan perbekalan yang dibentangkan di hadapan kita ini juga menjurus supaya keadilan sosial untuk semua rakyat di Malaysia ini.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya melihat ada penambahan di dalam Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup. Ini adalah sangat saya sokong. Saya juga seperti rakan-rakan Senator yang lain yang *concern*, dengan izin, terhadap perkara di mana barang bersubsidi ini telah dimonopoli oleh seseorang. Jadi saya berharap supaya perkara ini tidak berulang lagi.

Saya mohon dengan adanya barang bersubsidi ini biarlah ia benar-benar sampai. Saya minta supaya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup ini senaraikanlah

kontraktor-kontraktor yang mendapat anugerah untuk menghantar barang bersubsidi ini ke pedalaman supaya sekurang-kurangnya yang ambil berat- *concern* tentang penerima ataupun rakyat yang memerlukan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Yang Berhormat. Lebih baik kita guna prihatin.

Tuan Abun Sui Anyit: Ya, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi rakyat yang prihatin untuk memastikan membantu kerajaan dalam menyampaikan barang-barang yang bersubsidi ini ke sasarannya. Kita tidak mahu perkara ini berulang lagi.

Justeru itu, saya berharap kerajaan menyenaraikan dan berikan senarai itu kepada Dewan yang mulia ini supaya kita bersama-sama membantu kerajaan untuk kita yang prihatin memantau barang-barang ini benar-benar sampai di pedalaman.

Jadi, saya tidak ada perkara lain lagi. Justeru itu, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2022) 2023 ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kembali. Terus kepada Yang Berhormat Tuan Mohd Hasbie bin Muda.

10.45 pg.

Tuan Mohd Hasbie bin Muda: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk saya turut sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2022) 2023.

Tuan Yang di-Pertua, masalah di hadapan kita ialah sejumlah wang yang telah dibelanjakan telah melebihi daripada belanjawan asal iaitu sebanyak RM60.17 bilion. Sudah tentulah sebagaimana yang disebutkan oleh rakan-rakan tadi, *elephant in the room*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Masalah besar kita ialah subsidi dan juga sedikit mungkin bantuan tunai untuk rakyat. Jumlah sebesar RM40 bilion ke RM47 bilion, jumlah yang kita peruntukkan di luar jangka ini walaupun disebabkan oleh ketidaktentuan situasi geopolitik antarabangsa tetapi saya fikir jumlah ini suatu angka yang begitu menggerunkan.

Kalau kita buat perbandingan, RM36 bilion peruntukan untuk Kementerian Kesihatan, lebih kecil daripada jumlah untuk subsidi ini. Begitu juga jumlah peruntukan untuk Kementerian Pendidikan yang mencakupi sebahagian besar daripada penjawat awam dalam negara kita menyamai nilai subsidi yang sebahagian besarnya hanyalah untuk menyederhanakan ataupun untuk mengekalkan jualan harga petrol kita pada RM2.50.

Jadi, kalau kita tidak boleh menyelesaikan isu subsidi ini yang kita dengar sudah disebut bukan sebulan dua ini tetapi saya ingat sudah ambil masa yang begitu lama. Akan tetapi seolah-olah kita ketandusan tokoh sedangkan kita ada ramai ahli akademik, pakar-pakar ekonomi di

universiti kita yang boleh mencadangkan apakah mekanisme yang terbaik untuk kita melaksanakan satu subsidi yang bersasar.

Kita sudah sebut soal subsidi yang bersasar ini saya ingat sudah lama. Akan tetapi tidak ada satu idea yang benar-benar konstruktif yang bukan hanya boleh menyelesaikan masalah inflasi kita yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri sebelum ini. Kalau kita tidak beri subsidi ini, inflasi akan melonjak sehingga 12 peratus. Jadi untuk mengekalkan pada tahap 3 ke- 4 peratus, kita beri.

Akan tetapi jumlah yang besar ini kalau kita terus membiarkan peruntukan luar jangka ini berterusan dari tahun ke tahun, maka saya fikir akhirnya sebahagian besar daripada peruntukan belanjawan kita akan pergi kepada subsidi. Jadi, peruntukan untuk kita gunakan kepada sektor-sektor yang boleh menjana pengganda ekonomi ataupun, dengan izin, *multiplier effect* kepada ekonomi kita, itu tidak akan kita dapat laksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita tahu bajet kita defisit telah lebih daripada suku abad, 25 tahun. Ini satu fakta yang menggerunkan juga selain daripada jumlah subsidi yang kita belanjakan. Ini menakutkan kita. Dengan trend pemberian subsidi yang tidak ada tanda-tanda bahawa ia akan surut, disebut oleh Yang Berhormat Menteri pada tahun lepas.

Saya ingat akan mencecah sehingga RM80 bilion dan yang lepas pun kita sudah tengok RM77.1 bilion. Maka kita perlu memikirkan cara. Saya harap dan saya minta penjelasan juga daripada Yang Berhormat Menteri, apakah peranan profesor-profesor kita daripada universiti yang ramai itu untuk memberikan solusi kepada kita dalam menyelesaikan masalah ini? Itu yang pertama Tuan Yang di-Pertua.

Keduanya, saya juga ingin menyentuh tentang kementerian yang mungkin jarang disentuh oleh rakan-rakan kita di sini ataupun di Dewan Rakyat iaitu Kementerian Perpaduan. Sedangkan dalam semangat kita untuk mengangkat perpaduan dalam negara kita, harusnya Kementerian Perpaduan ini diberikan peranan yang lebih. Di bawah Kementerian Perpaduan ini ada kumpulan Rukun Tetangga.

Kalau kita tengok keberkesanan Rukun Tetangga ini, ia begitu berkesan dengan peruntukan geran sekitar RM6,000 setahun, ia boleh menjalankan program yang begitu banyak kerana ada KRT ini yang memiliki pejabat sendiri. Ada kemudahan dan sebagainya yang kita harapkan dengan KRT ini sebagai salah satu *community-based organization*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

■1050

Program yang dilaksanakan oleh CBO ataupun kawasan rukun tetangga ini lebih efektif daripada segi kos, lebih efektif daripada segi penggunaan tenaga yang sudah tentu secara

sukarela dan kalau boleh saya minta Kementerian Perdagangan jelaskan adakah geran itu akan dikekalkan RM6,000 ataupun mungkin kalau boleh kita cadangkan ditambahkan dan peranan KRT ini diperkasakan selaras dengan semangat Kerajaan Perpaduan yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu terakhir oleh sebab masa yang tidak mengizinkan. Saya juga nak sentuh, dalam pertambahan belanjawan ini kita tengok Kementerian Pendidikan juga ada tambahan cuma saya hendak bertanya kepada kementerian, Kementerian Pendidikan walaupun bajet terbesar daripada segi kementerian tetapi 85 peratus ialah untuk pengurusan, untuk emolument, bayar gaji dan sebagainya sedangkan kita tahu keperluan untuk pembinaan sekolah yang baru itu sentiasa wujud dan bertambah.

Jadi, saya cadangkan dan saya nak tanya, ada ataupun belum sekolah-sekolah kita yang diwujudkan secara wakaf? Maknanya, kita buka kepada orang awam untuk membiayai kerana saya fikir kalau institusi swasta seperti tahfiz, mereka boleh buat dengan begitu mudah. Tidak akanlah sekolah-sekolah kebangsaan, sekolah-sekolah menengah, sekolah berasrama penuh tidak boleh memulakan sistem wakaf ini membiayai pembinaan sekolah. Jadi, saya ingat itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Waalaikummussalam* dan tahniah kerana dapat berbahas tanpa membaca. Begitu juga kepada Tuan Abun, seterusnya kepada Datuk Wira Dr. Mohd Hatta. Kesemuanya tidak menggunakan skrip.

Saya terus akhirnya kepada Yang Berhormat Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan.

10.52 pagi.

Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ihsan untuk saya ikut serta dalam membincangkan atau membahaskan rang undang-undang berkaitan dengan perbekalan tambahan ini. Fokus saya kepada dua perkara utama tetapi barangkali dengan keterbatasan waktu, mungkin lebih kepada soal pendidikan.

Kita melihat bahawa tambahan dalam konteks pendidikan ini demikian besar. Saya hendak mengaitkannya dengan soal pertanyaan. Adakah Kementerian Pendidikan telah melakukan suatu penelitian atau penyelidikan tentang program khas untuk mengatasi kehilangan pendidikan hampir 50 peratus menurut kajian ahli-ahli pendidikan sebagai kesan dua tahun kita mengalami COVID-19 dan juga tempoh PKP. Ini juga ada kaitan dengan soal sejauh mana Kementerian Pendidikan telah berjaya membina suatu modul anjal yang diperlukan dalam keadaan-keadaan apabila timbulnya keadaan darurat seperti situasi COVID-19 dan PKP. Kedua-

dua ini penting kerana kita tidak perlu mengorbankan atau tidak harus mengorbankan anak-anak kita dalam bidang pendidikan kerana soal-soal yang tidak diduga seperti soal bencana alam, penyakit dan sebagainya.

Isu kedua yang saya hendak timbulkan ialah soal kualiti pendidikan dengan tambahan dalam perbekalan ini, sejauh mana misalnya Kementerian Pendidikan sudah mula menilai soal penyediaan bahan-bahan yang berkaitan dengan bahan-bahan berperingkat, dengan izin, *graded material* iaitu yang diperlukan dalam dunia yang maju dan yang bertamadun yang tidak hanya bergantung pada soal buku teks, tidak hanya bergantung pada sukatan pelajaran yang baku, yang standard.

Kita memerlukan pembinaan bahan bacaan walaupun sekarang ada, kita tahu tetapi daripada penelitian saya masih agak kurang kerana seperti yang pernah saya timbulkan di Dewan ini juga, mengapakah sampai universiti baru anak kita perlu kenal dengan ahli-ahli falsafah sedunia? Mengapa hal-hal yang penting tentang sains, teknologi bahkan sastera, budaya itu hanya diketahui di pengajian tinggi? Ertinya, perlu ada bahan yang perlu diturunkan kepada aras kemampuan berfikir dan kognitif murid-murid sekolah rendah dan sekolah menengah dalam ilmu yang sama.

Ini saya kira satu perancangan mesti dibuat oleh Kementerian Pendidikan. Kita memiliki yang dikatakan bahan bacaan luas, saya tahu berlaku atau *extensive reading*. Akan tetapi, itu masih belum cukup dengan pengertian kita melihat kemahiran berfikir yang muncul dalam kalangan lepasan sekolah dan universiti kita yang mana perlu menampilkan suatu pemikiran yang cukup tinggi walaupun kita ada program-program Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang pada hemat saya masih lagi banyak kepada Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR) dalam realitinya.

Di negara-negara luar termasuk tempat saya pernah bertugas, ini soal bahan berperingkat sangat dititikberatkan sebab ilmu itu diberi keadilan kepada semua warganegara memperolehnya walaupun di peringkat sekolah rendah, walaupun di peringkat sekolah menengah tetapi dengan aras laras bahasa yang sesuai dengan aras kemampuan mereka.

Ini juga terkait dengan soal karya kreatif. Kehalusan budi hanya dapat dibina melalui penghayatan karya sastera dan kita tahu dalam bahasa Inggeris sendiri di sekolah rendah, anak-anak sudah mula dikenalkan dengan karya-karya sastera Inggeris yang tinggi tetapi direndahkan dalam soal laras bahasanya. Ini saya kira dalam sastera Melayu, sastera negara kita masih agak ketinggalan dalam konteks ini. KOMSAS ini saya kira belum berjaya melahirkan orang yang menghayati sastera. Akhirnya kembali kepada soal-soal yang sangat mekanikal, mengkaji

sastera dalam konteks struktur bukan soal penghayatan nilai-nilai dan falsafah pemikiran bangsa dan negara.

Saya juga melihat bahawa keperluan kita menilai semula soal sekolah seni. Bagus ada sekolah seni tetapi sejauh manakah paduan antara kita tidak mahu timbul nanti seni untuk seni. Kita mahu seni untuk masyarakat. Seni yang berdasarkan falsafah, agama, nilai-nilai sejagat yang baik, yang murni supaya anak-anak yang lahir daripada sekolah seni tidak menjurus hanya soal seni untuk seni dan saya juga menyarankan supaya Kementerian Pendidikan memikirkan bagaimana dapat ditempiaskan seni-seni ini dalam sekolah harian. Sekolah-sekolah yang lain. Ertinya, sekolah-sekolah yang bukan sekolah seni pun berhak seperti yang kalau boleh kita ambil contoh di negara jiran kita, Indonesia iaitu dari sekolah dasar (SD) lagi sudah dipadukan penguasaan seni dengan akademik. Ini saya kira daripada peringkat sekolah kita, di negara kita masih agak kurang jelas.

Terakhirnya, dalam soal pendidikan ini Tuan Yang di-Pertua ialah kejayaan kita membina suatu sistem pendidikan yang dapat melahirkan paduan kemahiran yang bersifat mekanis atau mekanikal dengan kemahiran yang fungsional. Anak-anak yang lulus SPM dengan keputusan yang sangat cemerlang tetapi penampilan komunikasi di media dan sebagainya dan ini tercermin juga dalam setengah-setengah kalangan pimpinan. Saya tidak bercakap soal pimpinan politik sahaja, pimpinan organisasi, ketua institusi pendidikan dan sebagainya. Jadi ertinya, ada suatu ruang yang perlu ditinjau semula oleh kementerian dalam soal paduan penguasaan kemahiran mekanis dengan kemahiran yang fungsional.

Tentang perpaduan, satu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya juga menyokong perbahasan rakan saya tadi. Seperti yang saya sebut beberapa kali dalam Dewan ini juga, belum begitu tampak jalur program yang dikemukakan dalam belanjawan itu memenuhi 11 tantangan atau 11 cabaran dalam buku Perpaduan Negara. Maka oleh sebab itu, kalau tidak ada yang buat korelasi program dengan 11 tantangan yang sudah dikenal pasti dalam buku Perpaduan Negara, maka saya kira perpaduan itu hanya berlaku yang dikatakan program perpaduan di permukaan air. Akan tetapi, yang kita kehendaki iaitu perpaduan di dasar air. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Prof. Datuk Seri. Dr. Awang bin Sariyan.

Dijemput Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan untuk menjawab.

10.59 pagi.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang, Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli, Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan, Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit, Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda dan Yang Berhormat Senator Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah bertanya mengenai subsidi. Maka saya menjawab secara umum tentang subsidi.

■1100

Kerajaan komited dalam melaksanakan pemberian subsidi secara bersasar bagi mengurangkan ketirisan. Langkah pertama yang diambil adalah melalui pemberian subsidi bil elektrik secara bersasar. Separuh tahun 2023 dalam tahun ini daripada Januari hingga Jun 2023. Ini kita ambil daripada kalangan industri termasuk perbadanan multinasional.

Pelaksanaan pemberian subsidi elektrik secara bersasar ini memberi penjimatan sebanyak RM4.1 bilion. Jika kita melepaskan sahaja subsidi itu tanpa bersasar, jumlahnya RM14.9 bilion, tetapi kerana kita mengambil langkah- jumlahnya hanya RM10.8 bilion. Maka kita dapat jimat sebanyak RM4.1 bilion subsidi elektrik bersasar yang kita mulakan Januari hingga Jun tahun ini.

Kemudian, sistem kawalan subsidi untuk kementerian mengenai subsidi diesel misalnya. Kita- walaupun kita akan melaksanakan di kemudian tempoh, ia juga akan dikekalkan pemberian itu untuk pengangkutan awam, kenderaan pengguna barangan dan juga nelayan. Sehubungan itu, pengangkutan kenderaan seperti bas sekolah, bas ekspres, bas henti-henti, kereta sewa dan teksi tidak akan terjejas. Ini merupakan pengakuan daripada kerajaan dan jaminan kepada kerajaan. Walaupun kita menggunakan kaedah subsidi bersasar, kemungkinan sistemnya akan siap pada bulan Julai dan Ogos tahun ini. Bilakah ia akan dilaksanakan? Kita melihat, bila waktunya, jadi pun demikian subsidi ini tetap mengambil kira untuk kenderaan yang saya sebut tadi, bas sekolah, bas ekspres, bas henti-henti, kereta sewa dan teks semuanya akan diteruskan subsidinya?

Seterusnya, kita ada satu Jawatankuasa Khas mengenai untuk melaksanakan subsidi bersasar ini. Data-data kita peroleh dari Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Pendaftaran Negara, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Kita sedang mengumpul data-data itu untuk- ketika ini kita masih mengekalkan harga RON95 tadi Yang Berhormat Senator sebut RM2.50

seliter, bukan ia RM2.05 seliter. Bukan RM2.50 seliter dan diesel masih lagi RM2.15 seliter, kita masih lagi kekalkan perkara itu.

Antara sebab kenapa peruntukan tambahan ini dipohon. Untuk tahun 2022 yang lalu ialah kerana kenaikan mendadak harga minyak. Menurut perbelanjaan yang kita anggarkan, harga minyak adalah sekitar USD80 setong. Walaupun demikian, pada tahun sudah, minyak melambung menjadi USD110 setong. Itu antara sebab kenapa kita memerlukan tambahan subsidi yang banyak untuk tahun lepas.

Saya juga ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli, jumlah memang kita sebut RM80 bilion dan sebagainya subsidi. Akan tetapi, pada tahun sudah jumlah keseluruhan bantuan dan bukan hanya subsidi tetapi juga bantuan. Maka saya ingin bacakan, apa bantuan, dan juga subsidi yang berjumlah RM91.5 bilion pada tahun sudah. Sara hidup dan kebajikan masyarakat sebanyak RM11.3 bilion, ini untuk bantuan Keluarga Malaysia dan juga Jabatan Kebajikan Masyarakat. Sektor kepenggunaan, ini yang perlu bersasar kerana ia melibatkan petroleum dan minyak masak itu sebanyak RM66.3 bilion.

Sektor pendidikan sebanyak RM3.7 bilion, biasiswa pinjaman pelajaran sebanyak RM3.2 bilion, sektor pertanian sebanyak RM1.7 bilion, faedah dan pinjaman sebanyak RM1.8 bilion, sektor pengangkutan sebanyak RM1.5 bilion, sektor komuniti dan keagamaan sebanyak RM1 bilion, sektor kesihatan sebanyak RM0.7 bilion, pemberian elaun dan lain-lain bantuan sebanyak RM0.2 bilion dan sektor keselamatan sebanyak RM0.1 bilion. Untuk bantuan dan subsidi tahun 2023 ini ada pecahannya, tetapi ia tidak terlibat dalam anggaran perbelanjaan tambahan ini. Itu kita jawab kemudian.

Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati bertanya apakah perancangan yang kita sedang lakukan untuk menghadapi PRN dan adakah kita mempunyai dana yang mencukupi. Ya, kita ada dana yang mencukupi sejumlah dana yang tertentu akan digunakan untuk kita melaksanakan PRN di enam buah negeri. Sebagaimana yang ditanyakan itu, iaitu mengenai PRU15, PRU15 sebanyak RM1 bilion kita gunakan Tuan Yang di-Pertua, banyak itu ya. PRN enam buah negeri ini ada jumlah yang tertentu, mereka sedang mengira- jumlahnya dan PRN itu akan berlaku saya kurang pasti bila, tetapi khabarnya pada bulan Jun, Julai, Ogos begitu. Nanti mereka akan buat anggaran berapakah jumlah untuk PRN bagi enam buah negeri, tetapi PRU15, jumlahnya ialah RM1 bilion.

Kemudian, Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati juga bertanya mengenai LRT Bayan Lepas, lapangan terbang. LRT Bayan Lepas ini kita sedang mengkaji tentang kebolehlaksanaannya. Lapangan terbang memang telah pun diperbaiki dan dibesarkan dan

bayaran khas penjawat awam sebanyak RM700, pesara sebanyak RM350 untuk hari raya, sama ada mereka akan dapat bonus, ini kita tidak ada sebarang pengumuman untuk tahun 2023.

Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli, subsidi tersasar, betul. Saya sudah sebutkan tadi bahawa kita ada satu Jawatankuasa untuk memastikan ia dapat dilaksanakan. Subsidi ini selepas ini iaitu untuk diesel, selepas diesel baru petrol. Kita membuat secara berperingkat. Jika kita membuat sekali gus, ia akan mendatangkan kesan yang besar, sebagaimana yang disebutkan oleh dua orang Senator bahawa ia boleh menaikkan kadar inflasi sekitar 10 peratus hingga 12 peratus.

Mengenai *professional representation*, dengan izin, itu masih memerlukan kajian yang teliti dan memerlukan pindaan Perlembagaan jika ia ingin dilaksanakan, tetapi saya kira masih di peringkat awal. Mengenai Rang Undang-undang Pendanaan Politik, ini adalah amat wajar dilaksanakan kerana ramai menjadi mangsa kepada dana politik yang tidak di aktakan. Oleh itu ia wajar untuk diadakan dan pelaksanaannya sedang diambil kira untuk penyiapan rang undang-undangnya.

Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah, beliau menyebut- apa langkah-langkah untuk merencanakan ekonomi. Saya ingin menyatakan di sini bahawa antara perkaranya ialah sebanyak RM40 bilion kita peruntukkan kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan ia adalah berbentuk pinjaman dan juga jaminan. Ia juga berbentuk pinjaman mudah sama ada pada sektor mikro di Bank Simpanan Nasional (BSN) sahaja ada RM960 juta untuk bantuan dengan kadar faedah yang rendah sebanyak empat peratus. Boleh pinjam daripada RM5,000 hingga RM50,000 untuk penjaja dan juga sektor mikro ekonomi. Ini tentunya satu peluang yang baik untuk kita merencanakan ekonomi kerana kita tahu bahawa PMKS di negara kita ada lebih kurang sejuta jumlahnya, entitinya.

Keterjaminan Makanan dan sebagainya itu kita ada kementerian yang terlibat dan ia tentunya akan memastikan bahawa kos untuk import itu boleh dikurangkan dan perkara itu adalah dalam pelaksanaan sekarang ini supaya kita tidak bergantung kepada import barang-barang makanan dan kita ingin supaya keterjaminan makanan itu dapat dilaksanakan.

Mengenai Khazanah Nasional dan Les' Copaque, Taman Tema Upin Ipin, saya tidak ada jawapannya sekarang, tetapi saya akan dapatkan jawapannya dan kita boleh berjumpa Yang Berhormat Senator Dato' Arman, kita boleh berjumpa dan berbincang apa sebenarnya isu ini. Saya kira tentunya syarikat yang berkaitan ingin bantuan daripada Khazanah Nasional. Sama ada Khazanah Nasional melihat ia sebagai satu perkara yang sesuai atau tidak, itu kita boleh rundingkan kemudian.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan, sekali lagi menyebut mengenai subsidi dan juga inflasi. Saya ingin menyatakan apabila ditanya oleh Yang Berhormat Senator, adakah pencen akan di tiadakan selepas ini.

■1110

Saya ingin menyatakan kepada Yang Berhormat Dato' Haji Jefridin bahawa pencen tidak akan dihapuskan kerana ia merupakan perbelanjaan yang termaktub di bawah Perkara 98, Perlembagaan Persekutuan. Pada minggu sudah saya melawat sebuah agensi di bawah Kementerian Kewangan yang amat penting mengenai pencen iaitu Kumpulan Wang Persaraan dan kita mengharapkan agar mereka terus mengumpulkan dana bagi memastikan pesara-pesara dapat diberikan bantuan.

Mereka ada *tagline* baharu, moto baharu dan slogan baharu iaitu, "Teman Persaraan Anda". KWAP ini ialah "Teman Persaraan Anda" barulah dilancarkan moto itu dah mudah-mudahan betul Kumpulan Wang Persaraan akan menjadi teman persaraan anda dan pencen tidak akan dihapuskan, Yang Berhormat Dato' Jefridin.

Yang Berhormat Senator Tuan Abun ingin bertanya sama ada bantuan hari raya yang saya umumkan baru-baru ini, sebaik Yang Berhormat Menteri Kewangan mengumumkannya di Dewan Negara ini ada bantuan tambahan untuk hari raya kepada sukarelawan bomba,, sukarelawan polis, sukarelawan Angkatan Pertahanan Awam dan juga kepada anggota RELA dan juga tambahan kepada nelayan yang itu sebanyak RM300 kepada nelayan, pekebun getah, petani dan pesawah tambahan sebanyak RM200.

Ia melibatkan semua kaum Yang Berhormat Senator Tuan Abun, sama ada yang berhari Raya Aidilfitri ataupun yang tidak berhari Raya Aidilfitri kita bagi semua bantuan itu kepada 1.4 juta orang penjawat awam yang Islam dan yang bukan Islam semuanya dapat. Sebanyak RM700 duit raya itu semua dapat kepada pesara, tidak kira siapa termasuklah pesara tentera yang tidak berpencen, sebanyak RM350 juta pun kita berikan.

Cadangan yang baik mengenai Hari Gawai dan Hari Kaamatan. Kita telitilah cadangan itu supaya wujud keadilan sosial, kata Yang Berhormat Senator Tuan Abun dan beliau juga inginkan senarai kontraktor yang dapat melaksanakan subsidi minyak masak ini. Saya akan bertanyakan kepada kementerian yang berkaitan dan saya harap kementerian yang berkaitan akan memberikan senarai itu kepada Yang Berhormat Senator Tuan Abun.

Seterusnya, Yang Berhormat Tuan Hasbie Muda. Ini sekali lagi kita memerlukan ilmuwan kata beliau, profesor-profesor dan pakar-pakar untuk menyelesaikan kaedah subsidi bersasar. Tuan Yang di-Pertua, kaedah subsidi bersasar ini memang telah kita fikirkan, sama ada ingin

meletakkan atau menggunakan kad pengenalan ataupun menggunakan kad khas. Itu sudah difikirkan dahulu lagi. Walaupun demikian ia masih lagi bergantung kepada harga minyak dunia.

Tiba-tiba kita ingin melaksanakan subsidi bersasar, harga minyak turun daripada USD110, sekarang ini USD81. Pagi tadi saya minta pegawai *check* berapa, USD81 setong. Ia masih lagi memerlukan subsidi bersasar. Akan tetapi suatu ketika dahulu apabila minyak tiba-tiba turun pada USD40 setong, daripada ingin melaksanakan kita tidak jadi laksanakan. Daripada RM2.05 ia turun di bawah paras RM2. Jadi, pada ketika itu kita tidak perlu laksanakan subsidi bersasar.

Kemudian Yang Berhormat Senator Tuan Hasbie juga mengharapkan agar profesor-profesor, para ilmuwan membantu untuk menyelesaikan kaedah subsidi ini. Terima kasih atas pandangan itu.

Kementerian Perpaduan memang betul KRT ini kita bagi geran RM6,000 dan setakat ini jawapan yang ada di tangan saya ia akan kekal RM6,000 - geran tahunan untuk KRT. Memang mereka melakukan banyak perkara, baru-baru ini di hujung minggu Tuan Yang di-Pertua, saya balik kawasan ada KRT di tempat saya membuat bubur lambuk beramai-ramai...

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ada kaum India juga sekali turut bersama. Memang sesuai kehadiran mereka selaras dengan rukun tetangga di tempat yang berkaitan. Saya kira mereka menggunakan geran yang RM6,000 itu.

Kemudian sistem wakaf gaya pembangunan sekolah satu cadangan juga yang perlu diteliti lebih lanjut. Yang Berhormat Profesor Datuk Seri Awang Sariyan, kehilangan pendidikan ketika COVID-19, saya sentiasa menghargai idea-idea daripada bijak pandai seperti Yang Berhormat Profesor mengenai modul anjal, bahan-bahan moden, pemikiran aras tinggi, sekolah seni, perpaduan di dasar bukan di permukaan. Ini ialah catatan-catatan dalam nota saya. Saya kira tentunya Kementerian Pendidikan meneliti tentang perkara ini. Walaupun ia tidak terlibat terus dengan apa yang kita bincangkan, ia merupakan perkara tambahan yang cukup baik.

Apa yang berlaku dalam peruntukan tambahan ini adalah untuk kita membayar kos sebahagian daripada PTPTN. Itu yang menyebabkan ada tambahan dalam bajet ini. Saya kira itu sahaja yang ada walaupun ada tempoh masa lagi tetapi saya telah menjawab semua Tuan Yang di-Pertua, satu-persatu apa yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang terlibat dalam perbahasan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kembali kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang telah menjawab semua isu yang besar, yang utama yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah

kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah yang dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua]

Bacaan Kali Yang Ketiga

11.16 pg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2022 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 53(2), rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga, dan diluluskan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Sim Chee Keong]: Saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dirakamkan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN 2023

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

11.18 pg.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Sim Chee Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai

Keuntungan Hartanah 1976, Akta Setem 1949, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan Akta Kewangan 2018 dibacakan untuk kali yang kedua sekarang. Minta izin Tuan Yang di-Pertua.

*Minta izin menurun lukah,
Masuk ikan berpancar warna;
Minta izin membuka langkah,
Masuk medan berwacana.*

Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: ...[Berpantun]

*Letak-letak di kampung hulu,
Lepas diletak kita berbeban;
Persetujuan diberi terlebih dahulu,
Sebab kita berdua adalah kawan... [Tepuk]*

Tuan Sim Chee Keong: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawab balas pantun yang hebat sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Ini sebab kita hendak akhir-akhir hari ini, kita ada humor lah sedikit ya. Baik, terima kasih.

■1120

Tuan Sim Chee Keong: Rang Undang-undang Kewangan 2023 yang dicadangkan adalah bagi menguatkuasakan langkah-langkah cukai yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2023 pada 24 Februari 2023 yang lalu, di samping melaksanakan keputusan kerajaan tentang penambahbaikan pentadbiran cukai yang memerlukan pindaan kepada akta-akta berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghiraukan setiap fasal dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai 29 fasal yang dibahagi kepada enam bab yang meminda lima akta iaitu Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Hartanah 1976, Akta Setem 1949, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan Akta Kewangan 2018. Dalam bab permulaan, terdapat dua fasal seperti berikut:

Satu, fasal 1 menyatakan tajuk ringkas akta ini iaitu dikenali sebagai Akta Kewangan 2023.

Kedua, fasal 2 menerangkan tujuan rang undang-undang ini iaitu untuk meminda akta-akta yang telah saya sebutkan di atas tadi.

Bab II pula terdiri daripada 15 fasal iaitu fasal 3 hingga fasal 17 bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 seperti berikut:

Pertama, fasal 3 bertujuan menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan-pindaan yang dibuat dalam bab ini seperti berikut:

Fasal 5, 12, 13 dan 17, subperenggan 4(a)(i), (ii) dan (iii) dan perenggan 4(b), 16(a), (b) dan (d) berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2023 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya. Sub perenggan 4(a)(iv) berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2024.

Fasal 6, 7, 8, 9 dan 10 dan perenggan 16(c), (e) dan (f) berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2024 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Fasal 11, 14 dan 15 pula disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2023.

Fasal 4 bertujuan untuk menguatkuasakan langkah-langkah cukai pendapatan individu yang telah diumumkan seperti berikut:

- (i) menaikkan had pelepasan cukai bagi perbelanjaan rawatan perubatan dari RM8,000 kepada RM10,000;
- (ii) memperluaskan skop pelepasan cukai bagi perbelanjaan rawatan perubatan untuk meliputi kos pemeriksaan intervensi awal dan rawatan pemulihan bagi anak-anak kurang upaya pembelajaran seperti, dengan izin, autisme, *attention deficit hyperactivity disorder* (ADHD), *global development delay* (GDD), *intellectual disability down syndrome*, dan *specific learning disability*. Potongan cukai yang dibenarkan ke atas perkara-perkara tersebut adalah terhad kepada RM4,000; dan
- (iii) melanjutkan potongan cukai tambahan sebanyak RM1,000 dari tahun taksiran 2023 pada tahun taksiran 2024 bagi bayaran yuran taman asuhan atau tadika yang berdaftar bagi kanak-kanak berumur enam tahun dan ke bawah.

Ketiga dalam bab ini, fasal 5 bertujuan memperluaskan skop pelepasan cukai bagi premium insurans nyawa atau caruman takaful hayat untuk meliputi caruman sukarela kepada KWSP sehingga RM3,000.

Keempat, fasal 6 hingga 10 adalah bagi mewajibkan pengemukaan penyata pendapatan secara e-filing atau elektronik kepada semua kategori pembayar cukai.

Kelima, fasal 11 dan 15 adalah untuk memperluas skop pemakaian *relief* bukan kesilapan atau khilaf bagi membenarkan syarikat yang membayar komisen kepada ejen, pengedar atau pengagih meminda borang nyata cukai pendapatan bagi menuntut potongan cukai ke atas perbelanjaan komisen setelah dua peratus cukai pegangan diremitkan kepada LHDNM.

Keenam, fasal 12 memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah boleh membenarkan pembayar cukai membayar baki cukai secara ansuran bagi taksiran di sifatkan.

Ketujuh, fasal 13 adalah untuk membenarkan pembayar cukai selain syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi membuat permohonan kepada Ketua Pengarah untuk meminda anggaran cukai kena dibayar sekali sebelum 30 Jun atau sekali sebelum 31 Oktober atau kedua-duanya.

Kelapan, dalam bab ini fasal 14 memperuntukkan bahawa syarikat yang membuat bayaran kepada ejen, pengedar atau pengagih hendaklah memegang dua peratus daripada bayaran tersebut dan meremitkan kepada Ketua Pengarah tidak lewat dari hari terakhir bulan berikutnya selepas pembayaran dibuat.

Kesembilan, fasal 16 bertujuan untuk meminda Jadual 1 seperti berikut:

- (i) menurunkan kadar cukai pendapatan sebanyak dua- mata peratusan bagi setiap banjaran pendapatan bercukai antara RM35,001 hingga RM100,000. Selain itu, kadar cukai pendapatan bagi setiap banjaran pendapatan bercukai antara RM100,001 hingga RM1 juta dinaikkan antara 0.5 sehingga dua mata peratusan;
- (ii) menurunkan kadar cukai pendapatan perusahaan mikro kecil dan sederhana (PMKS) dan perkongsian liabiliti terhad (PLT) daripada 17 peratus kepada 15 peratus bagi pendapatan bercukai sehingga RM150,000 pertama. Manakala, kadar berikutnya adalah kekal seperti sedia ada; dan
- (iii) mengenakan syarat baharu ke atas kadar cukai keutamaan PMKS dan PLT di mana ia tidak terpakai jika lebih daripada 20 peratus sumbangan modal disumbangkan secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat yang diperbadankan di luar Malaysia atau disumbangkan oleh individu yang bukan warganegara Malaysia.

Akhir sekali dalam bab ini, fasal 17 bertujuan untuk mengeluarkan sebutan perkataan '*intangible asset*' dalam takrif pelan, seterusnya memberikan kuasa kepada Menteri Kewangan untuk menetapkan apa-apa aset lain sebagai aset yang tidak termasuk dalam takrif pelan.

Tuan Yang di-Pertua, Bab Ketiga. Bab III ini terdiri daripada dua fasal iaitu fasal 18 dan 19 bertujuan untuk meminda Akta Cukai Keuntungan Hartanah 1976 seperti berikut:

Satu, fasal 18 bertujuan menyatakan tarikh kuat kuasanya akta ini iaitu apabila berkuat kuasanya akta ini.

Fasal 19 bertujuan untuk meminda Perenggan 3 Jadual 2 seperti berikut:

- (i) memperuntukkan pemindahmilikan aset antara bekas suami dan isteri di bawah perintah mahkamah bagi kes penceraian diberi layanan harga pelupusan adalah bersamaan dengan harga perolehan aset ataupun, dengan izin, *no gain, no loss*; dan
- (ii) mengehendkan layanan harga pelupusan bersamaan dengan harga perolehan aset kepada aset yang dilupuskan oleh syarikat yang diperbadankan di Malaysia sahaja.

Bab seterusnya, Bab IV terdiri daripada dua fasal iaitu fasal 20 dan 21 bertujuan untuk meminda Akta Setem 1949 seperti berikut:

Satu, fasal 20 bertujuan menyatakan tarikh kuat kuasa seperti berikut:

- (i) Perenggan 21(a) mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2023;
- (ii) Perenggan 21(b) dan (c) mula berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya akta ini.

Kedua, fasal 21 dalam bab ini bertujuan untuk meminda Jadual Pertama seperti berikut:

- (i) memperluas pengenaan duti setem sebanyak RM10 ke atas perjanjian pinjaman pendidikan bagi peringkat sijil pendidikan atau sijil profesional atau kemahiran di mana-mana institusi pengajian; dan
- (ii) memperluas pengenaan duti setem sebanyak RM10 ke atas surat cara sekuriti daripada mana-mana badan berkanun, agensi kerajaan atau kerajaan negeri atau mana-mana syarikat kerajaan atau kerajaan negeri yang ada kepentingan yang menyediakan kemudahan pembiayaan kepada PMKS.

Bab seterusnya, Bab V terdiri daripada enam fasal iaitu fasal 22 hingga fasal 27 bertujuan untuk meminda Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 seperti berikut:

Satu, fasal 22 bertujuan menyatakan pindaan-pindaan yang dibuat dalam bab ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2023 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

■1130

- (ii) fasal 23, fasal 24 dan fasal 25 adalah bagi mewajibkan pengemukaan satu penyata pendapatan dan penyata pendapatan terpinda dalam borang yang ditetapkan secara elektronik;

- (iii) fasal 26 bertujuan memasukkan peruntukan baharu bagi membenarkan pembayar cukai membuat sekali pindaan terhadap penyata bagi perbelanjaan yang dilakukan semasa tempoh carigali tidak lewat daripada enam bulan daripada tarikh akhir mengemukakan penyata; dan
- (iv) fasal 27 bertujuan membenarkan pembayar cukai mengemukakan apa-apa borang yang ditetapkan secara elektronik.

Bab seterusnya, Bab VI terdiri daripada dua fasal iaitu fasal 28 dan fasal 29 bertujuan untuk meminda Akta Kewangan 2018 seperti berikut:

Fasal 28 bertujuan menyatakan tempoh kuat kuasa apabila berkuat kuasanya akta ini.

Fasal 29 pula bertujuan untuk menggantikan perkataan “*Dan 2022*” dengan perkataan “, 2022, 2023 dan 2024” bagi melanjutkan pelepasan cukai pendapatan individu untuk simpanan bersih tahunan ke dalam SSPN.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Setem 1949, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan Akta Kewangan 2018 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff.

11.32 pagi.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas ruang yang diberikan untuk saya membahaskan rang undang-undang yang bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Setem 1949 dan Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.

Keperluan intervensi dan pengurusan anak-anak OKU melibatkan kos yang tinggi. Bagi saya, RM4,000 iaitu jumlah yang kecil berbanding kos yang terpaksa ditanggung oleh ibu bapa termasuk kos-kos rawatan, kos-kos pengurusan, kos-kos taska. Ini amat-amat kecil kalau dibandingkan dengan keperluan yang sebenar.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Jadi, saya mengharapkan supaya kerajaan menilai semula kos ini, pelepasan RM4,000 ini, sama ada kita naikkan jumlahnya ataupun kita membuat pelepasan mengikut jumlah bilangan anak OKU yang terpaksa ditanggung oleh ibu bapa.

Kedua, soalan saya berkenaan dengan pelepasan ini adalah merujuk kepada pindaan seksyen 46, iaitu fasal 4. Penilaian yang dilakukan oleh doktor-doktor swasta, adakah dibolehkan? Sebab, kita dapat aduan daripada sesetengah OKU yang menyatakan sukar untuk mendapatkan surat-surat penilaian ataupun diagnosis daripada doktor-doktor kerajaan. Jadi, untuk memudahkan, adakah penilaian dan juga diagnosis yang dibuat oleh doktor swasta diterima?

Seterusnya, saya masuk kepada SSPN. Saya mohon supaya pelepasan cukai SSPN ini diteruskan dan bukan sahaja terhad ke tahun taksiran 2024. Maksudnya tahun inilah untuk kita buat tahun taksiran bagi tahun depan.

Jadi, untuk kaedah simpanan SSPN ini adalah amat penting kepada ibu bapa bagi menjamin kos pendidikan anak-anak pada masa hadapan. Jadi, ini satu kaedah bagaimana kita hendak memberikan galakan kepada ibu bapa bagi menyimpan untuk keperluan anak-anak masa hadapan sebab kita tidak tahu bagaimana kos-kos pendidikan pada satu masa nanti pada generasi masa hadapan. Selain daripada ini, adakah pihak kerajaan mempunyai kaedah lain untuk menggalakkan pihak ibu bapa menyimpan bagi kos pendidikan anak?

Saya juga ingin merujuk pada KWSP pada sub perenggan 5(b)(i) dan yang berkaitan. Apa justifikasi jumlah amaun potongan yang diberikan iaitu RM3,000 yang dicadangkan kepada pencarum sukarelawan- kenapa RM3,000, kenapakah tidak lebih daripada itu? Juga, apakah usaha kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai pencarum-pencarum sukarela untuk mencarum KWSP?

Tuan Yang di-Pertua, untuk meningkatkan pendapatan negara, selain mewujudkan cukai-cukai baharu, kerajaan perlu juga memastikan syarikat-syarikat membuat taksiran yang tepat. Ini kerana kadang-kadang apabila kita taksir tidak tepat, maka jumlah yang dibayar pun tidak akan tepat. Jadi, selepas kerajaan melaksanakan sistem percukaian taksiran sendiri, peranan audit adalah untuk memastikan pembayar cukai menyediakan dokumen-dokumen yang berkaitan. Namun begitu, selalunya berakhir dengan taksiran yang tidak tepat dan pembayar cukai terpaksa dikenakan denda yang lebih besar. Jadi, lebih banyak pembayar cukai terpaksa membayar cukai.

Jadi, apakah usaha kerajaan dalam mendidik ataupun memberikan tunjuk ajar kepada pembayar cukai supaya membuat taksiran dengan tepat terutama kepada syarikat-syarikat kecil atau pembayar cukai individu? Dengan itu, boleh mengurangkan risiko untuk mereka dikenakan denda yang lebih tinggi ataupun berganda.

Seterusnya, saya diberitahu bahawa bayaran ansuran cukai pendapatan dibenarkan sebanyak enam kali sahaja. Jadi, dalam suasana ekonomi yang muram dan seperti jangkaan ekonomi negara pada tahun ini juga akan terus malap, saya memohon supaya pihak kerajaan dapat mempertimbangkan bayaran ansuran cukai pendapatan sebanyak 12 kali ataupun 12 bulan.

Untuk akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, kita- semua sedar adanya ketirisan dalam pungutan cukai kerana wujudnya pengelat-pengelak cukai yang mengakibatkan pendapatan negara juga akan berkurang. Soalan saya, bagaimanakah kerajaan ataupun pihak Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri mengenal pasti dan memilih syarikat untuk disiasat dalam kes siasatan cukai? Saya memohon supaya kerajaan memberi fokus kepada syarikat-syarikat yang besar supaya kutipan lebih banyak dapat diperoleh. Soalan saya yang terakhir, apakah bentuk strategi yang telah digunakan oleh pengelak-pengelak cukai ini dan apa yang mereka- lakukan untuk tidak terlibat dengan kes siasatan cukai? Apakah langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini? Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff atas perbincangan yang telah diberikan.

Seterusnya, saya menjemput pembahas kedua, Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli. Dipersilakan.

11.38 pagi.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas pembentangan yang melibatkan perkara-perkara yang bab-bab cukai ini bukan senang kita hendak hadam dengan mendengar begitu sahaja melainkan ada perbincangan. Apa pun, apa yang jelas, kita ucapkan syabas kepada LHDN, walaupun kerjanya mengutip duit daripada kita, tetapi dengan keefisienannya, maka kita boleh menambah pendapatan negara dan juga dapat mendidik masyarakat tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan cukai.

Kita biasa menerima melalui e-mel contohnya, makalah-makalah daripada LHDN yang memaklumkan mengenai keadaan-keadaan, perubahan-perubahan semasa dan panduan-panduan bagi pembayar cukai. Ini saya rasa harus kita tingkatkan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina tadi supaya termasuk membuat *filing* cukai pun diberikan tunjuk ajar supaya kita tidak terlupa, tertinggal dan akhirnya kemudian nanti didenda.

Begitu juga cara LHDN mengutip dengan menukar kepada- sistem e-filing ini adalah yang terbaik. Ini kerana ia lebih memudahkan, menjimatkan masa dan mengurangkan mungkin

penggunaan orang-orang tengah, akauntan dan sebagainya. Walaupun kali ini ditumpukan kepada industri petroleum tetapi saya rasa perkembangan ini akan dapat menjadikan LHDN lebih efisien.

■1140

Saya mengalu-alukan cadangan Yang Berhormat Menteri tadi supaya potongan pendapatan untuk rawatan perubatan dinaikkan ke RM10,000 itu suatu peningkatan juga. Namun, kita tahu kos rawatan ini semakin meningkat dengan teknologinya, dengan harga ubat-ubat yang digunakan. Jadi, kerajaan harus menimbangkan kesusahan untuk kita dengan meningkatkan lagi jumlah pengecualian cukai kepada jumlah yang lebih juga.

Begitu juga kepada seperti yang disebut juga oleh Dr. Wan Martina tadi untuk pengurusan anak-anak kita atau cucu-cucu kita ke taman asuhan kanak-kanak, yang mana tambahan RM1,000 ini memang dalam suasana ekonomi dan suasana tekanan hari ini mungkin memerlukan pemikiran semula jumlah yang lebih munasabah. Mungkin RM5,000 supaya anak-anak ini yang kini perlu diberikan pendidikan awal ini dapat pergi ke tadika-tadika ini dengan lebih mudah.

Saya hendak bertanya tentang juga yang ditanyakan oleh Dr. Wan Martina tadi tentang KWSP sukarela ini. Saya rasa ini satu perkara yang baik bagi kita yang sudah terkeluar daripada keperluan menyumbang, mencarum kepada KWSP. Apakah tidak boleh digalakkan lagi dalam keadaan sekarang ini orang hendak mengeluarkan caruman? Ada yang sanggup untuk menambah caruman mereka dibenarkan lebih daripada RM3,000 tersebut. Ini mungkin akan dapat menambah tabungan kepada KWSP, membantu pelaburannya dan mendapatkan pulangan yang baik. Ini bagi mereka yang mempunyai keupayaan untuk membuat pelaburan.

Sambungan juga kepada Dr. Wan Martina mengenai caruman SSPN yang pada tahun 2024- nanti akan dihentikan pengecualian cukainya. Saya rasa inilah juga suatu perkara yang harus ditimbang. Kita sudah tidak banyak mengeluarkan biasiswa atau pun bantuan-bantuan pendidikan yang lain. Sudi apalah kiranya kerajaan menggalakkan SSPN ini supaya tabungan itu dapat lebih dengan jumlah dengan masa yang sama menggalakkan lebih banyak caruman untuk lebih ramai anak. Ini akan membantu semasa mereka memijak kaki ke pengajian tinggi nanti. Jadi kalau setakat tahun 2024, ia memberikan suatu gambaran bahawa kerajaan tidak pro-pendidikan atau pun pro-keupayaan atau mandiri untuk membiayai pendidikan anak-anak kita. Jadi, saya mencadangkan supaya tempoh itu dipanjangkan dan tidak dihadkan dan dengan itu kita akan dapat melihat sumbangan yang lebih baik.

Satu lagi yang saya hendak sentuh, terakhir mengenai RPGT tadi. Di mana *no gain, no loss* ini antara suami isteri yang telah bercerai. Saya pun tidak pasti di mana kelebihannya

tawaran ini. Jadi, kalau boleh sedikit lagi penjelasan diminta daripada Menteri. Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli atas perbahasan yang telah diberikan.

Seterusnya saya menjemput perbahasan yang ketiga Yang Berhormat Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob. Dipersilakan.

11.44 pagi.

Tuan Isaiah a/l D Jacob: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan Rang Undang-undang Cukai Pendapatan 1967. Saya ingin berbahas sedikit tentang dalam rang undang-undang tersebut isu-isu OKU.

Pertama, pengusaha-pengusaha yang ramai memberi ruang kepada golongan istimewa untuk bekerja di syarikat masing-masing. Akan tetapi, pengecualian mereka tidak begitu nampak meriah. So, saya cadangkan kalau boleh tambah lebih pengecualian cukai mereka, maka lebih ramai pengusaha dan syarikat akan tampil di depan untuk memberi ruang atau pun peluang pekerjaan kepada pekerja golongan istimewa ini.

Kedua, dalam Belanjawan 2023 mengatakan peruntukan untuk OKU. Saya dapati ada tujuh perkara dalam peruntukan Belanjawan 2023 untuk golongan istimewa didapati. Akan tetapi, apa yang saya dapati di sini memang peruntukan itu memang tidak cukup bagi golongan istimewa. Membandingkan keperluan harian mereka. Seperti contoh, tongkat yang saya pakai yang bawah sekali warna kuning itu. Saya terpaksa tukar tiap-tiap seminggu sekali. Harganya sebulan-bulan- ia naik harga. Kosnya tidak ada kawalan. So, saya cadangkan. Saya mohon kepada pihak Kementerian Kewangan mengadakan pantauan alat-alat ganti bantuan orang kelainan upaya atau pun golongan istimewa. Memastikan alat-alat ini dikawal dan didapati berkualiti.

Ketiga, saya juga ingin memohon kepada Kementerian Kewangan untuk menambahkan kos perbelanjaan- semakin hari semakin naik kos perbelanjaan. Maka, peruntukan yang diberikan kepada pelatih-pelatih PDK dinaikkan daripada RM150 ke RM200. Ini sebab RM150 mereka dibayar, RM20 akan dibayar kepada pelatih atau penyelia untuk menyediakan makanan. Maknanya mereka dapat sebulan RM130 sahaja. Kalau kita kira seorang satu hari RM10. Kalau kita ambil 26 hari sudah sampai RM260 sepatutnya diterima. Akan tetapi mereka dapat hanya RM150. So, ini memang tidak cukup. So, saya cadangkan kepada Kementerian Kewangan kalau boleh dinaikkan kepada RM200 sebulan kepada pelatih-pelatih di PDK.

Seterusnya, kakitangan PDK. Yang mendapat gaji minimum, kerajaan mengatakan RM1,500. Akan tetapi, penyelia atau pun pembantu-pembantu hanya mendapat RM1,200. Saya mohon kepada Kementerian Kewangan mempertimbangkan dan naikan gaji mereka kepada gaji minimum.

Seterusnya, saya juga ingin memohon kepada Kementerian Kewangan, kami orang- / tidak suka gunakan orang kurang upaya. Saya lebih suka orang kuat upaya. Kami, orang kuat upaya ingin mohon kepada kerajaan. Kami pun ada perasaan. Kami pun hendak hidup seperti orang biasa seperti golongan yang lain. Kami ingin hendak beli rumah atau pun kereta. Kami terpaksa bayar cukai atau faedah seperti orang biasanya enam hingga tujuh peratus. Kami mohon atau pun kami- bukan mohon. Kami minta hak kita untuk mengurangkan faedah itu kepada satu atau dua peratus. Kami adalah orang kuat upaya, kami pun ingin hidup seperti orang-orang biasa.

Dengan ini, saya menyokong sepenuhnya rang undang-undang dipindakan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Tuan Isaiiah a/l D Jacob atas perbahasan yang telah diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang, dipersilakan.

11.49 pagi.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Kewangan 2023. Rang Undang-undang Kewangan yang dibentangkan ini bagi menguatkuasakan langkah-langkah cukai yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2023 pada 24 Februari yang lalu.

■1150

Di samping melaksanakan keputusan kerajaan berkenaan penambahbaikan pentadbiran cukai yang memerlukan pindaan kepada akta-akta yang berkaitan. Saya melihat cadangan pindaan dalam rang undang-undang ini pada prinsipnya antara lain adalah untuk memudahkan kepada pembayar cukai untuk membayar cukai serta memudahkan pembayaran dan pindaan penyata secara dalam talian dan sebagainya supaya lebih efisien dan adil kepada pembayar-pembayar cukai.

Saya yakin pindaan-pindaan yang cuba dibawa kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 ini adalah untuk menambah baik mekanisme pungutan cukai agar ia dapat dilaksanakan dengan

lebih menyeluruh dan komprehensif di mana semua yang layak dan sepatutnya menunaikan tanggungjawab sebagai pembayar cukai dapat membayar cukai demi- untuk pembangunan negara.

Dengan itu soalan saya kepada kementerian, adakah dengan RUU di hadapan kita ini pihak-pihak yang sepatutnya membayar cukai tidak terlepas daripada menunaikan tanggungjawab mereka dan tidak terarah kepada golongan-golongan tertentu dan tidak menyebabkan ketirisan kepada golongan-golongan tertentu? Adakah dengan pindaan ini dapat mengurangkan dan dapat menamatkan ketirisan pembayar-pembayar cukai dari melaksanakan tanggungjawab mereka daripada membayar cukai? Ini kerana adalah salah satu daripada pendapatan negara yang akhirnya akan dipulangkan balik kepada rakyat dalam bentuk pembangunan, bantuan subsidi dan lain-lain.

Ini kerana golongan yang sering membayar cukai pendapatan terdiri daripada penjawat awam. Mereka yang daripada golongan berpendapatan tinggi daripada pihak swasta biasanya tidak akan melunaskan cukai dengan- apabila pihak LHDN menuntut cukai daripada golongan ini pelbagai alasan akan diberi.

Maka saya ingin tahu apakah peratusan penyumbang cukai pendapatan daripada golongan penjawat awam dan swasta untuk pembangunan negara. Soalan saya sejauh manakah sistem Lembaga Hasil Dalam Negeri dapat mengesan individu terutamanya golongan kaya seperti konglomerat serta syarikat-syarikat besar membayar cukai yang dilaksanakan di negara ini bersesuaian dengan pendapatan dan keuntungan mereka yang sebenarnya. Ini penting agar selari dengan hasrat Perdana Menteri untuk melaksanakan dasar kemiskinan tegar diumumkan baru-baru ini dan kutipan cukai tersebut seterusnya dapat menyumbang kepada dana pembangunan kerajaan dan membantu rakyat.

Seterusnya saya ingin merujuk ke seksyen 46(1)(k) mengenai pengumuman bahawa tiada lagi pelepasan cukai untuk pencarum Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN). Saya difahamkan perkara ini telah menimbulkan pelbagai reaksi dan menjemput kritikan daripada pelbagai pihak khususnya pencarum SSPN terutamanya apabila pengumuman kerajaan bahawa akan melihat semua dasar ini dan mengambil maklum balas daripada semua pihak untuk membuat keputusan seterusnya. Perkara ini menimbulkan pelbagai reaksi dari masyarakat.

Saya mohon penjelasan mengenai perkara ini. Adakah pelepasan cukai untuk SSPN ini hanyalah bersifat sementara iaitu hanya merangkumi tafsiran 2024 sahaja? Apabila kita menyentuh mengenai perkara ini, saya ingin tahu status peminjam PTPTN yang tegar membayar balik pinjaman mereka. Golongan ini biasanya terdiri daripada mereka yang berjaya memperoleh kerjaya yang tinggi seperti doktor, jurutera, swasta dan lain-lain dan juga ekonomi *gig*. Saya sedih

melihat pihak PTPTN hanya memburu golongan bawahan ataupun graduan yang belum mendapat pekerjaan seperti kata pepatah, akibat nila setitik, rosak susu sebelanga.

Adakah akibat daripada penarikan pelepasan cukai daripada pembayar tegar PTPTN ini menjejaskan keseluruhan operasi PTPTN itu sendiri? Adakah kerajaan boleh lagi memberi bantuan kewangan dan menaja graduan yang baru memasuki pengajian awam atau mereka yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat yang tertinggi?

Tuan Yang di-Pertua, harapan saya agar dengan pindaan ini kerajaan dapat menggunakan hasil cukai untuk membantu meningkatkan prasarana dan ekonomi negara. Sekian saya mohon menyokong Rang Undang-undang Kewangan 2023. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang atas perbincangan tadi.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah.

11.55 pagi.

Dato' Arman Azha Abu Hanifah: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Kewangan 2023 pada hari ini.

Dalam sesi kali ini pihak kerajaan telah membuat pindaan melibatkan empat akta. Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Hartanah 1976, Akta Setem 1949 dan Akta Petroleum Cukai Pendapatan (1967).

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali dalam ucapan saya hari ini. Saya mengharapkan limpahan kemakmuran ini dapat dinikmati oleh seluruh rakyat Malaysia dalam pindaan ini agar berjaya. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa persoalan yang saya harap pihak kerajaan dapat menjawab dan mengungkai persoalan ini. Persoalan ini tidak menjadi satu permasalahan kepada kerajaan. Kalau kita lihat isu yang selalu menjadi permasalahan adalah tentang kutipan cukai pendapatan. Kalau kita imbau kembali mantan Perdana Menteri ke-6 juga tidak terlepas dengan hal ini sehingga beliau didakwa di mahkamah.

Isu ini dihadapi dengan ramai rakyat Malaysia terutama mereka bergelar usahawan. Baru-baru ini saya ada terbaca bahawa penalti kepada mereka yang lambat membayar cukai, pendapatan sebanyak 45 peratus. Ini satu jumlah yang amat tinggi yang dikenakan kepada rakyat Malaysia terutama dalam keadaan yang kita baru keluar daripada masalah COVID-19. Saya juga merasakan jumlah ini amat tinggi dan saya membebaskan rakyat Malaysia. Saya mohon pihak kerajaan untuk menjelaskan perkara ini.

Kita sekarang ini boleh dikatakan masih dalam tempoh pemulihan daripada pasca COVID-19. Ramai usahawan kita gulung tikar dan terpaksa berubah profesion. Sepatutnya pihak kerajaan perlu lebih cakna, lebih berkemungkinan besar bahkan lebih ramai lagi rakyat Malaysia akan menghadapi kemurungan disebabkan kemerosotan ekonomi pada tahun ini. Tindakan ini bagaimanapun secara tidak langsung mengheret rakyat di bawah terpaksa mencari rezeki untuk mencari rezeki seharian.

Sebelum ini ada juga pindaan khas yang telah dilakukan dalam isu pembayar cukai. Kesemua rakyat yang terlibat dikehendaki membayar cukai dahulu dan baru semakan akan dibuat. Ini dinamakan satu penindasan. Sepatutnya semakan dibuat dahulu baru jumlah cukai disebut dilangsaikan. Akan tetapi apabila kerajaan minta mereka membayar jumlah cukai yang penuh sebelum mereka membuat semakan, ini dilihat sebagai satu penindasan terhadap rakyat Malaysia. Sepatutnya kerajaan perlu melihat perkara ini.

Keluhan rakyat Malaysia serta isu kutipan cukai ini dapat juga dilihat di ruang-ruang media sosial seperti di *Facebook* ada satu- akaun di media sosial di *Facebook* iaitu "*LHDN Cari Siapa?.*" Saya dikatakan kutipan cukai ini satu perkara yang sangat membebankan dan perlu ada satu mekanisme yang sangat bagus untuk menyelesaikan masalah pungutan cukai ini.

Lihat dahulu kita ada GST berbilion-bilion kutipan yang telah kita kutip tetapi dengan lebih telus berbanding dengan keadaan hari ini. Pada tahun 2021 contohnya ahli kumpulan- *group Facebook* ini telah dipanggil oleh LHDN untuk membawa cadangan mereka kepada LHDN dan tuntutan mereka, memorandum mereka kepada LHDN. Persoalan hari ini, apakah kerajaan telah memberikan penjelasan? Apakah pendapatan dan tindakan daripada pertemuan ini?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyentuh tentang isu *Real Property Gains Tax*, dengan izin, atau Cukai Keuntungan Hartanah. Cukai Keuntungan Hartanah ini merupakan cukai dikenakan oleh LHDN atas keuntungan yang diperoleh daripada pelupusan dan penjualan harta dan diperoleh daripada perbezaan harga pelupusan dan harga perolehan.

Kalau kita susur kembali dalam Pembentangan Bajet 2022, kerajaan pada tahun tersebut mengumumkan bahawa tiada lagi cukai ini dikenakan bagi pelupusan hartanah oleh individu yang terlibat daripada warganegara Malaysia yang bermastautin tetap, warga asing bermula pada tahun keenam.

Saya sokong apa yang telah dilakukan oleh kerajaan pada tahun tersebut. Namun, pada tahun 2023 ini saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang begitu fokus dalam perbahasan hari ini apakah tindakan kerajaan atau adakah semakan kembali kadar perlepasan cukai ini perlu dibayar. Ini kerana pada pandangan saya tindakan mengenakan cukai agak tinggi pada peraturan ini tidak akan membantu mengurangkan harga hartanah pada hari ini.

■1200

Anak-anak muda hari ini ramai yang tidak mampu memiliki kediaman pertama kerana kaedah pembelian hari ini dilihat cukai mampu meningkatkan kuasa membeli rumah. Saya mohon penjelasan daripada pihak kerajaan. Saya faham kerajaan perlu menjana pendapatan. Namun, jika mereka dan syarikat menjual ini perlu membayar cukai yang tinggi, rumah pemilikan mereka berusia lima ke-tujuh tahun, kerajaan mampu menjamin harga yang dapat dikawal.

Saya juga mengambil kesempatan ini agar pihak kerajaan menyatakan setakat tahun 2022, berapakah hasil kutipan yang telah diperolehi daripada hasil cukai keuntungan hartanah ini? Saya harap apa yang saya sampaikan ini dapat perhatian serius daripada pihak kerajaan. Kita tidak mahu satu hari nanti kita melihat harga hartanah ini semakin meningkat sehingga menekan rakyat Malaysia pada masa hadapan.

Hujah saya yang terakhir Tuan Yang di-Pertua ialah tentang Akta Setem 1949. Saya lihat banyak penambahan yang baik yang akan dilakukan sekiranya belanjawan ini dilaksanakan. Banyak pentafsiran perlu dibuat. Apa yang paling saya sokong layanan duti setem pembelian harta tanah secara kasih sayang. Bagi saya, menggunakan kos duti pindah milik secara kasih sayang ini melibatkan ibu bapa, anak-anak, datuk, nenek, cucu, kerajaan menanggung setem ini ke atas surat cara pindah milik dapat dikecualikan dengan sepenuhnya seperti daripada kadar RM1 juta nilai pertama kepada harta tanah tersebut.

Baki selebihnya boleh tertakluk pada duti Ad Valorem. Duti sebanyak 50 peratus yang akan dikuatkuasakan pada 1 April 2023. Tindakan ini saya percaya dapat memudahkan anggota masyarakat menyelesaikan masalah dan perwarisan harta. Jika sebelum ini banyak melibatkan proses pindah harta ini kerana masalah tentang pembayaran cukai.

Saya juga ingin memohon supaya selari dengan penjelasan ini kerajaan agar birokrasi *red tape* ini dapat dikurangkan juga mengharapkan dapat minimum segala- tiada masalah yang timbul di antara kakitangan kerajaan yang bertugas dengan rakyat. Walau bagaimanapun, saya yakin mekanisme yang Kerajaan Madani akan menggunakan dan melaksanakan ini mendapat jawapan daripada kerajaan kepada Ahli Majlis yang ada di dalam Dewan ini. Saya rasa cukuplah setakat hari ini. Saya mohon menyokong Rang Undang-undang Kewangan 2023. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Arman Azha Abu Hanifah.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Dato' Kesavadas. Dipersilakan.

12.02 tgh.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambut baik pelaksanaan kaedah pembayaran secara ansuran bagi cukai pendapatan individu yang digariskan dalam pindaan seksyen 103 Akta Cukai Pendapatan 1967. Antara kelebihanannya iaitu melancarkan pengurusan kewangan peribadi rakyat. Bagi seseorang individu yang berkerjaya, pendapatan boleh guna individu tersebut banyak tertumpu kepada perbelanjaan sara hidup termasuk bayaran semula pinjaman perbankan yang perlu dibuat secara bulanan.

Menerusi kaedah ansuran yang digariskan dalam pindaan Akta 53 ini, individu yang berpendapatan tetap boleh menyelesaikan tunggakan cukai mereka secara progresif mengikut kadar bayaran semula yang ditetapkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Berkaitan dengan kaedah pembayaran cukai pendapatan secara ansuran, saya ingin minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai empat perkara.

- (i) apakah perkara yang akan dinilai oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk menentukan kadar ansuran bagi setiap individu pembayar cukai?
- (ii) adakah pembayaran cukai pendapatan secara ansuran turut melibatkan kaedah pemotongan terus daripada akaun bank pembayar cukai atau yang kita panggil sebagai *deduction*, dengan izin?
- (iii) apakah bentuk penalti yang akan dikenakan terhadap seorang individu pembayar cukai yang lewat melaksanakan pembayaran cukai ansuran yang diwarankan kepadanya?
- (iv) apa bentuk pemberitahuan ataupun *notification*, dengan izin, yang akan dilaksanakan oleh LHDN sebagai *reminder* kepada seseorang individu pembayar cukai yang mempunyai tunggakan cukai yang belum dilunaskan?

Tuan Yang di-Pertua, di samping mempertimbangkan perwujudan aplikasi digital yang handal dan sistematik yang boleh memudahkan cara proses pembayaran cukai pendapatan individu, LHDN juga seharusnya bekerjasama dengan golongan majikan dalam sektor swasta untuk mempromosikan usaha-usaha kerajaan ke arah menggalakkan pembayaran cukai pendapatan individu dalam kalangan pekerja.

Kerjasama antara LHDN dengan sektor swasta yang saya nyatakan tadi berupaya meningkatkan kepekaan serta kefahaman golongan pekerja terhadap penyediaan pelbagai pemudah cara yang disediakan oleh kerajaan kepada rakyat untuk melakukan pembayaran cukai mengikut kemampuan kewangan mereka.

Golongan majikan seharusnya membentuk budaya peka cukai menerusi peranan bahagian sumber manusia yang bertanggungjawab dalam menguruskan hal ehwal penggajian pekerja. Budaya tersebut boleh diwujudkan sekiranya setiap seorang daripada pekerja digalakkan untuk mengisytiharkan pendapatan kepada LHDN biarpun belum dikategorikan sebagai pembayar cukai wajib mengikut Akta 53 ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja ucapan perbahasan saya, Rang Undang-undang Kewangan 2023. Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Kesavadas.

Seterusnya, saya menjemput pembahas yang terakhir Yang Berhormat Tuan Abun Sui Anyit.

12.07 tgh.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Kewangan 2023. Saya akan membincangkan tentang beberapa perkara. Sebelum saya terlupa Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Kewangan bahawa diberitakan bahawa i-Suri yang pernah diperkenalkan ataupun mungkin masih diperkenalkan bakal ditamatkan. Adakah berita ini benar? Jika ia ditamatkan, ini akan banyak mengecewakan ibu-ibu yang mungkin mencarum di dalam i-Suri ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya melihat kepada pindaan ataupun penambahan seksyen 30C dalam Rang Undang-undang Kewangan 2023 ini. Ini sesuatu yang sangat baik di mana tarikh tamat untuk membayar cukai berkenaan adalah pada 30 Jun. Sama ada kerajaan bersedia bagi pembayar cukai individu yang selalu diminta untuk membayar cukai setiap ataupun tanggungjawab membayar cukai ini setiap tahun. Jadi, adakah kerajaan bersedia jika perkara ini juga ditetapkan kepada pembayar-pembayar cukai individu ataupun syarikat-syarikat yang lain?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan, saya melihat kepada pegawai-pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri dalam mereka mengutip cukai ini. Saya sangat memuji budi pekerti ataupun bahasa mereka dan saya minta supaya ini dipertingkatkan, supaya janganlah ada unsur-unsur yang lebih melompat ataupun terus kepada keadaan di mana terus di saman di mahkamah. Sedangkan pada masa yang sama pembayar cukai ini kena menghadapi masalah-masalah tertentu maka perlu mengambil masa.

So, saya mohon kepada kerajaan supaya jangan terlalu cepat untuk membawa kes ke mahkamah sedangkan pembayar cukai bersedia untuk membayar. Cuma, perlu panduan oleh

pegawai-pegawai yang berkaitan. Jadi, inilah yang saya ingin cadangkan untuk penambahbaikan kepada rang undang-undang ini.

Seterusnya, adalah berkaitan dengan apabila ada tunggakan kerana ada orang yang baru bekerja dan belum mahir dalam hal ehwal percukaian ini. Maka, didapati mungkin mereka tidak sedar, didapati mereka sepatutnya membayar cukai tetapi sudah leka ataupun alpa. Bukan disengajakan sehingga ada tunggakan mereka yang perlu bayar.

■1210

Jadi maka diminta, kerajaan meminta mereka membayar sampai 30 *percent*. Jadi, mereka untuk mencapai jumlah 30 *percent* ini sangat berat. Jadi, apabila ia sangat berat, maka ini sudah menjadi satu bentuk hukuman kepada orang yang baharu ini sedangkan mereka bersedia untuk membayar cukai tetapi kena mencari jumlah 30 *percent*. Kalau contohnya, RM100,000 sedangkan 30 *percent* ini RM30,000 di manakah mereka perlu cari itu?

Jadi oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya berilah kelonggaran kepada mereka yang benar-benar mahu membayar cukai ini supaya dipertimbangkan berapakah yang mampu mereka bayar. Jadi, itu sahaja saya memberi cadangan kepada akta ini dan saya menyokong Rang Undang-undang Kewangan 2023. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Abun Sui Anyit atas perbincangan tadi.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

12.11 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Sim Chee Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada tujuh orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan RUU Kewangan ini.

Saya jawab dahulu soalan-soalan ataupun isu-isu yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff, terlebih dahulu tentang cukai. Pelepasan cukai untuk anak-anak OKU pembelajaran yang telah dibangkitkan iaitu sejumlah RM4,000 yang Datuk Wira Dr. Mohd Hatta pun ada bangkitkan mengatakan bahawa jumlah ini tidak mencukupi.

Saya setuju bahawa ini merupakan permulaan. Sukacita saya ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, ini merupakan penambahbaikan. Dahulu, tidak ada pelepasan cukai RM4,000 untuk anak-anak autisme, ADHD, *down syndrome* dan sebagainya. Jadi, ini satu penambahbaikan yang baharu, satu- dasar baharu yang diperkenalkan oleh Yang Berhormat Menteri kewangan dalam Belanjawan 2023. Jadi, permulaannya mungkin RM4,000 tidak

mencukupi tetapi saya juga hendak mengingatkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kita kena lihat pelepasan cukai ini dalam gambaran besar iaitu pelepasan cukai untuk anak-anak OKU.

Untuk makluman, layanan cukai kepada ibu bapa yang mempunyai anak-anak OKU berumur lapan belas tahun ke bawah ini sebenarnya bukan sahaja terhad kepada RM4,000 untuk ADHD, autism, GDG, intellectual disability down syndrome dan specific learning disability sahaja itu RM4,000. Ada lagi pelepasan cukai anak kurang upaya yang berkahwin dan telah disahkan secara bertulis oleh JKM sebagai orang yang kurang upaya dibenarkan pelepasan penolakan sebanyak RM6,000. Kemudian, ada lagi untuk perbelanjaan bagi pembelian peralatan sokongan asas dibenarkan pemotongan hingga RM6,000 lagi.

Jadi, jumlah keseluruhan pelepasan cukai yang boleh dituntut oleh ibu bapa ke atas anak-anak mereka yang kurang upaya itu, termasuk kurang upaya pembelajaran adalah sehingga RM16,000. Jadi, bukan RM4,000 sahaja itu. Itu dasar baharu yang diperkenalkan dalam Belanjawan 2023 tetapi keseluruhannya termasuk yang sudah ada ialah sehingga RM16,000 tertakluklah kepada syarat bahawa ibu bapa tersebut memenuhi peraturan-peraturan percukaian.

Soalan kepada Yang Berhormat Dr. Wan Martina tentang adakah penilaian boleh dibuat oleh pengamal perubatan swasta? Sebenarnya, penilaian dibenarkan sektor swasta ini ataupun pengamal perubatan swasta ini dibenarkan tertakluk kepada:

- (i) pemeriksaan bagi tujuan diagnosis yang disahkan oleh pengamal perubatan yang berdaftar dalam Majlis Perubatan Malaysia (MPM); dan
- (ii) program intervensi awal serta rawatan pemulihan yang dijalankan oleh pengamal profesion kesihatan bersekutu yang berdaftar di bawah Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016.

Soalan tentang SSPN, ada beberapa orang Yang Berhormat Senator turut membangkitkan isu SSPN ini Yang Berhormat Senator Hatta, Yang Berhormat Senator Dr Wan Martina, Yang Berhormat Senator Datin Ros Suryati.

Untuk makluman, izinkan saya ataupun sukacitanya saya menyatakan di sini bahawa RUU tadi bertujuan untuk mengembalikan. Tadi kata sudah dihapuskan dan sebagainya, untuk mengembalikan, memulihkan semula pelepasan cukai bagi simpanan SSPN.

Sebenarnya bila kata YA 2024 ataupun tahun taksiran 2024 sebenarnya ia merujuk ke tahun membayar cukai 2025. Jadi, akan dilanjutkan sehingga YA ataupun tahun taksiran 2024. Sebenarnya, dasar pelepasan cukai SSPN ini ia bukan satu- dasar yang orang kata *fixed* ataupun

memang dasar yang tidak berubah. Ia memang dasar yang akan dikaji semula dari semasa ke semasa.

Mungkin lepas YA 2024, mungkin ada kenaikan ataupun ada penurunan bergantung kepada keadaan kewangan negara. Jadi, untuk masa kini diberi sehingga tahun taksiran 2024 dan saya percaya dengan sokongan dan juga dengan usaha kita semua kita mampu untuk melanjutkannya dasar ini, pelepasan ini untuk tahun-tahun yang berikutnya tertakluk kepada keadaan kewangan negara ketika itu.

Tentang sistem taksiran sendiri yang mungkin dikhuatiri tidak tepat sebenarnya pengiraan secara manual mempunyai risiko yang lebih tinggi, risiko kesilapan yang lebih besar. Justeru itu, pindaan kali ini telah mewajibkan pengemukaan secara *e-Filing* secara elektronik bagi meningkatkan ketepatan ataupun mengurangkan sebarang kesilapan dan kekhilafan dalam pengiraan cukai oleh pembayar cukai dan seterusnya sudah tentu untuk mengelakkan penalti ataupun denda apabila mereka diaudit.

Pendidikan berterusan akan dijalankan kepada pembayar cukai menerusi pelbagai medium utama sama ada rasmi ataupun secara sosial media termasuk portal rasmi LHDN, *Hasil Care Line*, *live chat*, *YouTube*, *TikTok* yang sememangnya popular sekarang dan sebagainya.

Caruman pelepasan kepada caruman sukarela KWSP ini turut dibangkitkan oleh beberapa orang Yang Berhormat Ahli Senator termasuk Datuk Hatta dengan Dr Wan Martina. Ini dia memang pakat kah apa, sebab banyak isu yang di...

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Adik-beradik.

Tuan Sim Chee Keong: Adik-beradik, ya. Kedua-duanya doktor tetapi isu-isu yang hebat dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator-senator yang hebat.

Sebenarnya, pelepasan RM3,000 ini adalah juga pelepasan tambahan kepada pelepasan KWSP yang sedia ada. Sebelum ini, caruman sukarela kepada KWSP oleh pembayar cukai yang bekerja sendiri dan penjawat awam boleh tuntutan terhadap kepada RM4,000 tetapi dalam belanjawan kali ini kerajaan memperluaskan lagi pelepasan insurans hayat untuk meliputi caruman sukarela tambahan KWSP kepada semua kategori pekerja. Pekerja yang bekerja sendiri, penjawat awam dan sebagainya sebanyak RM3,000. Jadi, ini bermakna jumlah potongan bagi caruman kepada KWSP adalah sebanyak RM7,000 untuk tahun ini.

Kepada Dr Hatta, sebenarnya banyak yang saya telah jawab sebab tadi memang ada banyak isu yang berkaitan isu tentang '*no gain no loss*' RPGT yang dikatakan '*no gain no loss*' untuk bekas suami isteri. Sebenarnya untuk meringankan beban. Kita haraplah supaya tidak ada kita yang sampai ke tahap itulah. Ini untuk kes-kes penceraian. Akan tetapi, kalau sudah terjadi, malang tidak berbau, maka untuk meringankan bebanan kepada pasangan yang bercerai, harga

pelupusan aset yang dipindah milik itu atas dasar penceraian dianggap sebagai sama dengan harga perolehan. Jadi, bagi pindah milik aset yang dipegang kurang daripada enam tahun yang disebabkan oleh perintah mahkamah dalam kes penceraian mereka.

Oleh yang demikian, pemindahan milik tidak dikenakan cukai kerana tiada keuntungan diperoleh daripada pelupusan sebegini. Sekiranya ini tidak dipinda maka sebarang serahan atau pindah milik sebegini, sama ada ia melibatkan sebarang balasan atau tidak merupakan suatu pelupusan yang tertakluk kepada cukai.

Jadi, Dr Hatta dalam kes yang kita kira tiada orang yang ke tahap itu, kerajaan membenarkan, dilihat pelupusan harta tersebut ataupun pemindahan milikan harta tersebut dilihat sebagai *no gain no loss*. Sekali lagi semoga kita tidak sampai ke tahap inilah.

Pada Yang Berhormat Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob yang sememangnya merupakan juara baharu kita untuk komuniti OKU.

■1220

Pada masa ini daripada aspek penggajian OKU, majikan yang menggaji OKU ataupun orang kurang upaya yang disahkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan diberi potongan tambahan ke atas kos penggajian OKU tersebut dan insentif ini masih lagi berterusan. Keduanya, kerajaan juga menyediakan potongan cukai kepada pembayar cukai orang kurang upaya untuk pelepasan diri sendiri sebanyak RM9,000. Perbelanjaan bagi pembelian peralatan sokongan asas oleh pembayar cukai kurang upaya dibenarkan pula potongan hingga RM6,000 untuk kegunaan orang kurang upaya tertakluk kepada individu tersebut berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Kita akan lihat tentang isu PDK tersebut dan saya akan bangkitkan kepada kementerian yang berkaitan supaya cadangan Yang Berhormat Senator akan diambil perhatian dan dipertimbangkan.

Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati tentang adakah RUU ini cukup untuk mengurangkan ketirisan pembayaran cukai. Seperti yang saya maklumkan tadi sebenarnya apabila kita buat pindaan untuk mewajibkan pernyataan cukai secara *e-filing* ataupun elektronik, maka kita kurangkan lagi kesilapan-kesilapan dan perkara-perkara kekhilafan yang akan berlaku berbanding apabila kita guna manual.

LHDN akan menggunakan pendekatan berteraskan konsep AES iaitu, dengan izin, *Awareness, Education* dan *Services* dalam pentadbiran cukai. Kita menyokong program mendaftarkan penggunaan Nombor Pengenalan Cukai (TIN) kepada semua individu berdasarkan maklumat Jabatan Pendaftaran Negara yang telah pun bermula. Program TIN ataupun dasar TIN ini telah pun bermula daripada data yang diperoleh, maka ia akan meluaskan lagi jaringan

pembayar cukai termasuk mengesan individu konglomerat. Ini merupakan satu- dasar baru yang telah diperkenalkan dengan tujuan untuk memperkukuhkan lagi sistem percukaian kita dan mengelakkan individu-individu sama ada termasuk konglomerat-konglomerat untuk melepaskan diri daripada sistem percukaian.

Untuk Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha, ada beberapa soalan kepada cukai ini. Satu ialah tentang penalti 45 peratus amat tinggi. Saya suka untuk memaklumkan bahawa seperti yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2023 yang lalu, LHDN dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia akan melaksanakan semula program pengakuan secara sukarela. Melalui program tersebut, penalti yang ditawarkan ialah bukan 45 peratus Yang Berhormat Senator Dato' Arman, kosong peratus bagi pengakuan sukarela kepada LHDN yang dibuat dalam tempoh setahun bermula 1 Jun 2023 hingga 31 Mei 2024.

Mana-mana individu yang tidak berkemampuan dan tidak pernah mengikrarkan cukai sebelum ini, saya sarankan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini dan pemimpin-pemimpin di luar sana untuk menggalakkan supaya mereka yang ada isu dengan bayaran cukai boleh mengambil bahagian dalam program pengakuan secara sukarela.

Rakyat bayar cukai dahulu baru buat semakan. Pindaan untuk mengenakan syarat supaya pembayar cukai membayar dahulu cukai adalah bertujuan untuk memastikan kepentingan negara dan pembayar cukai ini terjaga. Kita hendak memastikan supaya hasil tiada ketirisan terutamanya dalam sistem percukaian dan pungutan hasil cukai.

Walau bagaimanapun, kita akan sentiasa terutamanya LHDN dan jabatan bahagian cukai dari semasa ke semasa mengambil kira maklum balas daripada orang awam, daripada profesional-profesional di luar sana tentang sistem percukaian kita untuk ditambahbaikkan. LHDN cari siapa perlu. Ada mekanisme untuk kutipan hasil, Yang Berhormat Senator Dato' Arman, disebut tentang GST.

Sebenarnya GST dengan cukai pendapatan merupakan dua perkara yang berbeza, jadi mungkin tidak patut disamakanlah. Cukai GST merupakan cukai konsumer, manakala cukai pendapatan merupakan cukai *income* pendapatan yang diterima, hasil individu dan syarikat. Jadi, ini dua perkara yang tidak sama. Tidak boleh kata kalau buat GST akan gantikan *income tax*. Tidak ada perbandingan sebegini.

Kerajaan telah pun memaklumkan beberapa kali termasuk saya sendiri, termasuk Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan I, kita telah maklumkan bahawa kini bukan masa yang sesuai. Mungkin ada yang kata GST ini ada kebaikan-kebaikannya tetapi mengikut kajian, golongan berpendapatan rendah akan mengalami kos pembayaran cukai yang lebih tinggi mengikut *ratio* pendapatan mereka. Jadi, cukai ini sudah pun

melalui dapatan-dapatan oleh *think-tank* dan sebagainya, terbukti membebankan golongan yang berpendapatan rendah berbanding golongan yang berpendapatan tinggi.

Justeru, kita perlu meneliti suatu masa yang lebih sesuai dan masa kini dalam tempoh pemulihan pasca pandemik, memang belum lagi masa untuk kita mempertimbangkan pelaksanaan GST.

RPGT. Kerajaan telah menyemak semula kadar cukai keuntungan harta tanah bagi individu warganegara yang melupuskan harta tanah tahun keenam. Buat masa ini tiada cadangan untuk semakan semula kadar cukai keuntungan harta tanah tersebut.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Dato' Arman, hasil kutipan cukai keuntungan harta tanah bagi tahun 2009 hingga 2022 adalah panjang saya rasa saya tidak jawab ini, saya bagi secara bertulis lebih senang untuk beliau meneliti dan menelaah.

Akta Setem, tentang isu pemindahan hartanah atas dasar kasih sayang, dapat dikecualikan cukai termasuk hubungan seperti datuk, nenek dan sebagainya itu, kerajaan mengambil maklum cadangan tadi. Pegawai-pegawai kita di belakang pun sudah mencatat cadangan-cadangan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di sini supaya boleh dikemukakan untuk penambahbaikan di masa-masa hadapan.

Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas, ada empat soalan beliau. Apa kah bayaran secara ansuran, apakah kriteria yang akan dinilai? Antaranya kedudukan jumlah tunggakan cukai yang di lejar dan kemampuan kewangan serta pematuhan pengemukaan borang-borang cukai oleh pemohon. Keduanya, adakah ia melibatkan kaedah potongan terus dari bank? Jawapannya tidak.

Ketiga, bentuk penalti jika lewat bayar cukai ansuran, pembayar cukai tersebut akan dikenakan kenaikan sebanyak 10 peratus ke atas baki cukai dan soalan terakhir beliau, apakah bentuk pemberitahuan yang akan dilaksanakan sebagai *reminder* ataupun peringatan? Surat pemakluman akan dikeluarkan kepada pembayar cukai.

Kepada Yang Berhormat Senator Tuan Abun, bagi kes-kes pekerja baru yang mempunyai tunggakan cukai dan kurang mahir dalam percukaian dan sebagainya. Saya mohon supaya benda ini sebenarnya dia boleh jumpa dengan majikan, dengan jabatan dalam syarikat mereka untuk supaya dipotong PCB melalui gaji jika potongan mereka belum dibuat. Ini akan memudahkan lagi pengiraan cukai di hujung tahun.

Sekiranya selepas pengemukaan borang nyata didapati ada baki cukai kena bayar maka pekerja tersebut perlu membayarkan, menjelaskan bayaran tersebut tetapi mulai tahun taksiran tahun 2023, pembayar cukai tersebut boleh mohon bayaran secara ansuran.

Kepada soalan Yang Berhormat Tuan Abun tentang penetapan tarikh pembayaran cukai individu ditetapkan kepada pembayar cukai syarikat, kerajaan akan mengkaji cadangan ini kerana pihak syarikat, tempoh perakaunan mereka mungkin tidak seragam.

■1230

Mohon jangan terlalu cepat untuk bawa kes ke mahkamah jika pembayar cukai perlukan masa yang lebih. Sebenarnya LHDN sentiasa terbuka untuk berbincang. Semua benda boleh bincang. Bincang mengikut lunas undang-undang dalam kerangka yang telah ditetapkan.

Saya mohon kalau ada isu-isu begini, pembayar cukai bolehlah tampil dan berbincang dengan pejabat LHDN dan perkara ini akan sentiasa seperti yang saya maklumkan akan ditambah baik. Sistem percukaian kita akan ditambah baik untuk memudahkan pembayar cukai kita melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Tadi ada Yang Berhormat Senator kata...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Yang Berhormat Timbalan Menteri..

Tuan Sim Chee Keong: Sekejap, sekejap.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Okey.

Tuan Sim Chee Keong: Tadi ada Yang Berhormat Senator kata pekerja swasta yang selalunya ataupun kurang bayar cukai berbanding penjawat awam. Sebenarnya tidak benar perkara ini. Jumlah pembayar cukai individu adalah lebih kurang 4.5 juta orang manakala penjawat awam kita baru ada 1.7 juta orang.

Jadi, adalah tidak benarlah dakwaan bahawa penjawat awam ataupun pekerja swasta—yang penting golongan pekerja di negara kita, tidak kiralah sektor awam ataupun sektor swasta, mereka sebenarnya tunggak kepada kemajuan negara dari segi menjadi kelas pekerja yang menjana ekonomi dan juga mereka lah menyumbang kepada hasil negara. Saya jemput Yang Berhormat Senator tersebut.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Pertamanya, tadi saya seronok bila disebut tentang sentiasa boleh berunding. Cumanya, selalunya bila kita buat dan ada kawan-kawan kita buat taksiran cukai dan tidak diterima bayar dahulu. Runding yang itu ertinya bayar dahulu dan bila sudah bayar kalau ada lebihan, dia tidak akan bayar balik melainkan ditaksirkan tolakan pada tahun yang akan datang. Jadi, ini saya tengok macam rundingan yang tidak berapa *friendly*. Kalau tidak betul, sila betulkan saya.

Keduanya, tidak tersentuh kita di sini ialah berhubung dengan pembayaran cukai dan pembayar zakat. Orang Islam ini dua kali kena bayar, zakat kena bayar dan cukai kena bayar. Jadi, kalau dahulu yang bayar zakat ditolak cukai tetapi sekarang sudah bayar zakat juga kena

cukai. *Then* zakat yang diberikan ini terusny diolah oleh kerajaan terus pergi kepada rakyat dengan asnaf yang diputuskan. Jadi, apa komen Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Sim Chee Keong: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail, saya ambil maklum tentang pendekatan yang disebutkan tadi. Mungkin ada kes-kes terpencil yang berlaku sedemikian yang mana— tetapi saya sudah katakan sebenarnya perkara ini boleh dibawa untuk berbincang. Boleh jumpa dengan pegawai-pegawai LHDN dan kita menggunakan konsep tadi saya kata *awareness education and service* (AES).

LHDN sentiasa dan saya juga hendak ucapkan tahniah kepada LHDN sebab tahun lepas telah berjaya mengutip cukai lebih daripada RM170 bilion dan cukai-cukai ini bukan sahaja yang membayar gaji kita dan juga pembangunan negara kita.

Tuan Abun Sui Anyit: Mencelah, mencelah Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Sim Chee Keong: Saya merakamkan penghargaan kepada LHDN. Untuk isu zakat...

Tuan Abun Sui Anyit: Mohon mencelah Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Sim Chee Keong: Sekejap, sekejap saya minta saya jawab dahulu. Isu zakat itu dahulu, kini tetapi tidak selamanyalah tetapi dahulu dan kini sama sahaja iaitu pembayaran zakat akan dapat pemotongan cukai, tolakan cukai. Silakan, Yang Berhormat Senator. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua kalau..

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Abun Sui Anyit: Pendek sahaja sebenarnya, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri akan pergi menjawab kepada persoalan saya tadi tentang I-Suri itu, I-Suri.

Tuan Sim Chee Keong: I-Suri setakat ini memang tidak ada apa-apa keputusan untuk pemansuhan, mungkin kita boleh rujuk kepada jabatan berkenaan untuk dapatkan maklumat yang terkini tetapi untuk saya, setakat ini tiada apa-apa keputusan tentang I-Suri, terima kasih.

Dengan itu saya rasa kalau ada yang belum terjawab, saya mohon untuk memberikan, pegawai memberikan secara bertulis terutamanya tentang angka-angka yang diminta itu. Sebenarnya sudah ada tetapi saya rasa hendak baca angka itu, lebih baik kita berikan secara bertulis untuk mudah ditelaah. Jadi saya ucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Senator yang terlibat. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk membahaskan RUU ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Steven Sim Chee Keong, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan atas jawapan-jawapan yang telah diberikan. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi

diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 29 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan) dan diluluskan]

■1240

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LEVI KEUNTUNGAN LUAR BIASA (PENGESAHAN) 2023

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.40 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Sim Chee Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengesahkan pengenaan levi dan pemungutan levi keuntungan luar biasa dan untuk menanggung rugi Kerajaan Malaysia dan pegawai-pegawainya yang tertentu berkenaan dengan levi keuntungan luar biasa yang telah dikenakan dilevi dan dipungut di seluruh Malaysia semasa dari tempoh 1 Januari 1999 hingga 31 Januari 2023 dibacakan untuk kali kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk membuat huraian, dipersilakan.

Tuan Sim Chee Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998 [Akta 592] telah digubal pada 1998 dengan tujuan untuk mengenakan levi keuntungan luar biasa ke atas pengeluaran barang-barang tertentu yang telah ditetapkan oleh Menteri

Kewangan apabila harga barang-barang itu melebihi suatu jumlah untung yang ditetapkan melalui suatu perintah yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah subseksyen 6(1) [Akta592]. Kerajaan telah mengenakan dan mengutip levi keuntungan luar biasa ke atas minyak kelapa sawit mentah dan minyak isirung sawit mentah mulai 1 Januari 1999.

Namun, pengenaan levi tersebut telah digantikan ke atas buah kelapa sawit mulai 15 Julai 2008 dan sehingga kini. Levi juga pernah dikenakan ke atas elektrik dalam tempoh yang singkat sahaja iaitu mulai 1 Julai 2008 hingga 31 Ogos 2008. Hasil kutipan levi keuntungan luar biasa telah sepenuhnya dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan dan penggunaan sumber daripada Kumpulan Wang Disatukan itu adalah mengikut peruntukan belanjawan tahunan yang telah diluluskan oleh Parlimen.

Peruntukan belanjawan yang disalurkan melalui semua kementerian adalah untuk membiayai pelbagai program dan aktiviti yang memberi manfaat kepada rakyat, ini termasuklah untuk pemberian subsidi minyak masak bagi membantu mengurangkan kos sara hidup, terutamanya kepada kumpulan B40.

Sebagai contoh, mulai tahun 2008 hingga 2022, jumlah perbelanjaan subsidi di bawah skim ini adalah sebanyak RM13.43 bilion. Kerajaan masih menampung subsidi ke atas harga minyak masak sehingga kini bagi terus melindungi rakyat daripada kenaikan harga minyak sawit mentah di pasaran. Langkah ini adalah selaras dengan fokus utama Kerajaan Perpaduan untuk melaksanakan inisiatif yang boleh meringankan beban serta kos sara hidup rakyat.

Sehubungan itu, kerajaan amat menghargai sumbangan yang telah diberikan oleh pengusaha ladang dan pekebun kelapa sawit yang selama ini telah membayar levi keuntungan luar biasa yang dibayar dan dapat membantu kerajaan untuk melaksanakan pelbagai agenda program pembangunan negara demi kepentingan semua. Ini bertepatan dengan salah satu kerangka madani di mana pengagihan semula kekayaan bagi menyumbang kepada kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menghuraikan setiap Fasal di bawah Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pengesahan) 2023 yang hanya sebenarnya mengandungi dua Fasal seperti berikut;

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas iaitu akta ini bolehlah dinamakan sebagai Akta Levi Keuntungan Luar Biasa (Pengesahan) 2023; dan

Fasal 2 mengandungi perkara mengenai pengesahan dan tanggung rugi.

Rang undang-undang ini bertujuan untuk mengesahkan pengenaan levi dan pemungutan levi keuntungan luar biasa dan untuk menanggung rugi Kerajaan Malaysia dan pegawai-pegawainya yang tertentu berkenaan dengan levi keuntungan luar biasa yang telah dikenakan,

di levi dan dipungut di seluruh Malaysia mulai tempoh dari 1 Januari 1999 hingga 31 Januari 2023.

Pengesahan ini juga adalah untuk memastikan bahawa kenaan dan kutipan levi yang telah dibuat oleh kerajaan mematuhi peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan oleh Akta 592 dan semua perundangan subsidiari di bawahnya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta pengesahan ini bukanlah pertama kali dibentangkan di Dewan yang mulia ini dengan tujuan untuk mengesahkan kutipan fi, levi mahupun duti kerana ia pernah dibuat terdahulu, antaranya seperti berikut:

- (i) Akta Duti Import (Pengesahan) 1992 [*Akta 477*];
- (ii) Akta Fi (Planetarium Negara) (Pengesahan) 1998 [*Akta 583*];
- (iii) Akta Fi (Taman Laut Malaysia) (Pengesahan) 2004 [*Akta 635*];
- (iv) Akta Fi (Jabatan Meteorologi Malaysia) (Pengesahan) 2011 [*Akta 722*]; dan
akhir sekali
- (v) Akta Fi (Jabatan Muzium Malaysia) (Pengesahan) 2014 [*Akta 760*].

Secara umumnya, pelaksanaan Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pengesahan) 2023 ini tidak melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Sebaliknya, kerajaan akan meluluskan kutipan levi keuntungan luar biasa bagi menjana hasil tambahan yang boleh digunakan untuk membiayai program pembangunan negara. Bagi tujuan tersebut, Perintah Levi Keuntungan Luar Biasa (Buah Kepala Sawit) 2023 telah diwartakan pada 31 Januari 2023 bagi mengenakan dan mengutip levi ke atas pengeluaran buah kelapa sawit berkuat kuasa pada 1 Februari 2023. Perintah ini telah pun dibentangkan di Dewan Rakyat pada 23 Februari 2023.

Kerajaan akan terus memastikan pengurusan kewangan dilaksanakan dengan lebih baik bagi memastikan kemampanan fiskal dalam jangka masa sederhana dan jangka masa panjang. Kerajaan juga akan mengambil langkah meningkatkan kecekapan perbelanjaan awam dengan memastikan setiap perbelanjaan dapat dibuat mengikut keutamaan dan lebih bersasar serta memberi impak kesan berganda kepada ekonomi dan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada sesiapa Yang Berhormat menyokong?

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa suatu Akta bagi mengesahkan pengenaan levi dan pungutan levi keuntungan luar biasa dan untuk menanggung rugi Kerajaan Malaysia dan pegawai-pegawainya yang tertentu berkenaan dengan Levi Keuntungan Luar Biasa yang telah dikenakan, dilevi dan dipungut di seluruh Malaysia semasa tempoh dari 1 Januari 1999 hingga 31 Januari 2023 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada enam orang pembahas dan saya bagi masa setiap seorang lima minit. Pertamanya, saya menjemput Yang Berhormat Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol. Silakan.

■1250

12.50 tgh.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat pagi dan salam Malaysia Madani. Bagi rang undang-undang ini, sesungguhnya, Tuan Yang di-Pertua, sangat sukar untuk tidak menyokongnya kerana ini merupakan memperbetulkan kesilapan yang lepas. Nak katakan untuk menghalalkan barang yang haram, mungkin keterlaluan juga ya. Walau bagaimanapun, saya ada beberapa pertanyaan dan permohonan kepada kementerian.

Pertama, bila kita sebut keuntungan luar biasa, ia adalah subjektif. Adakah keuntungan luar biasa itu ditakrifkan sebagai keuntungan yang 100 peratus, 200 peratus ataupun 300 peratus? Jadi, saya hendak mengetahui, apakah *basis* ataupun dasar kementerian bila kementerian menyasarkan secara tunggal untuk mengenakan levi keuntungan luar biasa kepada syarikat pengeluar sawit ini? Apakah dasar bila menetapkan keuntungan tersebut? Adakah tidak industri-industri lain yang turut meraih keuntungan yang sedemikian? Setahu saya, mengapakah hanya industri sawit yang dikenakan levi keuntungan luar biasa ini?

Keduanya, mengikut perkiraan kementerian, bagi setan minyak sawit pada tahun 1999 apabila kerajaan mengenakan levi ini, berapakah kos pengeluaran bagi setan minyak sawit berbanding dengan sekarang? Sebab, kita melihat kos telah naik berganda-ganda daripada segi buruh, pengangkutan, bahan kimia khususnya baja dan begitu juga kesulitan-kesulitan yang dialami oleh industri tersebut seperti kekurangan buruh dan sebagainya. Perkara ini masih belum mendapat penyelesaiannya dan pengeluar-pengeluar memang menghadapi kesulitan. Jadi, kita nak tahu, apakah *basis* yang sebenarnya?

Dan bagi perkara ini, saya memohon supaya kementerian menimbangkan untuk menyemak semula, menyemak ke bawah kadar levi yang dikenakan pada tahun lepas kerana levi telah ditukar iaitu tiga peratus bagi nilai ambang telah dinaikkan. Bagi Semenanjung Malaysia

daripada RM2,500 setan minyak sawit kepada RM3,000 dan bagi Sabah dan Sarawak, daripada RM3,000 setan kepada RM3,500 setan.

Saya mohonlah kepada kerajaan dengan mengambil kira kos pengeluaran yang telah berlipat ganda untuk menilai kembali, menyemak dan merendahkan lagi kadar bagi levi ini terutamanya bagi Sabah dan Sarawak.

Kos kita adalah lebih tinggi berbanding dengan kos di Semenanjung Malaysia. Ini adalah kerana di Sabah dan Sarawak, kita perlu membayar *sales tax* ataupun cukai kerajaan negeri. Di Sarawak lima peratus jika harga minyak sawit melebihi RM1,500. Jadi, dengan erti kata lain, sepanjang tahun memang harga dia melebihi RM1,500, jadi kita perlu membayar cukai itu bagi setiap tan minyak sawit yang dikeluarkan dari Sarawak.

Baru-baru ini, kerajaan pula telah meluluskan di Sarawak supaya cukai tanah bagi minyak sawit. Dahulunya dipertanggungjawabkan kepada *local authority* untuk mengumpul RM5 bagi sehektar tanah sawit, tetapi kerana kesulitan mereka untuk mengutip cukai tersebut, jadi sekarang ini tanggungjawab telah diletakkan pada Jabatan *Land and Survey* untuk mengutip RM5 bagi sehektar tanah sawit yang diusahakan. Alasannya adalah untuk membaiki jalan-jalan yang dibina oleh *local council* kerana jalan selalu rosak dan sebagainya.

Jadi, tadi saya menyunting apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, kekayaan kita hendaklah *share* bersama dengan rakyat. Daripada segi itu, di Sarawak kita bukan sahaja *share* keuntungan minyak sawit itu dengan memberi subsidi kepada kos minyak sawit tetapi untuk pembaikan jalan juga.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, mereka yang dalam industri sawit ini ada masa menangis, ada masa ketawa. Masa menangis kita adalah bila harga itu di bawah paras RM500 setan bagi buah ataupun RM2,000 setan bagi minyak sawit. Masa kita menangis itu, bukan setahun atau dua tahun tetapi bertahun-tahun. Tahun 2016 sehingga tahun 2019 misalnya, harga adalah di ambang RM2,000, RM2,300 dan sebagainya. Siapakah yang menangis dengan kita? Kita sendiri yang menangis, pengeluar-pengeluar sawit. Akan tetapi, bila harga itu naik sedikit, mulalah hendak menaikkan ses. Ses MPOB daripada RM14 dinaikkan kepada RM16 dinaikkan pada tahun yang lepas dan kali ini levi keuntungan ini pun masih dikekalkan.

Jadi, oleh yang demikian, saya rasa ada dasar yang betul-betul- mohon Kerajaan Malaysia Madani ini menyemak rendah lagi, ke bawah lagi kadar untuk levi tersebut.

Kedua, mohon kerajaan juga menyediakan dana yang khas. Janganlah gunakan semata-mata untuk misalnya subsidi kos minyak masak dan sebagainya. Sediakan dana yang khas untuk membantu mereka yang layak, misalnya B40. Saya selalu menyebutkan perkara ini di dalam Dewan yang mulia ini. Sebab, penanaman sawit merupakan salah satu cara untuk, dengan izin,

uplift orang yang miskin untuk membasmi miskin tegar. Jadi, kalau mereka diberi subsidi untuk bahan tanaman, mereka bolehlah mengerjakan tanah-tanah yang terbiar yang banyak melambak di Sarawak itu. Jadi, kerajaan hendaklah menyediakan dana tersebut. Jangan dihentikan. Beberapa tahun ini dah tak ada lagi.

Keduanya, jalan di dalam kebun sawit itu bukan murah untuk menyediakan jalan. Kalau tak ada jalan, tanah licin. Masa tengkujuh tiga ke-empat bulan itu, buah tak dapat dikutip sebab *transportation* dia tak boleh masuk ke dalam. Jadi, ini yang kita pohon, tetapi itu pun peruntukan sangat terhad. Jangan tidak sahaja yang diperuntukkan oleh MPIC. Oleh yang demikian, saya mohon supaya perkara ini dapat dipertimbangkan.

Dan untuk mereka yang telah menanam sawit, bagi pekebun kecil, saya memohon supaya kerajaan juga memperuntukkan dana untuk penanaman semula. Kos telah menaik sekarang, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, mohonlah ihsan Kerajaan Malaysia Madani supaya mengendahkan rintihan daripada pengusaha-pengusaha sawit. Jangan membiarkan kami menangis keseorangan dan tumpang ketawa bila harga dia naik. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol atas perbincangan tadi.

Dengan ini, saya menjemput pembahas yang kedua, Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas. Dipersilakan.

12.57 tgh.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pelaksanaan levi terhadap keuntungan minyak sawit tempatan merupakan antara penyumbang terpenting kepada pendapatan negara. Pada Mac tahun lalu, Sabah merupakan negeri yang mencatatkan kadar eksport minyak sawit yang paling tinggi berbanding negeri-negeri lain dengan jumlah perolehan sebanyak RM1.8 bilion.

Berdasarkan Kertas Statut 38, Tahun Perintah Levi Keuntungan Luar Biasa (Buah Kelapa Sawit) 2023, nilai ambang levi keuntungan luar biasa sawit bagi Semenanjung, Sabah dan Sarawak telah dinaikkan. Nilai ambang bagi Semenanjung dinaikkan daripada RM2,500 kepada RM3,000, manakala bagi Sabah, nilai ambang levi keuntungan luar biasa dinaikkan kepada RM3,500 daripada RM3,000.

Sebaliknya, kenaikan levi keuntungan luar biasa bagi keluaran minyak sawit mentah merupakan satu persoalan penting yang sentiasa berlegar di fikiran saya. Adakah negeri yang membayar levi keuntungan luar biasa paling banyak dapat menikmati pulangan manfaat yang setara levi yang dibayar?

Oleh itu, cukai atau levi yang dikutip daripada keuntungan industri minyak sawit tempatan harus distrukturkan semula untuk membolehkan negeri-negeri pendapatan rendah seperti Sabah yang turut menyumbang kepada produktiviti minyak sawit negara dapat menikmati pulangan ekonomi daripada cukai keuntungan sawit yang disumbangkan oleh negeri itu.

Secara peribadi, saya cenderung untuk melihat hasil levi keuntungan minyak sawit dapat digunakan oleh kerajaan untuk mewujudkan satu sistem subsidi industri untuk memfokuskan penyediaan sokongan kewangan tambahan kepada syarikat pengeluar sawit tempatan terutama dalam aspek penggajian. Menerusi penyediaan subsidi industri tersebut, kemampuan kewangan syarikat-syarikat pengeluar sawit untuk menggaji tenaga kerja baharu dapat diperkukuhkan.

Sehubungan dengan itu, penawaran kadar gaji bermaruah seharusnya menjadi penekanan kerajaan untuk memastikan kadar penggajian yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat sawit kepada tenaga kerja tempatan benar-benar berbaloi dengan beban tugas mereka. Seperti yang disebut dalam pembentangan Belanjawan 2023, Syarikat Sime Darby Plantation mempunyai iltizam untuk menggaji 100 peratus tenaga kerja tempatan menjelang tahun 2027.

■1520

Sebagai kementerian yang dipertanggungjawabkan dalam hal ehwal percukaian, Kementerian Kewangan seharusnya sudah mengenal pasti negeri-negeri yang berpendapatan rendah bagi mendirikan kilang-kilang sawit yang berpotensi untuk menjadi pengeluar minyak sawit mampan dengan kadar keberhasilan serta kualiti yang tinggi untuk dieksport.

Di samping penyediaan subsidi penggajian, Kementerian Kewangan juga boleh mempertimbangkan pelaksanaan potongan khas levi tahunan terhadap syarikat pengeluar minyak sawit yang menggaji tenaga kerja tempatan dengan jumlah yang signifikan. Potongan khas levi tersebut boleh mendorong sesebuah syarikat pengeluar minyak sawit untuk melaksanakan kenaikan gaji tahunan yang kompetitif dan bermaruah untuk pekerja-pekerja mereka yang menyumbang secara aktif kepada keuntungan serta kelangsungan operasi syarikat.

Penyediaan inisiatif-inisiatif galakan kewangan sebegitu diyakini mampu memulihkan semula imej Malaysia sebagai negara pengeluar minyak sawit mampan di peringkat global. Peningkatan kadar penyertaan tenaga kerja tempatan dalam sektor sawit berupaya menangkis segala dakwaan serta tohmahan yang dilemparkan oleh sebilangan negara dunia terhadap kredibiliti industri sawit Malaysia yang kononnya memanipulasi buruh-buruh asing untuk mengaut keuntungan luar biasa.

Tuan Yang di-Pertua, sekian ucapan perbahasan saya. Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair atas perbahasan tadi.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli, dipersilakan.

1.02 tgh.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Kita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas usaha untuk me-*legalize* semula semua transaksi yang telah berlaku antara tarikh tahun 1999 hingga 31 Januari tahun ini atas kelalaian, kekhilafan atau ketidaksedaran di pihak kerajaan sepanjang tempoh 20 tahun lebih itu memberikan bayangan kepada kita sikap ketidakseriusan dalam urusan-urusan yang penting terutamanya hal ehwal kewangan negara.

Saya tidak pasti, dalam tempoh semenjak tahun 1999 sehingga tahun ini ada atau tidak mana-mana syarikat yang mengemukakan bantahan undang-undang kerana ketiadaan pengesahan yang telah dibuat sepanjang tempoh tersebut. Kalau ada, apakah kerajaan telah membuat bayaran balik sebelum ini? Ini kerana dalam peruntukan yang ada di depan kita, ia berkaitan dengan tindakan atau prosiding yang akan dibuat selepas daripada ini atau yang sedang ada di pihak *arbitration* atau mahkamah, tidak akan diberikan ruang dan dikira bahawa semua urusan tersebut dianggap sah kerana rang undang-undang hari ini telah *backdate*kan.

Adakah kerajaan juga akan meneliti di mana punca kesilapan yang lepas kerana ini merupakan satu contoh, bukan komisen ya atau pengabaian satu tanggungjawab undang-undang. Jadi, adakah kemungkinan kerajaan melihat di mana silapnya supaya perkara-perkara sedemikian tidak akan berlaku lagi, bukan hanya dalam bab keuntungan *windfall tax* ini tetapi terpakai dalam lain-lain suasana seperti akta-akta lain yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri seperti Akta Fi dan sebagainya.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Untuk levi kepada hasil sawit yang memberikan keuntungan besar pada ketika tertentu, adakah kerajaan bercadang untuk memfokuskan hasil kutipan levi itu balik kepada industri yang berkenaan iaitu industri sawit, termasuklah dalam konteks infrastruktur kawasan-kawasan penanaman contohnya atau pun kepada pihak negeri yang mempunyai keluasan yang besar yang menghasilkan kelapa sawit dan minyak, *crude oil* yang banyak.

Ini sebagai gambaran memberikan insentif supaya usaha industri kelapa sawit ini akan terus segar dengan *plow back*, dengan izin, keuntungan itu untuk *research* contohnya, mencari benih-benih yang lebih baik. Kalau begitu yang kita buat, nescaya rungutan daripada rakan Senator Puan Rita Sarimah tadi tidak akan timbul kerana hasil itu dikembalikan kepada industri. Akan tetapi, saya tidak pasti kemungkinan ada yang masuk ke dalam tabungan wang negara kita dan digunakan untuk pelbagai.

Keduanya, apa kerajaan menumpukan *windfall tax* ini, dengan izin, ke atas sawit kerana kita biasa dengar ada komoditi dan barangan lain yang mendapat keuntungan besar, syarikat untung berbilion dalam satu ketika terutamanya dalam pembuatan *latex glove* daripada getah. Adakah itu juga telah dikutip? Adakah rang undang-undang yang kita cuba luluskan hari ini termasuk dalam urusan *windfall tax*, dengan izin pada bahan-bahan lain selain daripada kelapa sawit? Kalau ini berlaku, saya rasa ia juga akan memberikan rasa keselesaan kepada pengusaha kelapa sawit bahawa- bukan kita saja yang kena, orang lain pun kena juga. Itu sebagai pelembut kata orang.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli.

Yang Berhormat Senator Dato' Ajis bin Sitin.

1.07 tgh.

Dato' Ajis bin Sitin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat tengah hari, salam sejahtera dan salam Malaysia Madani. Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kerana telah diberi peluang untuk saya turut membahaskan Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pengesahan) 2023 ini.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dinafikan bahawa kelapa sawit merupakan salah satu komoditi yang telah memberikan sumbangan besar kepada kesejahteraan negara. Kelapa sawit telah diusahakan oleh sekecil-kecil petani sara diri di pedalaman sehinggalah kepada konglomerat besar seperti FELDA, Sime Darby dan sebagainya. Kelapa sawit telah memberikan sumbangan besar ke atas peningkatan ekonomi rakyat negara ini selain daripada getah.

Tuan Yang di-Pertua, harga pasaran sawit di negara ini ditetapkan oleh Lembaga Kelapa Sawit Malaysia (MPOB). Di peringkat pelaksanaan pula, harga sawit ditentukan oleh kilang-kilang kelapa sawit berdasarkan kadar perahan tandan kelapa sawit segar (OER) semasa. Biasanya OER diberikan cuma 19 peratus, bermakna kilang akan membayar sebanyak 19 peratus daripada harga minyak sawit MPOB bagi setiap tan metrik kelapa sawit segar yang dihantar ke kilang.

Pada masa sekarang, setiap tan metrik kelapa sawit segar yang dibawa ke kilang akan dikenakan potongan sebanyak RM16 sebagai ses MPOB, RM36 sebagai caj pengangkutan dan RM60 sebagai kos pemprosesan kilang serta tiga peratus atas nilai ambang caj levi keuntungan luar biasa. Caj-caj ini agak membebankan kepada peladang-peladang kecil yang tidak mempunyai kilang pemprosesan minyak sawit sendiri terutamanya peladang-peladang bumiputera yang berkeluasan antara 100 ekar sehingga mungkin 1,000 ekar.

Tuan Yang di-Pertua, kos pengurusan dan penyelenggaraan ladang kelapa sawit juga telah meningkat begitu mendadak sejak kebelakangan ini, berbanding dengan kos tiga tahun yang lalu. Harga baja dan racun rumpai telah melambung hampir tiga kali ganda. Kos upah juga telah naik akibat daripada kos sara hidup yang tinggi. Begitu juga kos logistik dan peralatan untuk pengoperasian kelapa sawit juga telah meningkat tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan faktor-faktor yang saya sebutkan di atas, saya mohon supaya kerajaan menilai semula kaedah berkenaan caj itu.

■1310

Saya cadangkan, saya caj levi keuntungan luar biasa tiga peratus atas nilai ambang dikenakan hanya kepada ladang-ladang besar yang mempunyai kilang pemprosesan minyak sawit sendiri. Ladang-ladang kecil yang tiada kilang proses minyak sawit dikecualikan ataupun kadarnya dikurangkan.

Nilai ambang yang ditetapkan RM3,000 satu tan ia hanya bernilai lebih RM500 setiap tan buah sawit segar yang dihantar ke kilang. Sehubungan dengan itu, saya mencadangkan kepada kerajaan agar menilai semula nilai ambang ini dinaikkan kepada RM5,000 sesuai dengan namanya levi keuntungan luar biasa.

Caj di atas juga dikenakan kepada ladang-ladang tanaman sawit komersial atau TSK Orang Asli yang diusahakan oleh syarikat swasta, bukan syarikat RISDA Plantation Sdn. Berhad yang bertujuan untuk memberikan dividen kepada peserta-peserta ladang daripada kalangan Orang Asli. Pengusaha TSK itu tidak menikmati keuntungan secara mutlak tetapi dikongsi bersama peserta ladang-ladang Orang Asli bagi tujuan membantu meningkatkan taraf ekonomi mereka. Caj-caj di atas telah mengurangkan nilai dividen yang sepatutnya diterima oleh peserta.

Sehubungan dengan itu, saya mencadangkan agar pengusaha-pengusaha TSK untuk membantu meningkatkan taraf ekonomi masyarakat Orang Asli dikecualikan daripada caj levi keuntungan luar biasa seperti mana yang dinikmati oleh peserta FELDA atau rancangan pembangunan tanah Persekutuan yang lain. Sekianlah perbahasan saya. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, terima kasih kembali kepada Yang Berhormat Dato' Ajis bin Sitin.

Berikut, Yang Berhormat Tuan Abun Sui Anyit. Yang Berhormat Datuk Lim Pay Hen.

1.12 ptg.

Datuk Lim Pay Hen: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera, salam Malaysia Madani. Menurut maklumat yang saya peroleh, levi keuntungan luar biasa ini merupakan satu cukai yang dikenakan ke atas syarikat yang mengaut keuntungan seterusnya menyalurkan semula kutipan cukai atau levi yang dikutip kepada bentuk subsidi seperti minyak masak. Oleh sebab itu, cukai keuntungan ini dikenakan ke atas minyak sawit mentah dan minyak isirung sawit mentah, buah kelapa sawit serta elektrik.

Namun yang demikian, saya ingin membangkitkan beberapa perkara yang berkaitan. Pertama, apakah garis panduan yang diguna pakai oleh Kementerian Kewangan bagi menentukan syarikat dan industri yang seharusnya dikenakan cukai keuntungan tetapi tidak dilaksanakan? Manakala industri seperti kelapa sawit dikenakan walaupun sesetengah syarikat masih mengalami kerugian terutamanya apabila sektor ini mengalami kerugian disebabkan kekurangan pekerja untuk mengutip buah kelapa sawit. Bagi saya, jika hanya formula berdasarkan kepada harga sawit, maka kementerian seharusnya mengkaji semula nilai ambang bagi harga kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua ketika berlakunya pandemik syarikat yang mengaut keuntungan daripada keadaan tersebut seperti pengeluaran berasaskan getah atau berasaskan perubatan dipercayai menjana keuntungan yang tinggi dan luar biasa. Maka, persoalan saya kepada kementerian ialah, berapakah jumlah syarikat yang dikenakan levi keuntungan luar biasa dan nilai kutipan levi daripada sektor-sektor lain seperti selain sektor kelapa sawit?

Saya bertanya kepada kementerian perkara ini kerana saya difahamkan sektor elektrik juga pernah dikenakan cukai keuntungan ini. Sekiranya aplikasi yang sama, levi keuntungan kelapa sawit disalurkan semula kepada subsidi minyak masak. Dengan itu, levi keuntungan ke atas syarikat sarung getah dan bekalan berkaitan perubatan boleh disalurkan semula kepada Kementerian Kesihatan bagi menampung subsidi perubatan kepada rakyat dan pegawai kesihatan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang ingin saya bangkitkan iaitu mengenai usaha kerajaan menangani anti minyak sawit di peringkat global. Walaupun perkara ini bukan di bawah Kementerian Kewangan, saya ingin mencadangkan apabila kementerian mempertimbangkan

pengecualian levi ini ke atas syarikat dan pekebun sektor kelapa sawit, tanggungjawab untuk memastikan sektor kelapa sawit yang lebih mapan tidak seharusnya di bahu satu kementerian.

Kementerian Kewangan sepatutnya menggalakkan sektor kelapa sawit negara untuk mematuhi piawaian *environmental social and governance*, dengan izin, boleh mendapat pengecualian cukai. Ini tidak langsung akan dapat memastikan sektor kelapa sawit kita ke arah penarafan.

Sustainability palm oil ataupun *fair trade palm oil*, dengan izin, sebagaimana komuniti lain seperti kopi, lada, koko di peringkat antarabangsa yang mempunyai pensijilan *fair trade* atau *Rainforest Alliance*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengakhiri ucapan perbahasan saya dengan berharap agar pencerahan dan cadangan yang saya kemukakan boleh dipertimbangkan oleh kementerian secara mendalam agar suara pekebun kelapa sawit didengari dan memastikan kesejahteraan pekebun kecil terus dipelihara. Dengan ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Berakhir senarai yang telah kita tetapkan dan dengan itu diminta supaya Yang Berhormat Menteri diberi peluang menjawab.

1.17 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Sim Chee Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan tadi. Saya ingin menjawab soalan-soalan daripada Yang Berhormat Senator. Terlebih dahulu Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol. Bagaimanakah keuntungan luar biasa ataupun levi keuntungan luar biasa ini ditakrifkan? Adakah terdapat industri lain dan sebagainya? Berapakah kos setan kelapa sawit dahulu dan sekarang? Apa basis dan sebagainya?

Saya hendak menyatakan bahawa sebenarnya tiada isu daripada segi perundangan tentang bagaimana keuntungan luar biasa ini ditakrifkan, mana industri yang dipilih dan sebagainya. Saya tahu, beberapa orang Ahli Senator telah bangkitkan contohnya untuk industri sarung tangan. Untuk makluman, penggubalan Akta Levi Keuntungan Luar Biasa ini ia tidak tertakluk kepada hanya komoditi buah kelapa sawit sahaja. Ia boleh diguna pakai untuk mengenakan levi ke atas apa-apa barangan yang ditentukan oleh Menteri Kewangan.

Tadi sudah disebut dalam perbahasan saya bahawa pernah dikenakan ke atas sektor elektrik. Akan tetapi kerajaan setakat ini kita belum pernah mengenakan levi ini ke atas barangan siap pengguna ataupun barangan pengilangan tempatan. Ini kerana levi dikenakan ke atas

keuntungan luar biasa akan ditentukan mengikut aras ambang ataupun nilai ambang tertentu. Tadi sudah sebut untuk Semenanjung Malaysia RM3,000, untuk Sabah dan Sarawak RM3,500.

Jadi, adalah sukar untuk menentukan harga pasaran yang seragam bagi barangan siap pengguna dan produk pengilangan tempatan yang mempunyai kepelbagaian dalam jenisnya, dalam piawaian, dalam spesifikasinya, dalam grednya. Semuanya berbeza-beza mengikut permintaan pasaran kalau hendak bandingkan dengan komoditi sawit yang mempunyai harga rujukan, harga dagangan yang disiarkan oleh MPOB setiap bulan.

Justeru itu, kerajaan tidak mengenakan levi keuntungan luar biasa ke atas produk sarung tangan getah yang menikmati keuntungan tambahan terutamanya dalam musim-musim pandemik dalam dua tiga tahun ini.

Sungguhpun tidak dikenakan levi keuntungan luar biasa, kerajaan telah mengenakan Cukai Makmur kepada mana-mana perniagaan yang telah memperoleh keuntungan berganda semasa krisis kesihatan melanda dunia ketika itu.

■1320

Industri pengeluaran sarung tangan getah juga telah menyumbang kepada ekonomi negara daripada segi cukai langsung dan cukai tidak langsung, khususnya cukai pendapatan syarikat yang meningkat di samping dapat terus menyediakan peluang pekerjaan semasa krisis COVID-19. Jadi, setakat ini tidak ada timbul isu tentang pelaksanaan levi keuntungan luar biasa ke atas sektor yang lain setakat ini.

Tentang kos kelapa sawit dan sebagainya, sebenarnya saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan isu ini mungkin juga amat arif tentang kos dan juga formula yang terpakai. Contohnya, daripada segi nilai ambang, walaupun nilai ambang itu sebenarnya telah pun dikaji semula baru-baru ini iaitu pada tahun 2022. Jadi, nilai terbaharu ini sebanyak RM3,000 untuk Semenanjung Malaysia dan sebanyak RM3,500 untuk Sabah dan Sarawak sebenarnya bukan nilai lama sejak tahun 1999, tetapi merupakan nilai baharu bagi yang telah dilaksanakan dan dikaji semula pada tahun 2022.

Untuk makluman, pada tahun 1999, semasa levi ini mula dilaksanakan, nilai ambang keuntungan yang ditetapkan ketika itu hanyalah RM2,000 sahaja. Jadi, kini pernah dinaikkan pada tahun 2008 kepada RM2,500 bagi Semenanjung dan sebanyak RM2,500 bagi Sabah dan Sarawak. Manakala terkini pada tahun 2022, dinaikkan kepada RM3,000 dan RM3,500 masing-masing.

Yang Berhormat juga telah mencadangkan dana untuk pekebun kecil. Kementerian Kewangan mengambil maklum tentang cadangan tersebut dan cadangan-cadangan lain yang telah diberikan. Akan tetapi, seperti yang telah dimaklumkan dalam Belanjawan 2023 yang lalu,

kerajaan telah memperuntukkan sejumlah dana untuk membiayai Program Pembangunan Sawit termasuklah RM50 juta- geran sepadan untuk melaksanakan projek rintis dengan syarikat sawit melalui inisiatif automasi.

Sebanyak RM40 juta, bagi program pensijilan minyak sawit mampan Malaysia untuk pekebun kecil persendirian. Sebanyak RM30 juta bagi pengiktirafan minyak sawit mampan dan sebanyak RM10 juta untuk mempergiatkan lagi usaha mempromosi dan menjalankan kempen menangani antiminyak sawit di peringkat global. Ini juga menjawab soalan-soalan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang telah membangkitkan perkara ini.

Untuk Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair, hasil kutipan levi keuntungan luar biasa akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan dan kemudian jumlah daripada tabung dana ini akan diperuntukkan semula mengikut peruntukan perbelanjaan yang dibentangkan ke Parlimen dan diluluskan oleh Parlimen. Ia meliputi pelbagai perbelanjaan kepada rakyat termasuk juga tadi dia kata subsidi minyak masak dan juga projek-projek menaik taraf jalan, projek-projek memberikan inisiatif kepada usahawan, termasuk usahawan sawit dan sebagainya.

Sebenarnya ia tidak mengikut nisbah ataupun tidak mengikut kepada pecahan negeri seperti yang dicadangkan itu. Kita mengambil maklum pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas untuk menggunakan dana levi bagi mengukuhkan lagi industri sawit. Seperti yang saya maklumkan, ia dimasukkan kesemuanya dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan dan dalam kumpulan wang ini ia tidak membezakan antara peruntukan yang bakal digunakan ataupun belanjawan yang bakal digunakan.

Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli tentang adakah syarikat-syarikat yang mengemukakan bantahan terhadap undang-undang levi ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, salah satu kes bantahan tentang perkara ini pernah difailkan di Mahkamah Tinggi Ipoh dan telah pun diselesaikan pada hujung Mac 2023. Rang undang-undang pengesahan ini hanya untuk mengesahkan kutipan yang telah dipungut menurut kuasa yang diperuntukkan kepada Menteri Kewangan di bawah Perintah Empat yang disebut dalam fasal 1 dan fasal 2 rang undang-undang ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998 sememangnya digubal untuk mengenakan apa-apa levi ke atas barangan, semua jenis barangan yang saya sebutkan yang ditetapkan.

Saya rasa sebenarnya banyak soalan yang berulang. Fokus kepada bagaimana kita hendak membantu...

Tuan Yang di-Pertua: Yang berulang tidak payah.

Tuan Sim Chee Keong: Ya. Bagaimana kita hendak membantu. Sukacita saya ingin maklumkan ataupun saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Levi Keuntungan Luar Biasa ini ia bukan dikenakan kepada semua jenis ladang, sebenarnya saya hendak bagi satu contoh. Tuan punya ladang dan pengeluar buah kelapa sawit yang mempunyai ladang atau kebun kelapa sawit yang keluasannya kurang daripada 40.46 hektar ataupun 100 ekar dan tuan punya ladang serta pengeluar buah kelapa sawit yang mempunyai ladang ataupun kebun kelapa sawit di dalam satu kawasan penempatan berkelompok di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 (Akta 530) tidak dikenakan ataupun dikecualikan daripada pembayaran Levi Keuntungan Luar Biasa.

Jadi, dia tidak membezakan daripada segi komuniti contohnya Orang Asli dan sebagainya tetapi ia membezakan daripada segi jenis perusahaan dan saiz ladang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kebanyakan sudah jawab sebab semuanya berulang, tetapi kita akan terus mengenakan berkenaan dan...

Dato' Ajis bin Sitin: Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

Tuan Sim Chee Keong: kutipan Levi Keuntungan...

Tuan Yang di-Pertua: Mohon mencelah Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Sim Chee Keong: Boleh. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya beri.

Dato' Ajis bin Sitin: Okey. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab. Sebenarnya isu ladang Orang Asli ini telah saya bangkitkan banyak sekali. Oleh sebab apabila ladang Orang Asli walaupun 1,000 ekar, 2,000 ekar tetapi tertakluk kepada levi. Saya rasa tidak adil sebab pengusaha-pengusaha yang mengusahakan ladang Orang Asli ini ialah berbentuk dividen.

Ini bermakna, hasil yang diusahakan itu dishare dengan Orang Asli. Pengusaha cuma mengambil dalam 30 peratus hingga 40 peratus daripada keuntungan. *That is why* dalam Dewan yang mulia ini saya mohon supaya ladang-ladang Orang Asli ini pun dikecualikan daripada kenaaan Levi Keuntungan Luar Biasa ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Termasuk kah ke dalam Levi Keuntungan Luar Biasa ini?

Tuan Sim Chee Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Ajis. Sememangnya termasuk. Seperti yang saya katakan tadi dia tidak membezakan daripada segi komuniti, tetapi membezakan daripada segi saiz ladang dan saya faham apa yang dimaksudkan, apa maksud sebenar yang hendak dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator tadi, yang sememangnya prihatin tentang isu masalah peladang sektor sawit dalam kalangan Orang Asli. Kita akan mempertimbangkan apa yang telah dicadangkan itu dan kita akan melihat semula bagaimana mungkin seperti yang tadi Yang Berhormat Senator

membangkitkan untuk melihat mereka seperti penempatan berkelompok contohnya FELDA dan sebagainya.

Jadi kita akan mempertimbangkan cadangan yang telah dibangkitkan itu...

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah? Mohon mencelah.

Tuan Sim Chee Keong: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Mahu beri jalan? Sila.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Tidak. Cuma satu pencerahan berkenaan dengan pengenaan levi ini adalah tidak kepada *smallholder* ya. Akan tetapi, pada praktiknya, *smallholder* pun tidak dikecualikan. Oleh sebab tidak ada pengusaha yang mahu menanggung kos dengan sukarela. Jadi, biasanya lazimnya, dengan izin, *reflected* melalui OER yang dikenakan kepada pekebun. Memberikan OER yang lebih rendah. Oleh sebab itu beberapa tahun yang lepas saya mohon supaya setiap pengilang yang memberikan *statement* ataupun butiran harga dengan telus, supaya pekebun kecil ini tahu, apakah butir-butir yang dikenakan? Terima kasih.

Tuan Sim Chee Keong: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah. Kita mengambil maklum maklum balas yang telah dikemukakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa yang belum sempat dijawab, mungkin saya kemukakan daripada segi menggunakan jawapan bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan.

Tuan Sim Chee Keong: Jadi, kita akan meneruskan kenaan dan kutipan Levi Keuntungan Luar Biasa melalui Perintah Levi Keuntungan Luar Biasa Buah Kelapa Sawit 2023 yang telah diwartakan pada 31 Januari 2023 untuk mengena dan mengutip levi ke atas pengeluaran buah kelapa sawit, berkuat kuasa mulai 1 Februari 2023.

■1330

Perintah ini telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 23 Februari dan Kementerian Kewangan akan terus memastikan semua prosedur tatacara kutipan levi ini dapat dilaksanakan mengikut undang-undang yang sepatutnya. Akhir sekali, kita juga amat menghargai sumbangan industri sawit yang merupakan tonggak kepada ekonomi negara dan memainkan peranan penting dalam membekalkan sumber makanan dan tenaga kepada populasi global yang semakin meningkat.

Adalah diharapkan industri sawit Malaysia akan meneruskan prestasi memberangsangkan tahun ini disokong oleh permintaan kukuh bagi komuniti ini dan pengeluaran minyak sawit mentah yang lebih tinggi. Justeru, saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi

kepada Dewan yang mulia ini atas peluang untuk membentang dan juga membahaskan tentang RUU Levi Keuntungan Luar Biasa. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah yang dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN JALAN (PINDAAN) 2023

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

1.35 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Haji Hasbi bin Habibollah]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 dibaca kali yang kedua sekarang.

Bismillahi Rahmani Rahim. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] telah mula berkuat kuasa mulai tahun 1987. Objektif utama Akta 333 adalah untuk menyediakan persekitaran pemanduan kenderaan bermotor yang seragam, selamat dan efisien di atas jalan raya. Kali terakhir Akta 333 dipinda adalah dalam

tahun 2020 yang antara lain melibatkan peruntukan berkaitan kesalahan memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah sama ada menyebabkan kematian atau kecederaan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Secara keseluruhannya RUU Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2022 mengandungi 13 fasal di dalamnya. Fasal-fasal yang melibatkan pindaan-pindaan utama kepada Akta 333 adalah seperti berikut.

Pertama, Fasal 2, bertujuan meminda seksyen 2 untuk mewujudkan takrif baharu atas baharu bas persiaran dan meminda takrif lesen vokasional. Pindaan susulan kepada ketetapan untuk mewajibkan lesen vokasional kepada pemandu bas persiaran.

Kedua, Fasal 3, bertujuan meminda seksyen 3 untuk memberi kuasa kepada menteri membuat peraturan-peraturan mengenai pakaian seragam, tanda pangkat, kad kuasa dan lencana pegawai pengangkutan jalan. Dengan penetapan peraturan berkaitan pakaian seragam anggota JPJ di bawah undang-undang maka mana-mana yang menyamar atau memakai pakaian seragam JPJ akan melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan.

Fasal 4, bertujuan memperkenalkan seksyen 13A baharu bagi mewujudkan punca kuasa mengawal selia proses pertukaran milikan kenderaan motor secara interim. Proses ini melibatkan pertukaran milikan kenderaan motor apabila pemunya berdaftar menjual kenderaan tersebut kepada peniaga kenderaan motor terpakai- *unused car dealer*, dengan izin, bagi maksud menjual kenderaan itu semula kepada orang lain.

Pada masa ini, sebarang pertukaran hak milik kenderaan adalah bersifat kekal seperti ditetapkan dalam Akta 333. Walau bagaimanapun, atas keperluan mendesak untuk melindungi hak orang ramai, proses pelaksanaan pertukaran hak milik kenderaan motor yang dijual kepada UCD telah dilaksanakan secara interim dan tidak bersifat kekal semenjak tahun 2011. Melalui proses tersebut, pemilik asal yang menjual kenderaan akan memindahkan pemilikan atau pendaftaran kerana motor secara sementara kepada pihak UCD.

Proses ini seterusnya membebaskan pemilik asal daripada sebarang liabiliti ke atas kenderaan yang telah dijual. Sebarang salah laku selepas kenderaan itu dipindah milik menjadi tanggungjawab UCD. Sebelum proses ini diperkenalkan terdapat situasi di mana kenderaan yang telah dijual kepada UCD masih berdaftar di bawah pemilik asal dan telah disalahgunakan termasuk melanggar peraturan jalan raya oleh pihak lain. Seterusnya, pemilik asal pula telah dipertanggungjawabkan ke atas semua pelanggaran peraturan terlibat.

Sekiranya kenderaan berkenaan tidak dijual kepada pemilik baharu selepas enam bulan, pemilikan kenderaan akan bertukar secara kekal kepada UCD. Dalam transaksi ini kerajaan melalui JPJ akan memungut RM10 sebagai *fee* perkhidmatan. Pertukaran pemilikan secara interim yang telah dilaksanakan pada masa ini adalah tidak selari dengan ketetapan Akta 333.

Sehubungan itu, pindaan ini akan mewujudkan punca kuasa bagi pertukaran pemilikan berkenaan motor secara interim atau sementara serta mengesahkan sebarang *fee* yang telah dikutip oleh JPJ di sepanjang pelaksanaan proses tersebut sebelum ini.

Fasal 6, bertujuan meminda seksyen 56 bagi menetapkan syarat mempunyai lesen vokasional hanya kepada individu yang mempunyai lesen memandu kompeten sepenuhnya sahaja. Mana-mana orang yang masih memegang lesen belajar memandu atau lesen memandu percubaan tidak dibenarkan memohon sewaktu lesen vokasional atas asas keselamatan dan tahap kompetensi individu tersebut.

Selain itu, pindaan juga akan mewajibkan individu yang tertakluk kepada definisi 'orang bekerja sendiri' di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789] untuk mendaftar dan membayar caruman SKSPS bagi mendapatkan lesen vokasional.

■1340

Dalam hal yang berkaitan dengan Akta 333, caruman ke atas SKSPS akan dijadikan sebagai salah satu syarat wajib ke atas permohonan pembaharuan lesen vokasional iaitu lesen PSV melibatkan pemandu teksi, *e-hailing*, *p-hailing* dan pemandu bas serta lesen vokasional atau lesen GDL melibatkan pemandu kenderaan barangan.

Fasal 7 bertujuan meminda seksyen 57 untuk mewajibkan semua pemandu bas persiaran mempunyai lesen vokasional. Pindaan ini bertujuan memastikan syarat mempunyai lesen vokasional adalah seragam kepada semua pemandu bas persiaran dan setara dengan peraturan ditetapkan pada masa ini kepada pemandu bas ekspres, bas henti-henti dan bas pekerja.

Selain memastikan keseragaman peraturan pelesenan, ketetapan ini juga mengambil kita bahawa kenderaan yang dipandu adalah sama iaitu bas tujuan mengangkut orang. Pindaan juga akan dilaksanakan kepada seksyen 57 bagi menurunkan had umur individu mendapatkan lesen vokasional bagi kenderaan barangan menggunakan motosikal daripada tidak kurang daripada 21 tahun kepada tidak kurang daripada 18 tahun.

Pindaan ini dilaksanakan selaras dengan keputusan kerajaan supaya perkhidmatan kenderaan barangan termasuk menggunakan motosikal yang disediakan di bawah satu perniagaan penghantaran atau, dengan izin, *p-hailing* dikawal selia di bawah peruntukan undang-undang sedia ada.

Untuk makluman semua, peraturan semasa menetapkan had umur bagi individu mendapatkan lesen vokasional 21 tahun. Pada kala ini, penggunaan motosikal sebagai satu kenderaan penghantar semakin meluas di kalangan masyarakat Malaysia terutamanya bagi tujuan penghantaran barangan dan makanan. Had umur bagi mendapatkan satu Lesen

Memandu Malaysia (LMM) bagi kelas motosikal iaitu 16 tahun. Ini bermakna mana-mana individu yang telah berumur 16 tahun ke atas telah pun boleh memohon untuk mendapatkan satu- Lesen Memandu Motosikal dan seterusnya menunggang di atas jalan raya.

Bagi mereka yang telah lulus semua ujian mendapatkan lesen, akan diberikan suatu Lesen Percubaan “P” untuk tempoh selama dua tahun. Bagi individu terlibat, selepas tempoh percubaan tamat, mereka telah pun berumur 18 tahun ke atas. Ini bermakna individu berkenaan telah pun kompeten untuk memandu atau menunggang motosikal membawa barangan.

Sekiranya had umur ini tidak diturunkan, maka individu yang tergolong dalam had umur terbabit iaitu antara 18 tahun hingga 20 tahun, tidak lagi dibenarkan bekerja sebagai penunggang motosikal sebagai kenderaan barangan. Seterusnya, menyebabkan mereka akan kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan. Walaupun had umur telah diturunkan, kerajaan tetap memberikan perhatian berat kepada aspek keselamatan pemanduan penunggang *p-hailing*. Maka atas dasar ini, kerajaan telah bersetuju agar perkhidmatan ini dikawal selia dan dilesenkan oleh JPJ, APAD serta LPKP negeri Sabah dan negeri Sarawak.

Fasal 8 bertujuan mewujudkan seksyen 63A baharu bagi mewujudkan punca kuasa yang mengesahkan di sisi undang-undang penggunaan peralatan sistem penimbang semasa bergerak elektronik atau berkomputer iaitu HSWIM yang dipasang pada mana-mana jalan untuk menyukat berat kenderaan motor yang sedang bergerak secara automatik. Pindaan ini akan membolehkan JPJ menggunakan HSWIM sebagai salah satu- alat bagi tujuan menimbang kenderaan motor lebih muatan seperti mana penggunaan alat timbang konvensional-konvensional yang dipasang di stesen penguatkuasaan JPJ.

Penggunaan HSWIM akan memperluaskan capaian dan menambah baik aspek penguatkuasaan di seluruh negara. Aktiviti penguatkuasaan kini akan boleh dilaksanakan selama 24 jam dan 365 hari tanpa terkesan dengan keadaan cuaca. Selain itu, penggunaan HSWIM juga akan berupaya mengurangkan keperluan anggota penguatkuasaan yang tinggi, mengurangkan perbelanjaan kewangan bagi tujuan penyelenggaraan jalan dan seterusnya meningkatkan tahap keselamatan jalan raya melalui pematuhan peraturan berat kenderaan motor oleh pemilik dan syarikat berkaitan.

Akhir sekali, fasal 10 bertujuan untuk meminda seksyen 88B bagi membolehkan kenderaan barangan pendaftaran negara asing akan turut boleh dikenakan bayaran caj jalan sama seperti dikenakan kepada lain-lain kelas kenderaan motor atau kategori kenderaan perdagangan yang memasuki dan menggunakan infrastruktur jalan raya di Malaysia.

Caj jalan ini dikenakan bagi memastikan semua kenderaan pendaftaran negara asing turut menyumbang sejumlah fi apabila menggunakan jalan di Malaysia. Kutipan fi ini akan kelak

digunakan sebagai tujuan penyelenggaraan semua infrastruktur jalan di Malaysia. Lain-lain pindaan yang tidak dinyatakan secara khusus adalah merupakan pindaan bersifat editorial dan *consequential*, dengan izin, susulan kepada pindaan-pindaan utama.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, pindaan-pindaan yang dicadangkan di dalam RUU ini adalah penting bagi memastikan tahap keberkesanan dan kualiti penyampaian perkhidmatan teras JPJ. Pada masa yang sama, ia juga akan memastikan terdapatnya punca kuasa yang sah di bawah Akta 333 bagi pelaksanaan perkhidmatan-perkhidmatan utama yang berkenaan.

Pindaan juga akan memastikan aspek kebajikan pemandu-pemandu yang bekerja sendiri dapat dilindungi di bawah SKSPS. Penurunan had umur untuk mendapatkan lesen vokasional menggunakan motosikal kepada 18 tahun juga akan membuka peluang-peluang pekerjaan kepada ramai lagi rakyat Malaysia. Sehubungan itu, saya dengan rendah hati memohon supaya pindaan-pindaan yang dicadangkan dapat diluluskan di Dewan yang mulia ini demi menjaga kepentingan seluruh rakyat terutamanya golongan muda yang bekerja sendiri. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Siapakah penyokong?

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Saya mempunyai 13 orang yang menzahirkan keinginan untuk mengambil bahagian dalam perbahasan. Saya tidak mengikut senarai ini secara *numeric* tetapi akan mengambil mereka yang tertera namanya di sini bagi tujuan supaya kehadiran di Dewan tetap ada dan tidak hanya menunggu kepada giliran masing-masing. Saya jemput dengan hormatnya Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Sudah terbukti... *[Ketawa]*

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas.

1.47 tgh.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh berkenaan isu bas persiaran. Pada awal September lalu, bas persiaran yang membawa seramai 44 orang pelajar Kolej Matrikulasi Kedah telah terbakar. Biarpun kebakaran

tersebut tidak melibatkan sebarang korban nyawa, namun saya ingin menegaskan bahawa aspek keselamatan bas persiaran perlu diberikan perhatian oleh Kementerian Pengangkutan.

Kira-kira sebulan selepas kejadian tersebut, satu kemalangan yang melibatkan bas persiaran yang membawa seramai 29 orang penumpang berlaku di Pendang, Kedah. Berdasarkan siasatan pihak polis, bas persiaran tersebut hilang kawalan dan terbabas ke dalam parit yang terletak di bahu kiri jalan pada kilometer 40, Lebuhraya Utara-Selatan. Saya difahamkan bahawa kes tersebut telah disiasat di bawah seksyen 43(1) Akta Pengangkutan Jalan.

Berdasarkan kepada kedua-dua kes ini, apa yang saya boleh simpulkan merupakan peranan APAD atau JPJ amat penting dalam mengawal selia operasi bas persiaran berdaftar khususnya dalam aspek yang melibatkan keselamatan. Peranan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sebagai agensi penguat kuasa perlu diperkasakan di setiap negeri. JPJ atau APAD seharusnya dimandatkan untuk menjalankan pemeriksaan fizikal atau *inspection*, dengan izin, terhadap setiap operasi bas persiaran yang dikendalikan oleh syarikat ataupun pemunya berdaftar seperti yang disebutkan dalam seksyen 56.

Menerusi pindaan seksyen 56 rang undang-undang ini, saya menuntut agar tindakan penggantungan perkhidmatan dapat dikenakan terhadap mana-mana operator bas persiaran yang gagal menyelenggarakan bas-bas yang dikendalikan dengan baik. Selain pematuhan baharu yang dikuatkuasakan terhadap pemohon lesen vokasional di bawah pindaan seksyen 56(2), rang undang-undang ini juga seharusnya memperincikan soalan kebertanggungjawaban atau *accountability* operator atau syarikat bas persiaran.

■1350

Kebertanggungjawaban tersebut hendaklah merangkumi aspek pematuhan pemeriksaan berkala, di samping pengauditan yang dijalankan terhadap kekerapan pergerakan setiap bas, kekerapan pergerakan setiap pemandu, tempoh wajib penyelenggaraan bas serta pembiayaan penyelenggaraan. Pelaksanaan audit berkala yang saya cadangkan tersebut bolehlah dimasukkan sebagai pematuhan lanjutan bagi melaksanakan maksud bagi seksyen 56 subseksyen (1) dan pindaan subseksyen (2) rang undang-undang ini.

Sebagai seorang peguam yang selalu mempunyai pengalaman dalam mengendalikan kes-kes kemalangan jalan raya, cadangan berkenaan pelaksanaan audit berkala yang saya kemukakan tadi mempunyai kredibiliti untuk melindungi *innocent driver*, dengan izin, daripada sebarang pertuduhan yang tidak konkrit terutamanya pertuduhan yang dibuat mengikut seksyen 43 subseksyen (1). Sampai bilakah kita mahu menuding jari kepada pemandu bas persiaran

sekiranya berlaku kemalangan jalan raya? Mengapakah kita tidak pula mempersalahkan syarikat bas persiaran yang mengendalikan operasi bas?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berkenaan dengan perihai profesionalisme pegawai JPJ. Sebagai agensi kerajaan, JPJ seharusnya menitikberatkan kualiti serta mutu perkhidmatan pelanggan, terutamanya urusan yang melibatkan pelanggan dan dokumentasi. Isu yang melibatkan masalah etika kerja pegawai di JPJ sering menjadi antara topik perbualan hangat di media sosial. Ramai daripada kalangan pengguna media sosial pernah meluahkan rasa tidak puas hati mereka terhadap tahap profesionalisme sebilangan pegawai JPJ yang mengendalikan urusan mereka secara sambil lewa.

Sebagai contoh, insiden yang berlaku di JPJ Bundusan, Sabah ini telah menarik perhatian pengguna media sosial yang rata-rata pernah berhadapan dengan- kerana pegawai JPJ yang tidak profesional dalam menjalankan tugas. Saya meletakkan hadapan bahawa Kementerian Pengangkutan dapat melaksanakan pelbagai usaha yang proaktif bagi menetapkan lagi perkhidmatan JPJ di seluruh negara.

Berhubung dengan perkara tersebut, saya mengemukakan tiga soalan kepada perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertama, apa strategi atau pelan perancangan kementerian bagi mewujudkan reformasi dalam institusi JPJ, khususnya dalam aspek perkhidmatan pelanggan serta kecekapan dan keterampilan pegawai bertugas?

Kedua, apakah bentuk tindakan tatatertib yang dikenakan selama ini terhadap mana-mana pegawai JPJ yang didapati melanggar etika kerja yang ditetapkan? Ketiga, apa aspek pembangunan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun ini menerusi peruntukan pembangunan kira-kira sebanyak RM73.82 juta yang dikhususkan kepada JPJ bagi tahun 2022? Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas.

Dijemput Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak bin Ahmad.

1.54 tgh.

Tuan Musoddak bin Ahmad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan 1987.

Ada beberapa perkara yang ingin saya sentuh dalam perbahasan rang undang-undang ini. Pertama, soalan melibatkan proses pertukaran pemilikan kenderaan motor secara interim

atau sementara selama enam bulan kepada peniaga kenderaan motor terpakai ataupun *used car dealer*, dengan izin.

Apa yang menjadi kebimbangan kita ini ialah lambakan kenderaan-kenderaan *piang* iaitu kenderaan yang dijual dalam pelbagai platform termasuklah dalam media sosial yang tidak boleh ditukar hak milik sepenuhnya. Ada kes melibatkan pemilik asal yang sudah pun meninggal dunia. Kenderaan-kenderaan *piang* sebegini menyebabkan kesukaran proses pertukaran hak milik kerana ketiadaan pemilik asal yang sah dan berdaftar. Jadi, apakah pindaan yang dikemukakan ini turut meneliti lambakan kenderaan *piang* yang dijual?

Lanjutan daripada itu Tuan Yang di-Pertua, jual beli kenderaan *piang* ini, apakah kementerian meletakkan suatu mekanisme untuk mengawasi penjualan kenderaan *piang* yang mempunyai masalah pertukaran hak milik ini? Kita harus sedar risiko pembelian kenderaan ini tetap tinggi walaupun harganya jauh lebih murah dan kebanyakannya digunakan untuk kegunaan tidak rasmi bagi kebun ataupun jalan-jalan kampung dan sebagainya. Risiko utama timbul apabila berlaku kemalangan. Si mangsa tidak dapat menuntut insurans takaful, malah terdapat kesukaran untuk memperbaharui insurans takaful di atas kenderaan yang digunakan.

Selain itu, kebanyakan kenderaan *piang* ini tidak melalui pemeriksaan pusat pemeriksaan kenderaan berkomputer iaitu PUSPAKOM menyebabkan risiko keselamatan terhadap penggunaan kenderaan berkenaan. Malah, ada juga yang digunakan untuk tujuan jenayah. Oleh itu, saya ingin mengetahui selain mengatasi permasalahan bagi pertukaran pemilikan bagi pemilik yang meninggal dunia, adakah kementerian juga meneliti permasalahan jual beli kenderaan *piang* ini secara menyeluruh?

Tuan Yang di-Pertua, kedua ialah soal tempoh interim juga menjadi persoalan kepada saya dalam jawapan kementerian di Dewan Rakyat pemilikan kenderaan yang diserahkan kepada syarikat kenderaan terpakai adalah di bawah pemilikan sementara syarikat perniagaan terpakai UCD dan tidak lagi di bawah pemilik asal. Selepas tempoh enam bulan, barulah UCD ini mendapat pemilikan penuh terhadap kenderaan tersebut. Soalan saya, apakah beza bentuk pemilikan sementara dan kekal bagi kedua-dua tempoh tersebut? Apakah ada suatu mekanisme bagi memastikan pemilik asal tidak lagi menanggung apa-apa liabiliti terhadap kenderaan yang dijualnya meskipun dalam tempoh interim tersebut?

Ketiga, mengenai kenderaan yang dijual secara sambung bayar yang turut berleluasa ketika ini. Dalam seksyen 38 Akta Sewa Beli 1967, sesiapa yang menjual barang yang dibeli secara perjanjian sewa beli tanpa kebenaran daripada empunya merupakan satu kesalahan. Namun, dalam kebanyakan kes jual beli kenderaan secara sambung bayar ini dipersetujui oleh pemilik asal sehingga ia mendorong kepada kes-kes dan risiko yang lain.

Soalnya, bagaimanakah perkara ini akan ditangani oleh kementerian? Itu sahaja Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kembali kepada Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak.

Dijemput Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang.

1.58 tgh.

Dato' Haji Husain bin Awang: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih pada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2023. Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa pindaan akta kali ini bertujuan untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987. Secara dasarnya, saya mempunyai beberapa persoalan dalam akta ini.

Pertama, saya ingin menyebut berkenaan keselamatan jalan raya di dalam negara kita. Sedia diketahui kadar kemalangan jalan raya di Malaysia yang masih disifatkan berpunca daripada sikap pengguna jalan raya itu sendiri. Sikap pengguna yang cuai merupakan faktor utama kadar kemalangan jalan raya di negara ini berada di tahap yang membimbangkan.

■1400

Soalan saya, apakah silibus pendidikan keselamatan jalan raya di institut memandu pada waktu ini tidak menyeluruh dan kurang efektif sehingga ramai pemandu yang memperoleh lesen memandu menjadi cuai di atas jalan raya? Kedua, sejauh mana keberkesanan program kesedaran telah dibuat oleh kementerian bagi meningkatkan kefahaman umum di kalangan pengguna jalan raya tentang keselamatan ketika memandu? Ketiga, adakah masalah infrastruktur jalan raya di negara kita masih lagi menjadi penyumbang kepada berlakunya kemalangan jalan raya pada waktu ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapati kumpulan tonto iaitu kumpulan yang mengikuti pergerakan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) ketika beroperasi masih aktif menyalurkan maklumat keberadaan kenderaan JPJ melalui media sosial. Maklumat di kongsi itu turut disertakan dengan gambar kenderaan JPJ, maklumat nombor plat serta lokasi operasi dilakukan. Tidak terkecuali rakaman gambar anggota JPJ yang sedang menahan kenderaan berat bagi tujuan amaran kepada pemandu lori atau treler lain yang bakal melalui lokasi berkenaan. Turut tidak terkecuali, menyebarkan gambar dan video anggota polis trafik bersembunyi dicelah pokok bunga, belakang pokok, atas jejantas atau di belakang tiang ketika melakukan operasi perangkap had laju.

Malah, tanpa rasa takut mereka sengaja merakamkan gambar curi anggota polis dari jarak dekat di atas jejantas sebelum disebarkan kepada ahli kumpulan pemandu kenderaan berat. Mereka diibaratkan kumpulan perisik kepada organisasi yang ingin melakukan kesalahan di atas jalan raya. Soalan saya, sejauh manakah kewujudan tonto ini mengganggu kerja JPJ pada ketika ini? Apakah inisiatif tegas yang dilaksanakan kementerian dalam menangani masalah yang tidak berkesudahan ini? Adakah JPJ sudah dilengkapi sebarang senjata bagi mempertahankan diri jika wujud ancaman pada bila-bila masa?

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat tahu bahawa pada waktu ini sudah wujud talian untuk orang awam melaporkan kesalahan trafik orang lain di jalan raya bagi membantu pihak berkuasa menjalankan tugas. Bahkan juga, mendapat tahu bahawa gambar ketika kesalahan itu dibuat boleh dilampirkan sekali dalam aduan itu sebagai bukti. Soalan saya, sejauh manakah talian ini telah berjaya mengurangkan kesalahan jalan raya ketika ini? Berapakah kes yang telah diambil tindakan hasil daripada kewujudan talian ini? Adakah kesalahan yang dilaporkan termasuk dengan kes buli di jalan raya yang dilihat semakin menonjol ketika ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kembali kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang.

Dengan hormat dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz.

2.04 ptg.

Dato' Juhanis binti Abd Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merujuk kepada pindaan seksyen 57 yang bertujuan untuk mewajibkan lesen vokasional bagi pemandu bas persiaran. Saya faham pindaan ini dibuat untuk menyeragamkan peraturan yang ditetapkan kepada pemandu di semua jenis bas yang digunakan untuk mengangkut orang seperti bas ekspres, bas henti-henti dan bas pekerjaan.

Saya bersetuju dengan pindaan ini memandangkan pemandu bas persiaran juga memerlukan kemahiran dan pengetahuan pemanduan yang setara dengan pemandu jenis bas yang lain. Saya ingin tahu, selain daripada bas persiaran, bas ekspres, bas henti-henti dan bas pekerja, adakah kementerian mencadangkan untuk mewajibkan lesen vokasional bagi pemandu bas jenis lain seperti bas sekolah, bas pengantara, bas *charter* dan bas mini?

Satu lagi soalan saya. Adakah takrifan bas persiaran ini turut digunakan untuk pemandu van persiaran? Apa yang saya perhatikan, kebiasaannya van persiaran mempunyai tulisan bas persiaran pada badan kenderaan. Jadi, akan ia turut dianggap sebagai bas persiaran secara

undang-undang meskipun mempunyai saiz dan kapasiti penumpang yang jauh lebih kecil. Saya juga ingin membawa perhatian Dewan kepada cara pemanduan pemandu bas di Malaysia. Meskipun, tidak semua tetapi banyak pemandu bas yang memandu secara melulu. Mereka memandu dengan laju, bukan sahaja membahayakan nyawa penumpang tetapi juga pengguna jalan raya yang lain. Saya berharap agar kementerian tegas membanteras isu pemandu bas yang memandu secara bahaya ini bagi melindungi keselamatan pengguna jalan raya.

Sekiranya berlaku kemalangan yang terbukti disebabkan oleh kesalahan pemandu bas, adakah terdapat peruntukan undang-undang untuk menarik lesen vokasional mereka? Saya juga meminta Menteri untuk memaklumkan kepada Dewan statistik terbaru mengenai kemalangan jalan raya yang melibatkan bas di seluruh negara yang agak membimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai perkara yang terdapat di dalam pindaan yang sama iaitu seksyen 57 mengenai had umur lesen vokasional. Saya sangat menyokong pindaan ini untuk menurunkan had umur dari 21 tahun kepada 18 tahun bagi kenderaan barangan menggunakan motosikal ini.

Saya yakin ia dapat membuka lebih banyak peluang kerja kepada golongan muda. Saya berpandangan, pindaan ini wajar kerana lesen motosikal boleh diambil daripada usia 16 tahun. Jadi, sesuailah tempoh masa dua tahun diberi untuk mereka selesaikan lesen percubaan sebelum layak untuk mendapatkan lesen vokasional. Memandangkan Jemaah Menteri telah menetapkan bahawa motosikal juga termasuk dalam kategori perkhidmatan kenderaan barangan jika ia digunakan di bawah satu perniagaan perkhidmatan penghantaran *p-hailing*. Ini bermakna, penunggang *p-hailing* juga wajib memiliki lesen vokasional.

Selaras dengan hal ini, saya kira pindaan ini amat bersesuaian supaya mereka yang berusia 18 tahun ke-21 tahun juga dapat menggunakan peluang ini bekerja sebagai penunggang *p-hailing*. Bercakap berkenaan dengan pekerjaan *p-hailing*. Saya ingin menyentuh mengenai isu keselamatan juga. Jabatan Pengangkutan Jalan pernah melaporkan antara kesalahan yang paling tinggi dilakukan oleh sebahagian penunggang *p-hailing* menunggang secara melulu, melanggar lampu isyarat, melawan arus jalan raya, tidak memiliki lesen dan sebagainya.

Saya difahamkan kesalahan-kesalahan ini dilakukan semata-mata demi mengejar *trip* tempahan pelanggan kerana semakin banyak *trip* yang dapat diselesaikan, semakin tinggi bayaran yang diterima. Justeru itu, saya ingin bertanya sejauh manakah kementerian prihatin akan isu ini? Adakah terdapat mekanisme atau strategi untuk membendung isu pelanggaran peraturan jalan raya dalam kalangan penunggang *p-hailing* ini supaya keselamatan semua pengguna jalan raya terjamin?

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi iaitu caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri. Terakhir ini, saya ingin menyentuh mengenai pindaan seksyen 569(A) yang mewajibkan individu yang bekerja sendiri untuk berdaftar dan membayar caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri 2017 bagi mendapatkan serta memperbaharui lesen vokasional, lesen PSV dan lesen GDL mereka.

■1410

Saya tahu tindakan kementerian untuk mewajibkan caruman ini bukanlah untuk menyusahkan, hatta menganiayai golongan ini tetapi adalah untuk melindungi keselamatan dan kebajikan mereka sendiri jika berlaku perkara yang tidak diingini. Saya percaya tidak ramai pemegang lesen ini yang dilindungi oleh insurans memandangkan bayaran bulananannya agak tinggi dan kurang kemampuan. Oleh sebab itu, caruman dalam skim ini adalah amat baik kerana ia jauh lebih murah.

Saya ingin bertanya, bagaimanakah prosedur membayar caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri ini? Adakah ia 100 peratus akan dibayar oleh pemegang lesen atau kerajaan atau penyumbang sedikit untuk caruman mereka?

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2023.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah.

2.11 ptg.

Dato' Arman Azha Abu Hanifah: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2023.

Mengikut data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, seramai 97.71 peratus pekerja *e-hailing* terdiri daripada golongan belia, anak muda. Mereka ini menjadikan aktiviti *p-hailing* ini sebagai sumber pendapatan utama mereka. Peratusan yang tinggi ini menunjukkan industri ini mendapat sambutan yang cukup baik di kalangan anak muda.

Akan tetapi, persoalan saya pada hari ini, bacaan saya sebanyak 54 peratus daripada penunggang *p-hailing* tidak dilindungi oleh insurans oleh mana-mana polisi insurans. Saya amat bersetuju dengan *statement* daripada Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros tadi yang mengatakan kerajaan perlu mengambil peduli tentang insurans warga *p-hailing* ini, kerana mereka juga sebahagian daripada, orang cakap, *frontliner* ketika kita PKP tempoh lalu. Ini sangat

membimbangkan sekiranya berlaku apa-apa kemalangan atau musibah buruk berlaku ketika mereka menjalankan kerja mereka menghantar makanan dan sebagainya.

Saya berpandangan bahawa pihak kementerian bolehlah berbincang dengan majikan supaya mereka membuat bayaran insurans kepada golongan *rider-rider p-hailing* ini. Saya pasti keuntungan diperoleh oleh syarikat-syarikat ini tidak akan menjadi masalah kepada mereka untuk menjaga kepentingan kebajikan warga *p-hailing* ini.

Menerusi bacaan saya, pindaan akta ini akan menurunkan had umur individu untuk mendapatkan lesen vokasional bagi kenderaan barangan menggunakan motosikal tidak kurang daripada 21 tahun kepada 18 tahun. Berkenaan hal ini, saya pohon penerangan yang lanjut daripada pihak kementerian kerana umur 18 tahun ini sangat muda.

Saya faham situasi pasaran kerjaya ini semakin sukar untuk ditembusi. Namun, pandangan saya, individu yang berusia 18 hingga 21 tahun ini perlu melalui fasa pembelajaran atau fasa mengenali alam pekerjaan mereka. Mungkin kementerian boleh menyediakan program yang baik bagi persediaan ataupun program latihan kepada mereka sebelum mereka terjun dalam industri pekerjaan yang mereka ceburi ini.

Tuan Yang di-Pertua, menerusi data Jabatan Perangkaan tahun 2022 juga ada menyatakan kira-kira 72.1 peratus lepasan SPM tidak mahu menyambung pelajaran. Mungkin pihak kementerian boleh turut bersama-sama membantu mengatasi masalah ini.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan bas persiaran. Menurut pembentangan Yang Berhormat Menteri di Dewan Rakyat tempoh hari, seksyen 57 di bawah fasal 7 yang dipinda ini mewajibkan semua pemandu bas persiaran mempunyai lesen vokasional. Pindaan ini juga bertujuan memastikan syarat mempunyai lesen vokasional adalah seragam kepada semua pemandu bas persiaran dan setara dengan peraturan yang ditetapkan kepada pemandu bas ekspres, bas henti-henti dan bas pekerja.

Persoalan saya hari ini, dengan pindaan ini kelak pemandu-pemandu bas persiaran mempunyai peluang untuk melompat kerjaya ke pemanduan bas ekspres dan lain-lain berkaitan. Jika ya, saya sangat bersetuju kerana ini membuka ruang pekerjaan dan tangga gaji yang lebih berbaloi kepada golongan pemandu bas ini. Ini seterusnya dapat mengurangkan bebanan kepada pemandu bas yang dalam keadaan tekanan kos sara hidup yang makin meninggi.

Majikan juga perlu mengambil berat mengenai kebajikan pemandu-pemandu bas kerana mereka tahu ada syarikat lain yang mampu memberi imbuhan dan manfaat yang lebih baik jika mereka tidak dijaga dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan ini juga menyatakan bahawa kerajaan bercadang untuk meminda pada fasal 10 seksyen 88B yang membolehkan kenderaan barangan pendaftaran

asing akan turut dikenakan bayaran caj jalan sama seperti dikenakan lain-lain caj kenderaan motor atau kategori kenderaan perdagangan yang memasuki menggunakan infrastruktur jalan raya dalam negara kita. Saya sangat setuju dengan cadangan ini.

Namun begitu, bolehkah pihak kementerian menyatakan, berapakah kadar fi yang akan dikenakan? Sekiranya kalau tidak keberatan, saya mohon juga kementerian mengadakan satu sesi libat urus bersama syarikat-syarikat yang terlibat dalam pindaan ini supaya mereka mendapat penjelasan yang lebih kukuh dan tidak membebankan pengguna pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali daripada saya, sekiranya pindaan ini dapat mendatangkan manfaat kepada rakyat dan juga negara, saya amat sokong rang undang-undang ini. Saya mohon pihak kementerian juga mengambil maklum akan cadangan-cadangan yang telah saya dan rakan-rakan ahli Dewan yang telah kami ketengahkan demi masa hadapan negara kita.

Jadi, sekian sahaja, *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam Ramadhan.

Tuan Yang di-Pertua: *Wassalamualaikum* dan terima kasih. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz bin Ariffin.

2.17 ptg.

Tuan Haji Aziz bin Ariffin: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Malaysia Madani. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberinya peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2023.

Perkara pertama yang ingin saya sentuh adalah berkaitan dengan pindaan pada fasal 2 dan fasal 7. Tindakan kerajaan mewajibkan lesen vokasional terhadap pemandu bas persiaran adalah bertepatan sekali. Namun, terdapat kelompangan yang saya rasakan apabila kita tidak menitikberatkan perihal usia kenderaan yang diguna pakai.

Saya ingin mencadangkan agar pihak kementerian dapat menetapkan usia atau jangka hayat sebuah bas dan dinyatakan dalam akta bagi memastikan kondisi kenderaan yang digunakan berada dalam keadaan yang selesa terhadap penumpang serta selamat digunakan.

Selain itu, kementerian turut perlu memberikan perhatian terhadap bas-bas persiaran dari negara-negara jiran yang masuk ke Malaysia khususnya kami di sebelah utara, khususnya dari Thailand, atau dari Singapura. Adakah mekanisme yang diguna pakai bagi memastikan mereka mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia?

Seterusnya, adakah kerajaan berhasrat untuk menyekat pemandu-pemandu dari negara luar yang memiliki saman kesalahan jalan raya untuk keluar dari Malaysia sekiranya mereka

belum menjelaskan saman kesalahan jalan raya di negara kita terutamanya yang melebihi had kelajuan yang dibenarkan?

Berdasarkan laporan, sebanyak 108,057 saman tertunggak direkodkan oleh Polis Diraja Malaysia membabitkan pelbagai kesalahan trafik dilakukan oleh warga Singapura bagi tempoh 2016 hingga 2021 dengan anggaran lebih RM30 juta.

Tuan Yang di-Pertua, melalui fasal 7, pindaan seksyen 57 bagi menurunkan hak umur individu mendapatkan lesen vokasional bagi kenderaan barangan menggunakan motosikal daripada tidak kurang dari 21 tahun kepada tidak kurang daripada 18 tahun. Sekiranya had umur ini diturunkan, maka individu yang tergolong dalam umur di antara 18 hingga 20 tahun ini tidak lagi layak bekerja sebagai *p-hailing* yang menggunakan motosikal sebagai kenderaan mereka.

■1420

Mereka akan kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan kerana pendapatan kenderaan barangan termasuk menggunakan motosikal yang disediakan di satu-satu perniagaan ataupun *e-hailing* dikawal selia di bawah peruntukan undang-undang yang sedia ada.

Namun, adakah terdapat sebarang penambahbaikan terhadap mereka yang bekerja sebagai penghantar barangan, namun tidak menggunakan motosikal? Sebagai contoh mereka yang menggunakan *e-scooter*, *e-bike*, apakah mereka perlu untuk mendapatkan lesen vokasional? Kalau tidak perlu bagaimanakah kita hendak memastikan kebajikan mereka terjamin sekiranya berlaku kemalangan?

Perkara yang seterusnya, Tuan Yang di-Pertua ialah berkaitan dengan pindaan fasal 3. Saya ingin mencadangkan agar setiap pegawai yang bertugas, hendaklah dipakai kamera badan demi keselamatan mereka, di samping dapat membanteras kegiatan rasuah. Tugas Penguatkuasa Undang-undang di jalan raya memberikan cabaran besar terhadap pegawai JPJ. Sebagai contoh pada 12 November 2020 di Jitra, Kedah, lima orang individu daripada satu-keluarga telah membuat provokasi terhadap pegawai JPJ dengan menggunakan kata-kata kesat dan seorang individu telah menyerang pegawai bertugas dengan parang. Tuan Yang di-Pertua, kejadian berlaku berikutan keengganan mereka menghentikan kenderaan mereka selepas diarah oleh Pegawai Peronda JPJ.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa banyak perkara-perkara telah pun disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Jadi, dengan ini saya menyokong pindaan RUU Pengangkutan Jalan 2023 yang telah dibentangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kembali kepada Yang Berhormat Tuan Haji Aziz bin Ariffin.

Dengan hormat dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail.

2.22 ptg.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut berbahas Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2023. Sejenak, saya berhajat kalau kita boleh renungkan, bayangkan kalau hari ini tiada JPJ dan tiada polis di jalan raya. Apakah agaknya jadi di jalan raya di seluruh negara?

Tuan-tuan yang dirahmati Allah, Ahli-ahli Senator yang dirahmati Allah, saya kadang-kadang antara dua, kita bincang pindaan seksyen 57- *defensive driving course*, dengan izin. Dia berada di antara bimbang tetapi mahu. Sangat bagus hasrat untuk kita menurunkan kelayakan daripada 21 tahun kepada 18 tahun membuka ruang untuk anak muda untuk terlibat sama dalam memulihkan pembangunan negara.

Banyak tadi disebutkan tentang jumlah berapa *percent* sekarang ini orang yang terlibat secara langsung hampir *full time* dengan *e-hailing* misalnya. Akan tetapi, bila diperkenalkan lesen baharu ini dengan umur yang diizinkan ini, ertinya kita mula merasa bimbang. Apakah nanti di tengah bandar raya mahu pun di pusat-pusat bandar yang kecil akan berlaku pelumba-pelumba bandar yang kita tengok hari ini pun sudah berlaku walaupun di umur yang lebih tinggi?

Saya fikir ini Tuan Yang di-Pertua, JPJ khususnya perlu memikirkan untuk program mendidik. *Educate* ini program yang sangat berat dan ini sebenarnya yang nanti mampu merubah sikap secara keseluruhan. Saya yakin kalau ini boleh dibuat, *insya-Allah* ia akan mampu membuat satu perubahan dan anjakan yang baharu. Saya pernah di Vientiane, Laos tuan-tuan, di tengah Bandar Vientiane- bandar yang kecil tetapi dia punya polisi, kenderaan tidak boleh lebih daripada 50 kilometer sejam. Saya pun tidak setuju sebab terlalu *slow* tetapi oleh sebab sudah dididik dan dibudayakan sebegitu, tindakan tegas dibuat, namun hasilnya sangat-sangat baik. Tidak ada *speeding car*, kereta-kereta yang laju di tengah-tengah Bandaraya Vientiane.

Saya pernah satu ketika- ini satu juga pendidik tetapi mungkin bagi pihak JPJ, Timbalan Menteri Pengangkutan. Di sebuah negara saya berjalan dalam satu- lokasi, seorang polis tahan seorang penunggang motor tetapi yang motornya sudah senget sehingga satu skru sahaja. Bukan motor, nombor platnya senget. Dia boleh keluar pergi ambil skru dalam kereta- ini JPJ sanalah. Dia boleh pergi dan diletakkan balik, itu diskrukan. Saya terfikir indahnya bagaimana seorang penguat kuasa jalanan tetapi mempunyai sentuhan hati yang begitu rapat dengan pengguna-pengguna jalan raya.

Adakah ini mampu dibuat atau pun ia mungkin satu gambaran yang saya pernah lihat tetapi saya fikir tidak pelik untuk berlaku satu pembentukan budaya yang lebih baik di kalangan penguat kuasa dengan masyarakat supaya ada sentuhan kebersamaan.

Oleh sebab itu saya hendak sentuh juga di sini selalu orang-orang- kita kesian. JPJ selalu dihubungkan dengan rasuah dan lain-lain. Kita tidak minat benda ini berlaku tetapi bagaimana usaha boleh dibuat oleh pihak kementerian supaya jadikan program mendidik para penguat kuasa kita ini supaya imej yang tidak bersih ini kita kembalikan kesuciannya. Minta maaf bahasa itu tepat atau tidak.

Kemudiannya saya hendak sentuh juga tentang satu yang disebut tadi iaitu berhubung dengan fasal 8, seksyen baharu 63A ini ialah satu program alat teknologi baharu untuk mengesan lebihan muatan atau berat di jalan raya. Saya fikir ini satu program yang sangat bagus. Sangat bagus. Apa yang disebutkan di situ ialah penggunaan HSWIM ataupun *high speed weigh-in-motion*, dengan izin.

Saya ingat perkara ini perlu disegerakan, namun adakah sudah ada beberapa buah lokasi yang sudah dibuat. Kalau benda HSWIM ini mampu digerakkan, saya fikir peratus yang dianggap rasuah jalanan ini, akan dapat diturunkan dengan cepat. Pengguna atau pun pemilik-pemilik lori kenderaan berat ini dengan sendiri terasa lebih telus sebab diukur dengan alat yang khusus, dicaj mengikut kadar jumlah lebihan muatan dan dibayar tanpa di situ ada rundingan-rundingan yang lain. Juga, akan mengurangkan tempoh kenderaan itu diletakkan di tempat tertentu mengambil masa yang panjang untuk diproses yang bakal merugikan pengusaha.

Akhir Tuan Yang di-Pertua, ialah isu pertukaran milikan interim. Sudah banyak sahabat-sahabat sebut. Saya hendak sebut sedikit sahaja iaitu kita berlaku pertukaran nama ini daripada peniaga kereta- daripada penjual kepada peniaga kereta. Sedikit sahaja hendak saya sebutkan ialah- sebab masa dah habis.

Sedikit saya nak sebut iaitu semasa tempoh pemula kenderaan berpindah kepada pembeli yang akan menjual balik, *in case* ada sebarang bentuk kekurangan, kerosakan atau apa-apa liabiliti kepada kenderaan tersebut, adakah sebarang undang-undang yang mampu dicajkan sepada pemilikan sementara itu- interim ini, yang akan menyelamatkan hak milik asal tuan punya kereta tersebut. *Wallahualam*, terima kasih banyak. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang.

2.29 ptg.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kerana membenarkan saya turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2023. Saya ingin terus membahaskan isu yang

saya ingin bawa dalam RUU ini adalah pertama yang menyentuh fasal 8 iaitu seksyen baharu yang diperkenalkan iaitu dengan memasukkan seksyen 63A ke dalam Akta 333 ini.

■1430 ptg

Seksyen ini antara lain adalah berkaitan dengan alat penimbang atau mesin penimbang. Ini sangat penting kerana kawal selia dapat dilaksanakan oleh pihak berkuasa mengenai lori-lori muatan yang saya lihat selalu melebihi muatan di atas jalan raya. Ini bukan sahaja membahayakan pengguna jalan raya tetapi juga menjadikan jalan raya kita mudah rosak dan berlubang dan pihak kerajaan kena mengeluarkan ratusan juta ringgit untuk selenggara, turap semula, tampal dan lain-lain.

Oleh sebab saya menyentuh mengenai perkara ini, saya juga ingin tahu bagaimana pihak berkuasa dapat memantau lori-lori di atas jalan raya yang memandu melebihi had laju. Perbuatan ini tidak lain dan tidak bukan hanya untuk mengejar *trip* dan mengaut keuntungan peribadi dan juga syarikat. Saya ingin memberi contoh jalan ke pusat pelancongan Cameron Highlands, kebiasaannya lori besar juga menggunakan jalan biasa seperti mana kereta lain. Biasanya lori-lori ini akan mengekori dari belakang kereta dengan kadar yang laju dan rapat. Ini seterusnya membimbangkan pemandu apabila cuba memberi laluan atau cuba membuat potongan.

Adakah ini juga terangkum dalam seksyen 44, Akta 333 iaitu tentang kesalahan memandu iaitu antara lain meletakkan kesalahan kepada pemandu kerana kelalaian alkohol, dadah dan sebagainya. Pohon kementerian menjelaskan perkara ini.

*[Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Seterusnya, saya ingin menyentuh mengenai kebajikan penunggang *p-hailing* yang terdapat dalam pindaan RUU ini. Adakah perlindungan diberi kepada penunggang *p-hailing* daripada segi kebajikan, pembayaran upah dan juga permohonan untuk lesen vokasional? Kawal selia harus dilakukan oleh kerajaan agar ia tidak terlalu ketat dan bagi membenarkan sektor ini berkembang dengan lebih maju.

Di kesempatan ini juga, saya ingin menyeru kepada mereka yang terlibat dengan *p-hailing* ini agar janganlah terlalu ghairah menunggang dengan keadaan laju dan berbahaya apabila memberi perkhidmatan kepada pengguna. Ingatlah dan hormatilah kepada pengguna jalan raya lain dan membawa kenderaan dengan keadaan berhemah dan cermat. Nasihat saya kepada orang ramai yang sering menggunakan perkhidmatan ini, janganlah memaksa penghantar *p-hailing* untuk segera menghantar makanan dan barang-barang keperluan yang mereka *order*, dengan izin. Bertimbang rasalah kepada mereka agar kesejahteraan semua terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir saya ingin menyentuh mengenai pindaan seksyen 3 iaitu memberi punca kuasa ataupun mandat kepada Menteri dalam menetapkan pakaian seragam kepada JPJ yang sebelum ini pindaan hanya diberikan kepada Ketua Pengarah. Pada dasarnya, saya tidak mempunyai sebarang bantahan mengenai pindaan ini. Cuma yang ingin saya bangkitkan merupakan ketulenan pakai seragam penguat kuasa agar ia tidak mudah untuk ditiru atau dipalsukan. Kita sedia maklum bahawa pakaian seragam tentera dan polis kita mudah dijahit di semua atau dipalsukan oleh mana-mana pihak. Malah ada pingat atau lencana penguat kuasa mudah dibeli dari negara jiran.

Soalan saya, sejauh manakah kementerian dapat memantau dan menjamin keaslian pakaian seragam penguat kuasa ini? Apakah ada cadangan untuk setiap pegawai ini dilengkapi dengan kamera badan demi membanteras rasuah dan melindungi hak penguatkuasaan ketika menjalankan tugas?

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja perkara yang saya ingin huraikan dan saya menyokong pindaan-pindaan yang terangkum dalam Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2023. Sekian, terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Datin Hajah Ros Suryati binti Alang.

Sekarang, saya menjemput Yang Berhormat Tuan Abdul Nasir bin Haji Idris. Dipersilakan.

2.34 ptg.

Tuan Abdul Nasir bin Haji Idris: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberikan kesempatan untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2023.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk saya kepada pindaan seksyen 2, tentang mengoperasi bas-bas persiaran. Bila berlaku kemalangan di jalan raya, sudah pasti dua, ke-tiga, benda, aspek yang kita ambil perhatian, ambil tindakan iaitu tentang kondisi bas itu sendiri, daripada segi pemanduan. Ketiga, daripada segi tempat kejadian jalan.

Jadi, tentang kondisi bas juga merupakan salah satu yang boleh menyebabkan berlakunya kejadian-kejadian yang tidak diingini. Jadi, sebab itu kita mencadangkan supaya penyelenggaraan bas oleh syarikat-syarikat bas, oleh pihak-pihak pengusaha bas supaya membuat penyelenggaraan yang berkala. Begitu juga kita hendak minta supaya elemen-elemen pengauditan bagi memastikan bas sentiasa dalam keadaan terbaik.

Bas yang terbaik, pemanduan yang beretika, pemanduan yang terlatih, yang profesional menyebabkan kita pelanggan ataupun pengguna-pengguna bas yakin untuk kita naik ke

sesebuah bas. Jadi, kalau kita tengok bas tempoh hayat pun entah lama bila, dengan *driver* yang tidak meyakinkan kita untuk kita hendak menaiki bas itu, sudah pasti ia tidak memberi rasa selamat kepada kita sebagai pengguna-pengguna perkhidmatan bas.

Jadi, oleh sebab itu kita hendak minta supaya peraturan-peraturan ini, pematuhan-pematuhan daripada segi undang-undang tentang pengauditan, tentang penyelenggaraan ini dapat diperkemas oleh pihak JPJ. Kita juga *kut-kut* pihak Jabatan Pengangkutan Jalan boleh bagi data dekat kita terutamanya kemalangan-kemalangan maut, punca kemalangan-kemalangan maut tadi. Mungkin disebabkan daripada kelalaian pemandu kita ataupun disebabkan oleh kondisi bas itu sendiri ataupun disebabkan lain-lain. Jadi, kita pohon untuk diberikan maklumat kepada kita.

Kedua, pindaan kepada seksyen 3, rasional. Kita hendak tanya di sini rasional diberikan punca kuasa iaitu mandat kepada Menteri. Kalau sebelum ini badan dengan Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan. Jadi, diberikan pula kepada Yang Berhormat Menteri. Apakah rasional dia?

Kemudian, seperti yang disebut oleh sahabat dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator kita yang lain, kita hendak mintalah supaya pegawai-pegawai petugas JPJ ini sentiasa memakai pakaian yang diputuskan. Adakah berlaku kes-kes penyamaran oleh pegawai-pegawai JPJ, pegawai-pegawai pengangkutan jalan. Kadang-kadang seperti yang disebutkan tadi di mana-mana boleh dapat pakaian JPJ. Mungkin berlaku penyamaran dan sebagainya. Begitu juga dengan penyalahgunaan pakaian JPJ tadi.

Untuk kes-kes yang tidak melanggar undang-undang. Jadi, kita hendak minta juga supaya benda itu diberikan perhatian. Jadi, kita hendak minta juga seperti yang disebutkan oleh banyak pihak tentang untuk mengelakkan tohmahan kepada penguat kuasa kita, pegawai-pegawai JPJ kita supaya kamera badan itu dapat kita boleh mula gunakan.

■1330

Disebabkan masa sudah cukup, jadi saya dengan ini mohon menyokong Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2023. Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Abdul Nasir bin Haji Idris atas perbahasan tadi.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad, dipersilakan.

2.40 ptg.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera, salam madani kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas dalam Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2023. Kita tengok ini satu pindaan akta yang baik untuk salah satu untuk mengurangkan kadar kemalangan di negara kita.

Saya tengok di sini adalah berkenaan dengan yang pertama iaitu seksyen 13A berkenaan dengan pemilikan interim kenderaan motor ini yang disebut oleh Timbalan Menteri tadi iaitu *used car dealer* (UCD). Jadi di sini, sekarang ini telah dibenarkan di mana pemilik asal tersebut boleh, UCD tersebut dia akan membeli kereta daripada pemilik asal dan selepas satu tempoh, dia akan dipindah milik kepada UCD tersebut. Soalannya, adakah jaminan kepada pemilik asal tadi sekiranya kereta itu telah disalah guna? Seperti sebagai contoh kereta tersebut telah disewakan kepada orang lain sebab banyak kes yang berlaku di luar sana di mana *used car* ini apabila mereka mengambil kereta tersebut tetapi apabila mereka tidak dapat menjual kereta tersebut dan mereka telah sewakan kepada orang lain. Itu yang pertama.

Kedua, sekiranya kereta tersebut masih ada hutang di bank, adakah UCD tersebut boleh memindah hak milik tersebut kepada UCD sekiranya mereka tidak dapat jual? Sekiranya mereka juga tidak dapat jual, adakah pemilik asal tersebut boleh mengambil semula kereta tersebut sekiranya ada pembeli yang baharu yang lebih tinggi yang ditawarkan oleh UCD tersebut. Sebab ini banyak sebenarnya kalau kita tengok perpindahan kenderaan ini banyak yang tidak menyebelahi pemilik asal tetapi undang-undang kita mungkin banyak menyebelahi UCD ini. Jadi itu soalan saya.

Kedua, adalah berkenaan dengan pindaan seksyen 56 iaitu berkenaan dengan penurunan tempoh had umur daripada 21 kepada 18. In bagi saya satu langkah yang baik yang dibuat oleh kerajaan di mana kita memberi peluang kepada anak muda khususnya *gig* ekonomi ini untuk mereka mencari wang tambahan, duit tambahan mereka. Akan tetapi, kita tengok sekarang ini memang banyak di media sosial dan juga rakan-rakan Yang Berhormat Senator banyak mengatakan pemandu-pemandu *p-hailing* ini, mereka mengejar trip untuk mendapat trip yang banyak so mendapat bayaran yang banyak.

Akan tetapi, adakah pihak kementerian bercadang untuk mengadakan satu kursus *training* secara *online*, tidak perlu mereka pergi ke kursus yang telah diadakan oleh JPJ tetapi secara *online* untuk mereka bagaimana untuk menunggang motosikal yang lebih baik untuk keselamatan mereka juga serta keselamatan penunggang-penunggang lain. Sebab banyak juga kalau kita tengok di syarikat-syarikat *multinational company* (MNC) yang telah mengadakan latihan ini secara maya. Saya cadangkan mungkin kementerian boleh mengaturkan *training*

tersebut untuk menggalakkan penunggang-penunggang *p-hailing* ini untuk mereka memandu dengan lebih cermat untuk menjaga keselamatan mereka dan juga keselamatan orang ramai.

Terakhir iaitu seksyen baharu 63A di mana kita tengok sekarang ini telah ditukar alat penimbang kepada mesin penimbang. Memang kita tengok di *highway*, jalan raya ini banyak tempat timbang JPJ ini untuk hendak sukat sama ada lori tersebut boleh melebihi had muatan yang dibenarkan ataupun tidak.

Jadi, apakah tujuan kerajaan dan juga kementerian dengan menambah itu bergerak sistem penimbang bergerak elektronik dan berkomputer ini? Berapakah jangkaan mereka untuk mengurangkan kenderaan yang melebihi had muatan ini? Juga, adakah dengan pengenalan mesin penimbang ini, kita dapat mengurangkan jalan-jalan di luar bandar ini khususnya lori-lori balak ini banyak di luar bandar yang memang jalan teruk sebab memang tidak ada mesin penimbang JPJ. Akan tetapi dengan adanya mesin penimbang yang boleh bergerak mobil ini Tuan Yang di-Pertua, apakah sasaran kerajaan untuk mengurangkan lori yang melebihi had ini Tuan Yang di-Pertua?

Saya rasa itu sahaja bagi saya. Itu sahaja daripada saya, apa-apa pun saya menyokong Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2023. Sekian, terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Manolan bin Mohamad atas perbincangan tadi.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Datuk Paul Igai.

2.46 ptg.

Datuk Paul Igai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memanggil saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2023. Rang undang-undang ini memang perlu dibuat pindaan buat masa sekarang dan tepat sekali untuk menambah baik peraturan dalam penyelesaian apa-apa sahaja masalah telah dan mungkin akan terjadi.

Tuan Yang di-Pertua, ramai remaja yang sekarang berkecimpung dalam *p-hailing* dan tidak mempunyai insurans seperti yang sesuai seperti PERKESO kerana mungkin tidak tahu ataupun ada sebab yang lain. Memang kita tahu juga ada insurans untuk *e-hailing* seperti *grab car driver*, pemandu *grab*. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, penunggang sentiasa membayar 30 sen setiap kali menggunakan perkhidmatan itu untuk pembayaran insurans.

Soalannya, bagaimanakah kaedah perlindungan ditetapkan dalam insurans itu dengan pembayaran insurans seperti tambang tambahan tadi 30 sen? Persoalannya, adakah cara itu normal atau sah?

Menyentuh fasal 2 iaitu pemandu bas sekolah dan pemandu bas pelancong diperlukan mengambil lesen pemandu vokasional. Adakah ini merangkumi kesemua pemandu bas khususnya pemandu kenderaan berat? Bagaimana ujian ini akan dilaksanakan khususnya untuk pemandu bas di pekan kecil, di pedalaman dan juga pemandu motosikal? Adakah ujian akan diberi atau diberi percuma atau di-*subsidize*-kan?

Menyentuh fasal 4, pemilik sementara pendaftaran kenderaan. Adakah pendaftaran sementara hak milik melibatkan penjualan motosikal kepada *used car dealer* (UCD)? Soalan berkaitan jual beli kenderaan terpakai iaitu UCD wajib memastikan kenderaan terpakai itu *guaranteed* tidak bermasalah dalam masa ditentukan dan mendapatkan sijil pemeriksaan daripada PUSPAKOM seperti *roadworthy certificate* seperti di negara luar.

Saya mohon penjelasan bagaimanakah undang-undang ini dapat mengawal selia kenderaan terpakai atau *reconditioned* kenderaan, dengan izin, yang diimport dari luar negara dan menentukannya bukan kenderaan curi atau bermasalah teknikal lain. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

■1450

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Paul Igai atas perbahasan tadi.

Sekarang saya menjemput pembahas yang terakhir, Yang Berhormat Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa.

2.50 ptg.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, mohon maaf tadi apabila nama saya dipanggil, saya berada di klinik. Hari ini tidak berapa sihat, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Silakan.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, Salam Madani. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua untuk mengizinkan saya menyertai perbahasan pindaan terhadap Rang Undang-undang Pengangkutan (Pindaan) 2023.

Seperti kita sedia maklum, akta ibu kepada pindaan ini Akta Pengangkutan Jalan 1987 adalah bertujuan untuk menyediakan persekitaran pemanduan kenderaan motor yang seragam, selamat dan *efficient* di jalan raya. Seperti mana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, pindaan RUU ini merangkumi lima perkara. Untuk tujuan perbahasan saya, saya akan fokus kepada satu perkara sahaja.

Fokus saya adalah kepada pindaan seksyen 56 yang menetapkan syarat atau kelayakan mempunyai lesen vokasional hanya kepada individu yang mempunyai lesen memandu kompeten sepenuhnya sahaja. Kerajaan telah mewajibkan semua individu yang bekerja sendiri dalam sektor perusahaan, penghantaran barangan agar mendaftar dan mencarum dengan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri di bawah PERKESO.

Saya menyambut baik usaha kerajaan untuk memperhalusi dan memperbaiki akta ini untuk memantau sektor *p-hailing*. Sesungguhnya sektor ini mempunyai banyak potensi dan perlu dikawal bukan sahaja demi keselamatan jalan raya, tetapi juga untuk pembangunan ekonomi, inovasi, dan keselamatan sosial negara. Sektor *p-hailing* ini jika tidak dikawal akan membawa risiko di mana ia akan menarik minat individu yang berpendidikan tinggi untuk melakukan pekerjaan *semi-skilled*, dengan izin, kerana ia membawa pendapatan jangka masa pendek lebih lumayan berbanding dengan pekerjaan tetap.

Akan tetapi, jika perkara ini berlaku, memang benar mereka akan mendapat gaji lebih lumayan, tetapi mereka juga tidak akan mendapat penyimpanan hari tua kerana tiada simpanan KWSP dan pihak industri pula akan kehilangan tenaga mahir dan sekali gus menjejaskan kebolehan negara bersaing dan menarik pelaburan.

Akan tetapi, ia juga membawa kebaikan daripada segi membuka ruang dan peluang untuk individu-individu mendapat pendapatan tambahan bagi menanggung kos sara hidup yang semakin meningkat. Hendak harapkan majikan untuk menaikkan kadar gaji pekerja, memang lambat tanpa kuasa pasaran, *market forces*, dengan izin, atau intervensi kerajaan.

Saya mempunyai tiga persoalan dan cadangan untuk pihak kementerian.

Pertama, satu, bolehkah kerajaan juga mempertimbangkan syarat lesen ini juga mewajibkan pencaruman KWSP kepada orang yang bekerja sendiri berturut-berturut untuk tiga tahun. Ini untuk memastikan individu-individu yang melakukan pekerjaan ini secara tetap dan sepenuh masa juga akan mempunyai simpanan hari tua kelak.

Kedua, saya ingin tahu bagaimana proses pelesenan ini akan diaplikasikan ke atas pemandu yang bekerja sendiri khususnya kepada mereka yang bekerja dengan platform *p-hailing*. Saya khuatir jikalau proses ini akan menjadi beban kepada pemohon dan sekali gus menutup peluang untuk melibatkan diri dalam sektor ini.

Ketiga, adakah keperluan lesen ini kepada pemandu yang bekerja sendiri akan membawa implikasi bahawa keretanya perlu melalui pemeriksaan keselamatan PUSPAKOM. Jika ya, dan memandangkan monopoli PUSPAKOM akan berakhir pada 31 Ogos 2024, dan kementerian telah mengumumkan syarat komprehensif untuk syarikat pemohon baharu, apa perancangan kerajaan

untuk memastikan sekurang-kurangnya ada satu- pesaing baharu di setiap negeri demi perkhidmatan lebih baik kepada rakyat Malaysia secara amnya.

Sektor *p-hailing* ini merupakan salah satu cara di mana teknologi dan inovasi sedang mara ke hadapan tanpa mengambil kira kawalan undang-undang yang makin hari makin lapuk dan memerlukan pembaharuan. Usaha kementerian dalam membawa RUU ini bersama dua RUU lain untuk mengawal selia sektor ini patut dipuji. *It's not an easy job and a balancing act*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang saya ingin bangkitkan, memandangkan kita makin dekat dengan musim perayaan dan sejajar dengan RUU yang berkaitan, keselamatan jalan raya, saya ingin mengingatkan semua pihak untuk berhati-hati dan berjaga-jaga sewaktu pulang ke kampung masing-masing. Selamat Hari Raya kepada semua. Saya dengan ini menyokong rang undang-undang ini, sekian terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa atas perbahasan tadi.

Sekarang saya menjemput Datuk Haji Hasbi bin Habibollah, Timbalan Menteri Pengangkutan untuk menjawab.

2.56 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Haji Hasbi bin Habibollah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada semua ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun begitu prihatin tentang undang-undang pindaan yang kita buat demi pengguna-pengguna jalan raya dan anak-anak muda kita yang kini berkecimpung dengan *p-hailing*. Saya ingin menjawab satu per satu mengikut susunan yang bertanya.

Pertama ialah yang disuarakan dan ditanyakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas iaitu tentang bas persiaran yang terbakar dan sebagainya. Cadangan diambil maklum tentang dan akan diteliti dengan lebih terperinci di peringkat pelaksanaan oleh APAD dan JPJ kelak terutama dengan keperluan vokasional dan sebagainya ini. Sudah memang akan diperketat terutamanya *on the checking* pengesahan yang *maintenance* kepada bas dan sebagainya seperti bas-bas yang lain yang memerlukan *periodical* punya *maintenance* dan *checkup*, *so called*, dengan izin, iaitu pengauditan kepada kenderaan-kenderaan bas dan sebagainya begitu juga dengan teksi dan sebagainya. Cadangan pelaksanaan audit pengoperasian bas ini sememangnya dilaksanakan secara berterusan oleh pihak JPJ dan perkara ini ditingkatkan mengambil cadangan Yang Berhormat Senator.

Jadi, apa-apa pun perkara yang berkaitan dengan pelanggaran peraturan sama ada peraturan jalan di bawah Akta 333 mahupun syarat permit bas persiaran di bawah Akta

Pengangkutan Awam Darat 2010. Pihak syarikat atau pengendali bas ekspres boleh diambil tindakan yang sebenarnya berdasarkan kepada peruntukan dibenarkan di bawah undang-undang termasuk membatalkan atau menggantung permit bas tersebut kalau didapati bersalah.

Berkaitan pula dengan strategi MOT mewujudkan reformasi untuk Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, JPJ sentiasa mengambil perhatian terhadap pandangan dan komen yang diumumkan oleh rakyat terutamanya mengenai tahap penyampaian perkhidmatan jabatan.

Untuk makluman, pihak JPJ dalam proses pelaksanaan Pendigitalan Perkhidmatan Teras JPJ. Antara inisiatif pendigitalan yang telah dilaksanakan sistem JPJeBid, JPJe-Q, MyJPJ e-Aduan dan portal awam mySIKAP yang sekarang ini, pelan-pelan pembangunan dan juga strategi-strategi yang dibuat oleh kementerian.

Berhubungan dengan isu tindakan tatatertib terhadap anggota JPJ. Bagi mengelakkan perkara seperti ini berlaku, apabila suatu dalam aduan diterima mengenai tata kelakuan pegawai di kaunter, pegawai tersebut akan diarahkan untuk bertugas di unit seksyen yang lain sehingga siasatan ke atas aduan tersebut diselesaikan. Sekiranya pegawai tersebut didapati bersalah, pegawai tersebut akan dikenakan tindakan mengikut peraturan-peraturan pegawai awam kelakuan dan tatatertib. Selain daripada itu, pegawai tersebut juga akan diarahkan untuk melaksanakan penugasan yang lain.

Manakala perhubungan dengan pembangunan bagi JPJ terdapat beberapa projek pembangunan yang telah dilaksanakan dalam tahun 2022 termasuklah pembinaan bangunan baharu JPJ Cawangan Muar, pembangunan kompleks JPJ Cawangan Sarikei di Sarawak, program penaikan taraf bangunan-bangunan pejabat JPJ seluruh Malaysia, menaiktarafkan tempat pemeriksaan kenderaan JPJ di seluruh Malaysia dan penyelenggaraan sistem AWAS dan penyelenggaraan sistem kerangka utama iaitu *main frame*.

■1500

Berkaitan dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak bin Ahmad ada dua perkara yang telah pun dibangkitkan, tiga perkara yang dibangkitkan. Pertama ialah isu yang dibangkitkan iaitu tentang lambakan kenderaan yang dijual dalam pelbagai platform ini. Isu yang dibangkitkan tiada kaitan sebenarnya dengan pertukaran hak milik secara interim.

Isu yang dibangkitkan adalah merujuk kepada kenderaan motor yang telah tidak ditukar hak milik atau dijual dengan mematuhi peraturan sedia ada. Menjurus kepada isu kenderaan pemunya yang telah meninggal dunia, proses pertukaran hak milik perlu dilengkapi dengan memenuhi peraturan lain yang berkaitan, tukar hak milik kepada waris terlebih dahulu sebelum proses pertukaran hak milik kenderaan boleh dilaksanakan di JPJ yang selalu kita sebut iaitu

probet iaitu apa-apa yang tergantung, orang meninggal tidak sempat hendak tukar nama, yang tinggal kenalah probet kepada yang akan bertanggungjawab untuk menukarkan nama pemilikan kereta.

Seterusnya ialah kaedah tentang mengawal selia kenderaan yang tidak sah. Perkara ini sememangnya telah berada di bawah pemerhatian JPJ. Namun ia lebih berada di bawah tanggungjawab pemunya kenderaan asal yang perlu memastikan sebarang pertukaran hak milik kenderaan dilaksanakan mengikut peraturan sedia ada. Tidak ada istilah *shortcut*. Kalau *shortcut* inilah yang mudah kadang-kadang kita terperangkap ataupun mungkin terpedaya juga ya.

Seterusnya, apa beza tukar hak milik sementara dan kekal. Proses pertukaran pemilikan secara interim atau yang sementara ataupun kekal iaitu akan membolehkan hak milik peruntukan pemilikan secara interim ini akan membolehkan hak milik kenderaan itu dipindah daripada pemilik asal kepada UCD. Pihak UCD pula membeli kenderaan tersebut bukan bagi tujuan pemilikannya sendiri tetapi bagi tujuan menjual semula kepada pihak yang ketiga. Sekiranya tidak dijual kepada pemilik baharu selepas enam bulan, pemilikan kenderaan berkenaan akan bertukar secara kekal kepada UCD.

Di bawah skop pertukaran hak milik kekal, kenderaan itu dijual terus kepada pemilik baharu dan terus menjadi hak kekal pemilik baharu. Pemilik baharu perlu melengkapkan proses pertukaran hak milik kekal seperti melengkapkan proses pemeriksaan kenderaan di PUSPAKOM dan membayar fi pertukaran hak milik yang ditetapkan.

Seterusnya persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang iaitu isu kemalangan jalan raya. Apa silibus pendidikan keselamatan jalan di Institut Memandu. Kementerian mengambil maklum mengenai perkara ini, kurikulum sedia ada sentiasa dikaji dan diteliti bagi memastikan yang ia senantiasa relevan dan berupaya mengurangkan kes kemalangan dan mendidik orang ramai menjadi pemandu yang lebih selamat.

Kerajaan senantiasa melaksanakan program keselamatan jalan di seluruh Malaysia. Sebagai contoh Program: *Safety Awareness* dan *Focused Advocacy For Road Users*, dengan izin, telah dilaksanakan di JPJ di seluruh negara dengan memfokuskan kumpulan sasaran berbeza dalam memberi kesedaran tentang keselamatan jalan raya khususnya penunggang motosikal. Pada tahun 2023 pula, pihak JPJ telah merangka untuk melaksanakan lebih 80 program meliputi pelbagai skop Kempen Keselamatan Jalan Raya di seluruh negara.

Seterusnya melalui pelaksanaan pendidikan keselamatan jalan raya di bawah Bahagian Keselamatan Jalan Raya (PKJR), elemen keselamatan jalan raya akan turut diterapkan di peringkat taska, prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah rendah. Program usaha sama antara MOT dengan Kementerian Pendidikan Malaysia ini adalah bertujuan melahirkan

generasi pengguna jalan raya yang berhemah dan membudayakan keselamatan jalan raya seterusnya membentuk masyarakat yang peka terhadap kepentingan keselamatan jalan raya. Selain daripada program advokasi dan program keselamatan jalan raya aktiviti-aktiviti penguatkuasaan juga senantiasa dilaksanakan oleh JPJ bertujuan memastikan orang ramai mematuhi peraturan jalan raya semasa memandu di atas jalan raya.

Berkaitan dengan persoalan infrastruktur jalan raya penyumbang kepada kemalangan, memang benar kajian ada telah pun dijalankan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) merumuskan bahawa faktor utama berlakunya kemalangan atas jalan raya sehingga menyebabkan kematian berpunca daripada sikap manusia lebih daripada 80 peratus daripada punca utama. Diikuti dengan keadaan rekaan, kondisi dan binaan infrastruktur jalan dalam 13 peratus punca kemalangan dan akhirnya dalam lingkungan tujuh peratus adalah berpunca daripada keadaan *roadworthiness* ataupun aspek teknikal kenderaan motor yang digunakan.

Berkaitan dengan isu tonto. Sejauh mana kewujudan tonto yang mengganggu anggota JPJ, perkara ini ditangani secara berterusan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang mendapatkan kerjasama daripada pihak Polis Diraja Malaysia semasa pihak JPJ melaksanakan operasi-operasinya. Anggota JPJ juga telah dibekalkan dengan senjata api sebagai perlindungan diri daripada ancaman pihak tonto terlibat iaitu tentang sejauh mana talian aduan dapat mengurangkan keselamatan jalan raya, talian disediakan dan sentiasa terbuka untuk orang ramai mengemukakan sebarang aduan.

Seterusnya ialah perbahasan isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz iaitu seksyen 57 bertujuan mewajibkan PSV bagi bas persiaran. Pada masa ini, lesen vokasional adalah wajib kepada semua kenderaan perkhidmatan awam termasuk bas sekolah, bas mini, bas henti-henti, bas sewa seperti dimaklumkan kerana semua kenderaan berkenaan jatuh di bawah klasifikasi atau kelas kenderaan perkhidmatan awam.

Berkaitan dengan takrifan bas persiaran termasuk van persiaran sememangnya benar termasuk kerana badan van itu termasuk di bawah satu- bas dan akan dilesenkan sebagai bas persiaran walaupun ia sebuah van. Tentang pemandu yang berbahaya- kita memang sentiasa mengambil maklum dan sentiasa dilaksanakan di bawah skop peraturan dan perundangan yang sedia ada.

Persoalan pula berkaitan dengan terdapatnya perundangan menarik lesen vokasional mereka sekiranya melanggar peraturan. Memang benar telah terdapat peraturan atau peruntukan semasa di bawah Akta 33 yang membolehkan pihak berkuasa iaitu JPJ membatalkan atau menggantung atau menahan urusan niaga bagi memperbaharui lesen masing-masing.

Tentang mengejar tempahan *p-hailing* ini kementerian menyedari isu ini dan perkara ini akan dikawal selia kelak di bawah pengawalseliaan perkhidmatan *p-hailing* kelak oleh APAD dan LPKP Sabah dan Sarawak setelah undang-undang ini diluluskan. Tentang caruman SKSPS, proses caruman ini boleh diperoleh daripada laman web atau dengan menghubungi pihak PERKESO untuk maklumat lanjut. Caruman SKSPS adalah diwajibkan kepada individu yang bekerja sendiri.

Berkaitan dengan perbahasan persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah iaitu tentang industri *p-hailing*, berkaitan dengan adakah perbincangan dengan operator dan majikan *p-hailing* untuk tanggungjawab untuk tanggungan caruman. Kita mengambil maklum akan cadangan ini dan MOT akan mengadakan sesi libat urus kelak dengan pihak-pihak syarikat ini.

Tentang penurunan isu had umur lesen vokasional iaitu kita mengambil maklum dan proses mendapatkan lesen vokasional melibatkan penunggang *p-hailing* akan ditambah baik dengan mengambil pandangan syor daripada Yang Berhormat. Kementerian juga bekerjasama dengan syarikat-syarikat *p-hailing* seperti dengan pihak *Shopee* bagi membangunkan program latihan yang selamat kepada penunggang *p-hailing*. Memang sudah ada yang dibuat dalam *pipeline* kita.

Persoalan seterusnya ialah iaitu tentang kadar fi ini. Kadar fi yang ditetapkan sekarang RM20, caj fi ini dikenakan kepada kenderaan perdagangan negara asing luar negara yang memasuki Malaysia. Kita mengambil maklum atas cadangan Yang Berhormat dan kena ambil kira kelak dalam proses pelaksanaannya nanti, *insya-Allah*.

■1510

Kepada Yang Berhormat Tuan Haji Aziz bin Ariffin tentang persoalan yang dibangkitkan iaitu lesen PSV juga, seperti jangka hayat bas. Jangka hayat untuk bas seperti bas persiaran telah pun ditetapkan pada masa ini. Had usia maksimum penggantian bas persiaran di Semenanjung Malaysia ialah 15 tahun. Semua bas terlibat wajib lulus pemeriksaan berkala di PUSPAKOM bagi memastikan tahap *roadworthiness* kenderaan terbabit.

Tentang perkara berkaitan dengan apakah kerajaan berhasrat untuk menyekat kenderaan asing yang tidak menyelesaikan samannya? Kuasa untuk menahan kenderaan motor asing mempunyai perkara yang tidak selesai telah diperuntukkan di bawah Akta 333. Perkara ini akan diteliti lagi dengan lebih lanjut bagi tujuan pelaksanaannya kelak kerana banyak juga saman yang tertunggak, memang betul.

Seterusnya penurunan umur lesen PSV. Pada masa ini hanya penggunaan kelas-kelas kenderaan motor yang berdaftar dan dilesenkan sahaja dibenarkan sebagai kenderaan barangan

atau kenderaan perkhidmatan awam. Kenderaan *e-scooter* pada masa ini adalah tidak dibenarkan digunakan sebagai kenderaan barangan atau kenderaan perkhidmatan awam. Pada masa ini tentang berkaitan dengan *e-scooter* ini sendiri pun, perundangannya adalah di bawah kajian yang dibuat di Shah Alam sekarang ini selama setahun tentang *e-scooter* ini sendiri dan berbagai-bagai aspek dan berbagai-bagai sudut dalam kajian tersebut.

Seterusnya cadangan mewajibkan pemakaian *body camera*, kita belum mempunyai perancangan untuk mewajibkan penggunaannya. Namun, perkara ini sedang dalam kajian kebolehlaksanaannya di peringkat MoT dan JPJ. Ini juga membabitkan peruntukan. Kamera yang ada sekarang ini merupakan kamera pada *rider motorcycle* punya penguatkuasaan, atas topi mereka itu memang ada kamera yang boleh link terus kepada server kita di pejabat. Itu yang ada sekarang dan untuk *body camera* belum ada lagi.

Seterusnya ialah apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail juga perkara yang sama berkenaan penurunan umur lesen PSV. Kerisauan tentang pelumba-pelumba kita pada masa ini ya lah yang mesti memerlukan pendidikan. Kita mengambil maklum mengenai syor dan isu yang dibangkitkan. Pihak JPJ akan melaksanakan aktiviti penguatkuasaan melaksanakan program advokasi keselamatan jalan melibatkan kumpulan sasar yang terlibat.

Berkaitan dengan HSWIM, ada yang telah dipasang di beberapa buah lokasi di Lebuhraya PLUS termasuk di Jambatan Kedua Pulau Pinang pada masa ini dan yang lain itu kita sekarang ini dalam mengkaji tentang perbelanjaan dan lokasi-lokasi yang akan dipasang dengan HSWIM ini, *highways* dan juga di Jalan Persekutuan dan juga di jalan negeri.

Berkenaan dengan soalan iaitu isu liabiliti penukaran hak milik sementara. Liabiliti adalah pada dengan izin *used car dealer*, apabila hak milik telah ditukar kepada UCD oleh pemilik asal.

Seterusnya, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang iaitu juga berkenaan dengan HSWIM. Pemantauan kenderaan barangan membawa lebih muatan akan dilaksanakan secara automatik menggunakan peralatan HSWIM. Berat kenderaan akan direkodkan secara automatik dan sebarang notis bagi kesalahan akan dikeluarkan terus kepada pemilik kenderaan tersebut.

Isu-isu lain akan dipantau secara berterusan menerusi aktiviti penguasaan oleh JPJ iaitu tentang penetapan pakaian seragam, isu ketulenan pakaian seragam agar ia tidak mudah ditiru dan disalah guna. Apabila undang-undang ini diwartakan kelak, spesifikasi pakaian seragam JPJ akan ditetapkan di bawah suatu perundangan subsidiari. Spesifikasi pakaian seragam akan dikawal selia melalui perundangan bersubsidiari tersebut.

Maka mana-mana orang yang meniru pakaian seragam tersebut kelak akan melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan. Pemantauan akan dilaksanakan secara berterusan oleh pihak JPJ dan mungkin ada persoalan dibangkitkan keaslian dan ketulenan, sudah pastinya mungkin *insya-Allah* dalam penyediaan pakaian yang baharu mungkin akan disediakan ciri-ciri keselamatan yang boleh membezakan antara pakaian uniform yang di ciplak ataupun yang memang dikeluarkan khusus untuk kegunaan pegawai-pegawai JPJ.

Seterusnya ialah tentang *body camera*, sebagaimana saya katakan tadi kita belum mempunyai perancangan.

Tentang hal kaedah pemantauan had laju lori. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, JPJ melaksanakan pemantauan dan aktiviti penguatkuasaan had laju terhadap lori-lori melalui beberapa kaedah iaitu:

- (i) operasi bersepadu di antara pelbagai agensi seperti PDRM, JPJ dan sebagainya;
- (ii) rondaan harian;
- (iii) Unit Peronda Bermotosika, itu yang saya katakan tadi telah pun ada juga sekarang ini mempunyai kamera yang dipasang pada helmet-helmet mereka;
- (iv) Unit Penguatkuasaan Lebuhraya (UPLB);
- (v) sistem e-Aduan; dan
- (vi) kamera AWAS yang dipasang di jalan-jalan raya.

Seterusnya lagi ialah perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Abdul Nasir bin Haji Idris iaitu tentang kondisi bas yang usang menyumbang kepada kemalangan yang tinggi. Kita mengambil maklum pemeriksaan berkala ke atas telah pun dipertingkatkan termasuk melaksanakan pemeriksaan kepada bahagian bawah dan badan kenderaan itu sendiri bagi memastikan tahap *roadworthiness* kenderaan tersebut. MoT dan JPJ sentiasa secara berterusan melaksanakan pemantauan kpd aspek pemeriksaan bagi menambah baik aspek pemeriksaan mengikut keperluan semasa. Aktiviti pengauditan juga dilaksanakan secara berterusan oleh JPJ.

Berkaitan tentang kemalangan jalan raya disebabkan oleh jalan raya yang teruk, kajian yang telah dilakukan oleh MIROS, sebagaimana yang saya katakan tadi iaitu merumuskan bahawa memang faktor jalan itu juga menyumbang 13 peratus daripada nahas jalan raya di negara kita. Ini adalah di bawah pembaikan jalan dan sebagainya. Kita akan berhubung dengan kementerian yang lain iaitu Kementerian Kerja Raya khususnya ya.

Perkara berkaitan kes-kes penyamaran, salah guna pemakaian, sebagaimana yang saya katakan tadi, kita dalam penyediaannya nanti selepas semua ini diwartakan, kita akan menyediakan ciri-ciri tertentu dalam penyediaan pakaian yang baharu untuk memastikan tidak mudah ditiru atau di ciplak pakaian-pakaian pegawai JPJ kita.

Seterusnya ialah perkara yang dibangkitkan, isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad iaitu seksyen 13, berkaitan penukaran hak milik kenderaan interim juga. Apabila proses pertukaran hak milik telah dilengkapkan dengan teratur, status pemilikan kenderaan tersebut telah pun dipindahkan kepada UCD. Maka pemilik berdaftar kenderaan tersebut UCD. Sebarang kesalahan atau tidak mematuhi peraturan jalan raya, tindakan akan dikenakan kepada UCD.

Perkara berkaitan skim terdapat hutang, adakah penukaran hak milik kenderaan ini boleh dibuat? Sekiranya masih terdapat sebarang sekatan atau tuntutan hak milik daripada mana-mana institusi kewangan, proses berkenaan perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum sebarang proses pertukaran hak milik boleh dimuktamadkan.

Sekiranya UCD tidak berjaya menjual kenderaan, perkara ini terserah kepada pemilik asal sama ada hendak membeli semula kenderaan yang telah dijual kepada UCD. Itu jawapan yang mudahlah ya. Untuk mengejar tempahan *p-hailing* ini, perkara berkaitan dengan menyediakan *training* atau latihan kepada penunggang *p-hailers online*, kita mengambil maklum akan cadangan tersebut dan akan disusuli dengan lebih lanjut dengan pihak syarikat penyedia perkhidmatan dan juga berkaitan dengan HSWIM juga ditanyakan oleh Yang Berhormat.

■1520

Jadi, memang ini ialah cara kita untuk memastikan pindaan ini akan membolehkan JPJ menggunakan peralatan ini sebagai salah satu- alat bagi tujuan menimbang kenderaan lebih muatan serta menguatkuasakan peraturan tersebut.

Mudah-mudahan dengan terpakainya HSWIM ini di banyak tempat nanti di seluruh negara kita, kita mengharap memang ini akan memberi suatu teguran dan juga membuat sesuatu memikir, terutamanya kepada pemandu-pemandu yang tidak mengendahkan tentang keselamatan jalan raya dengan hanya mengejar *trip* ataupun mengejar muatan untuk mengangkat semuat-muatnya tanpa memikirkan keselamatan pengguna jalan raya lain. Dengan adanya HSWIM ini, *insya-Allah* kini akan boleh membendung mereka yang bersikap demikian untuk mengulangi perbuatan-perbuatan mereka.

Seterusnya ialah perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang iaitu isu kemalangan jalan raya. Apakah silibus pendidikan keselamatan jalan raya di institut memandu? Kementerian mengambil maklum perkara ini. Kurikulum sedia ada

sentiasa dikaji dan diteliti. Kita berharap ia sentiasa relevan dan berupaya mengurangkan kes kemalangan serta mendidik orang ramai mengenai pemanduan yang lebih selamat.

Tentang program keselamatan jalan raya yang dilaksanakan oleh kerajaan kepada orang ramai berkaitan keselamatan jalan raya. Sebagaimana saya katakan tadi iaitu kita melaksanakan Program *Safety Awareness* dan *Focused Advocacy for Road Users*. Ini memang sentiasa diadakan dan banyak lagi program yang akan dibuat dalam tahun ini yang berjumlah lebih kurang 80 program meliputi skop Kempen Keselamatan Jalan Raya di negara kita. Persoalan berkaitan infrastruktur juga, ia adalah sama seperti saya katakan tadi. Memang ia memberikan 13 peratus punca kemalangan adalah berkaitan dengan infrastruktur jalan.

Isu tonto ini pula iaitu perkara ditangani secara berterusan oleh JPJ dengan mendapat kerjasama daripada pihak Polis Diraja Malaysia semasa pihak JPJ melaksanakan operasi-operasi. Anggota JPJ juga telah dibekalkan dengan senjata api sebagaimana saya katakan tadi, sebagai perlindungan diri dalam operasi-operasi. Berkaitan dengan talian aduan dapat mengurangkan keselamatan jalan raya. Talian disediakan sentiasa terbuka untuk orang ramai mengemukakan sebarang aduan. Pasti *insya-Allah*, dengan adanya aduan-aduan ini kita akan dapat membuat tindakan yang lebih segera dalam menangani kes-kes yang berlaku.

Seterusnya, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah berkaitan dengan tanggungan caruman insurans penunggang. Kita ambil maklum akan cadangan ini dan *insya-Allah* MOT akan mengadakan sesi libat urus dengan pihak syarikat-syarikat. Tentang hal umur lesen vokasional juga, jadi rasanya ini banyak yang sudah dipersoalkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Rasanya yang belum, isu-isu boleh dikatakan semua sudah dijawab, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya tidak perlulah meneruskan. Saya rasa sudah terjawab kepada soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah, Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz rasanya.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Boleh saya mencelah, Tuan Yang di-Pertua? Soalan saya belum dijawab, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Haji Hasbi bin Habibollah: Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa?

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Ya, saya.

Datuk Haji Hasbi bin Habibollah: Okey, iaitu tentang bolehkah mewujudkan caruman KWSP? *Yes, it's something new* ya, kepada orang yang bekerja sendiri melibatkan *p-hailers*. Kita ambil maklum cadangan tersebut dan akan dibincangkan dengan pihak yang berkuasa berkaitan KWSP ini. Kita akan berbincang. Bagaimanakah proses dapat dilaksanakan? Samalah, kita akan

berbincang dengan pihak yang berkaitan untuk mendapatkan KWSP ini dicarumkan, untuk pencaruman kepada KWSP untuk mereka yang bekerja sendiri.

Adakah individu bekerja sendiri melibatkan industri perlu melalui pemeriksaan PUSPAKOM? Semua kenderaan perdagangan adalah tertakluk kepada peraturan sedia ada berkaitan pemeriksaan berkala dengan kenderaan motor. MOT dan JPJ senantiasa menambah baik proses pemeriksaan berkala bagi meningkatkan tahap kualiti dan integriti pemeriksaan terlibat.

Seperti pengumuman yang telah dibuat, MOT akan membenarkan pihak-pihak lain yang berkecuali dan mematuhi semua syarat yang ditetapkan bagi menyediakan pemeriksaan-pemeriksaan kenderaan motor bagi pihak kerajaan, sama seperti perkhidmatan yang telah disediakan oleh PUSPAKOM sebelum ini. Ini akan berkuat kuasa mulai tahun hadapan. Seterusnya, daripada Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai, dari Sarawak ya iaitu tentang isu insurans *p-hailing*. Perkara ini diambil maklum dan akan diteliti dengan lebih lanjut dalam fasa pengawalseliaan kelak oleh APAD dan LPKP yang telah menggunakan caj 30 sen dan sebagainya.

Isu bas persiaran. Adakah ujian diberi secara percuma? Pada masa ini, kerajaan telah mengumumkan Program *MyLicense* dan *MyPSV*, terutamanya bagi golongan B40 di bandar dan luar bandar. Mana-mana individu yang berminat bolehlah menghubungi pihak JPJ kelak. Penukaran hak milik interim terpakai kepada motosikal. Ia terpakai kepada semua kelas kenderaan bermotor. Rasanya ini sahaja, semuanya telah saya jawab persoalan-persoalan yang dibangkitkan. Rasanya itu sahaja. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 13** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair **mempengerusikan Mesyuarat**]*

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan) dan diluluskan]

■1530

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN AWAM DARAT (PINDAAN) 2023

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.31 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Haji Hasbi bin Habibollah]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715] telah mula berkuat kuasa mulai pada tahun 2010. Objektif utama Akta 715 adalah untuk mengadakan peruntukan bagi mengawal selia pengangkutan awam darat dan bagi perkara yang bersampingan dengannya. Akta 715 ini terpakai bagi Semenanjung Malaysia.

Kali terakhir Akta 715 dipinda adalah pada tahun 2018. Rang Undang-undang Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2018 bertujuan untuk meminda Akta 715 yang berbangkit daripada pemansuhan Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat [Akta 714] dan pembubaran Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat. Dengan pindaan tersebut, fungsi, kuasa, hak, kewajipan, liabiliti dan obligasi Suruhanjaya telah diturunkan kepada Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat atau Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan mengikut mana-mana yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan pindaan ke atas Akta 715 pada tahun 2023 bertujuan untuk melaksanakan keputusan-keputusan kerajaan melibatkan perkara-perkara seperti berikut.

Pengawal seliaan suatu perkhidmatan kenderaan barangan termasuk menggunakan motosikal yang disediakan menerusi suatu perniagaan perantaraan- perkhidmatan *p-hailing*. Pindaan yang dicadangkan adalah bertujuan untuk mewujudkan punca kuasa bagi mengawal selia dan menetapkan peraturan pelesenan bagi perkhidmatan berkenaan di bawah Akta 715 dan

mewujudkan punca kuasa di bawah Akta 715 bagi memenuhi obligasi dan melaksanakan komitmen kerajaan di bawah beberapa perjanjian multilateral peringkat antarabangsa yang melibatkan peredaran antarabangsa mana-mana kenderaan pengangkutan awam darat.

Pindaan akan memperuntukkan punca kuasa kepada Menteri untuk mengawal selia, melesenkan dan menetapkan peraturan ke atas perkhidmatan kenderaan pengangkutan awam darat yang didaftarkan di negara asing untuk beroperasi di dalam Malaysia serta yang didaftarkan dalam Malaysia untuk beroperasi dalam wilayah negara asing termasuk menurut kepada apa-apa kuasa atau tertakluk kepada peruntukan mana-mana perjanjian antarabangsa yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia sebagai negara pejanji.

Secara keseluruhannya, pindaan RUU Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2023 akan mengandungi enam fasal yang merangkumi cadangan pindaan utama ke atas Akta 715 seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 715 untuk memasukkan takrif baharu "*kenderaan p-hailing*" dan untuk meminda takrif "*kenderaan barangan*" untuk memasukkan kenderaan *p-hailing* dalam takrif tersebut.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda perenggan 6(5)(d) Akta 715 untuk membenarkan Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat mengenakan kepada mana-mana lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen 6 Akta 715 syarat tentang fi maksimum yang ditetapkan yang kena dibayar kepada pemegang lesen terminal oleh orang awam juga bagi penggunaan terminal itu.

Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan Bahagian baharu VA ke dalam Akta 715 bagi memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan bagi memudahkan peredaran antarabangsa mana-mana pengangkutan awam darat menurut mana-mana perjanjian antarabangsa.

Fasal 5 bertujuan untuk memotong perenggan 252(1)(k) dan (l) Akta 715. Pemotongan tersebut berbangkit daripada kemasukan Bahagian baharu VA ke dalam Akta 715.

Fasal 6 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi peralihan.

Lain-lain pindaan yang tidak dinyatakan secara khusus bagi akta ini adalah merupakan pindaan bersifat *editorial* dan *consequential* susulan kepada pindaan-pindaan utama.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah amat penting atas keperluan-keperluan pelaksanaan perkhidmatan *p-hailing* dan pengoperasian pergerakan kenderaan pengangkutan awam merentas sempadan terutamanya

dalam mewujudkan punca kuasa dan penyeragaman peraturan. Dengan pelaksanaan pindaan ini, semua pelaksanaan fungsi dan ketetapan dasar akan teratur daripada segi undang-undang.

Sehubungan itu, saya dengan rasa rendah hati memohon supaya pindaan-pindaan yang dicadangkan dapat diluluskan di Dewan yang mulia ini demi menjaga kebajikan terutamanya kepada golongan muda dan golongan yang bekerja sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Okey, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Dengan saya, ada senarai sembilan orang Yang Berhormat Senator yang hendak berbahas. Saya menjemput Yang Berhormat Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan.

3.37 ptg.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi saya ucapkan tahniah kerana telah naik takhta walaupun sementara waktu. Tetap 'raja' juga. Saya cuba berbahas seperti kawan saya, Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha bin Abu. Apabila beliau berbahas, dia joget- saya yang nampaklah di sini- *agogo*.

Tuan Yang di-Pertua, industri *gig* merupakan antara industri alternatif terbaik untuk dijadikan sebagai sumber pendapatan utama mahupun tambahan bagi individu yang hilang pekerjaan ataupun sedang menganggur. Kementerian Pengangkutan seharusnya bertindak sebagai fasilitator mana-mana individu yang ingin menceburi sektor *p-hailing* atau *e-hailing* untuk mencari rezeki yang halal. Mereka, pada hakikatnya, menuntut agar kementerian dapat menyediakan satu- pelan khusus yang rasional yang boleh menjamin kebajikan serta keselamatan mereka sebagai penyumbang ekonomi yang strategik tersebut.

Ramai daripada mereka yang tidak bersetuju dengan pelaksanaan permit atau apa jua bentuk pelesenan yang dikenakan secara wajib kepada para penggiat *p-hailing*. Malah, mereka mempersoalkan peruntukan yang digariskan dalam fasal 6 rang undang-undang ini.

Peruntukan tersebut dengan kata lain menyatakan bahawa mana-mana penggiat perkhidmatan *p-hailing* hendaklah memohon satu- lesen khas daripada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD). Secara ringkas, "A-P-A-D" kah, "A-P-E-D"..?

Datuk Haji Hasbi bin Habibollah: APAD.

■1540

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Apakah itu?... [Ketawa] Okey. So, pematuhan baharu tersebut dibuat menurut seksyen 12A, Akta Pengangkutan Awam Darat. Saya berpandangan bahawa isu pelesenan yang dikenakan kepada para penggiat *p-hailing* adalah tidak wajar. Ini kerana setiap etika perkhidmatan para penggiat *p-hailing* sentiasa dipantau dan dinilai oleh operator atau syarikat pengendali *p-hailing* yang mereka berkhidmat.

Berhubung dengan perkara tersebut, saya ingin mendapatkan penjelasan serta justifikasi dari Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai beberapa isu berikut:

- (i) berapakah jumlah penggiat *p-hailing* di seluruh negara setakat 31 Oktober 2022;
- (ii) daripada jumlah tersebut, berapakah jumlah penggiat *p-hailing* yang sudah mendaftar untuk lesen khas tersebut kepada APAD?;
- (iii) berapa lamakah tempoh yang akan diambil oleh APAD untuk meluluskan satu-satu permohonan lesen khas *p-hailing* serta apakah prosedur tetap yang perlu dijalani oleh seseorang peserta *p-hailing* sebelum dan selepas mengemukakan permohonan lesen khas tersebut?;
- (iv) apakah bentuk tindakan ataupun penalti akan dikenakan terhadap penggiat *p-hailing* yang gagal atau enggan mengemukakan lesen khas *p-hailing* selepas berkuatkuasa pindaan akta ini?; dan
- (v) adakah lesen khas *p-hailing* mempunyai tarikh luput seperti lesen memandu dan adakah ia melibatkan caj tertentu bagi setiap lesen yang ingin diperbaharui? Jika ya, berapakah jumlah caj yang dikenakan bagi pembaharuan lesen tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada kenyataan media oleh Yang Berhormat Menteri pada 10 Ogos lalu berkenaan dengan kursus induksi bagi pemohon lesen khas *p-hailing*. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan apakah signifikan pelaksanaan kursus induksi secara dalam talian yang berlangsung selama tiga jam tersebut.

Saya berpandangan apa jua bentuk *online course*, dengan izin, bagi penggiat *p-hailing* atau *e-hailing* tidak relevan untuk dilakukan sekiranya ia tidak menitikberatkan aspek perlindungan hak serta keadilan penghantar makanan. Sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam hal ehwal perkhidmatan *p-hailing*, APAD seharusnya memainkan peranan tegas dalam melindungi hak serta kebajikan penggiat sektor hailing.

Boleh dapat dua minit lagi?

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Silakan.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Seterusnya saya difahamkan *rating* atau maklum balas yang diberikan oleh pelanggan kadang-kadang tidak munasabah dengan situasi sebenar yang dihadapi sebagai penghantar. Bagi situasi yang melibatkan tempahan penghantaran yang dibuat ketika hujan lebat, ada daripada kalangan pelanggan mengemukakan aduan atau maklum balas yang tidak munasabah disebabkan kelewatan penghantaran.

Menurut kebanyakan *rider* atau penghantar makanan, maklum balas yang negatif terhadap perkhidmatan mereka boleh menjejaskan *rating* serta kelangsungan perkhidmatan mereka. Kesan daripada maklum balas atau *rating* yang negatif, perkhidmatan mereka digantung untuk satu tempoh yang ditetapkan oleh operator. Penilaian pelanggan yang tidak bersandarkan situasi sebenar, bukanlah merupakan masalah baharu dalam sektor *p-hailing* atau *e-hailing*.

Seterusnya, saya ingin bangkitkan isu-isu berikut kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di Dewan yang mulia ini. Pertama, apakah rasional perwujudan pematuhan baharu seperti lesen khas serta kursus induksi tersebut sedangkan tindak tanduk penggiat *p-hailing* berada di bawah kuasa pemantauan dan penilaian syarikat pengendali?

Kedua, apa bentuk semak dan imbang yang telah atau yang akan diwujudkan oleh APAD bagi melakukan *in-depth review*, dengan izin, atau semakan lanjutan terhadap kes-kes yang melibatkan penghantar makanan yang digantung atau dibuang daripada perkhidmatan?

Ketiga, menerusi penguat kuasa akta ini, adakah APAD atau pihak kementerian akan melakukan audit berkala terhadap setiap operator *p-hailing* bagi meneliti perkara-perkara berikut iaitu pengenaan caj penghantaran semasa, bayaran kepada penghantar, aduan-aduan negatif terhadap mutu perkhidmatan serta etika penghantaran makanan dan sebab penggantungan dan pembuangan perkhidmatan.

Kesemua perkara tersebut penting untuk diaudit secara berkala oleh APAD bagi memantau segala tindak tanduk mana-mana operator *p-hailing* melampaui batas kemanusiaan mahupun perundangan. Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja dan saya mohon menyokong, terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob.

3.45 ptg.

Tuan Isaiah a/l D Jacob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam Malaysia Madani. Saya ingin hendak sokong atau pun setuju dengan Rang Undang-undang Pengangkutan Awam

Darat (Pindaan) 2023. Hanya beberapa perkara saya ingin bawa perhatian Kementerian Pengangkutan.

Pertama, pengangkutan di beberapa buah kawasan di sekitar Kuala Lumpur masih lagi tidak memuaskan. Ada tempat yang tidak ada pengangkutan awam seperti bas, Prasarana tidak memberikan perkhidmatan di kawasan-kawasan tertentu khususnya di Taman Sri Murni, Selayang. Hampir dan lebih dua tahun para penumpang khususnya kanak-kanak yang pergi ke sekolah gunakan *Grab*- untuk pergi ke sekolah. Ia akan membawa banyak perbelanjaan amat tinggi. Saya mohon kepada Kementerian Pengangkutan untuk mengambil tindakan secepat mungkin untuk mendapatkan perkhidmatan bas di kawasan tersebut.

Kedua, isu tentang keselamatan golongan istimewa dalam pengangkutan darat khususnya di stesen-stesen kereta api dan juga MRT serta LRT. Di mana apabila seseorang golongan kelainan upaya naik membawa kerusi roda, mereka mendapati daripada jarak antara *train* dengan lantai itu ada lubang yang lebih kurang seinci, itu amat berbahaya apabila mereka membawa kerusi roda. Saya cadangkan kepada Kementerian Pengangkutan ambil sesuatu tindakan untuk tidak pasti, apa yang...

Seorang Ahli: Rem.

Tuan Isaiah a/l D Jacob: Rem yang sesuai untuk mereka lalukan kerusi roda tersebut. Bagi golongan kelainan upaya penglihatan, apabila mereka lalu kawasan tersebut, kadang-kadang kayu yang dibawa itu akan masuk dalam lubang tersebut, ia juga akan membawa-daripada segi keselamatan mereka, akan terjadi sesuatu yang tidak diingini dan saya mohon kepada Kementerian Pengangkutan mengambil perkara-perkara seperti ini untuk menjaga keselamatan golongan istimewa yang saya ketuai.

Ketiga, saya juga ingin mengucapkan terima kasih mewakili golongan orang-orang kelainan upaya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Pengangkutan di mana pertengahan bulan Februari semua golongan OKU diberi percuma menaiki KTM untuk perjalanan mereka. Saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada Kementerian Pengangkutan.

Seterusnya, yang terakhir, saya ingin memohon kepada Kementerian Pengangkutan untuk memberi sedikit diskaun atau pengecualian dalam tambang *Grab* orang-orang kelainan upaya atau pun golongan istimewa yang digunakan. Setakat hari ini, tidak ada keistimewaan itu. So, saya harap kementerian akan ambil satu tindakan dan mewujudkan atau memujuk syarikat-syarikat yang menguruskan perkara ini memberi perhatian kepada golongan istimewa.

Saya sepenuhnya menyokong Rang Undang-undang Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2023. Sekian, terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Isaiah a/l D Jacob atas perbincangan tadi.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim.

■1550

3.50 ptg.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi izin kepada saya bagi membahaskan Rang Undang-undang Akta Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2023. *Bismillah Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat petang. Sabar, tidak lama lagi Yang Berhormat Dato' Lee... [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, saya amat mengalu-alukan pindaan dan penambahbaikan yang dilakukan oleh kerajaan dalam Akta Pengangkutan Awam Darat 2010. Pembentangan pindaan Akta Pengangkutan Awam Darat ini dilihat amat signifikan dalam menyokong multi variasi pengangkutan awam darat di Malaysia.

Sekalung tahniah saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri, rakan saya dari Sarawak dan pegawai-pegawai kementerian kerana pindaan-pindaan baharu yang dibuat terutamanya dalam perkhidmatan kenderaan *p-hailing* khususnya, pelaksanaan caj permit masuk kenderaan *Vehicle Entry Permit* (VEP), dengan izin, dan beberapa penambahbaikan terhadap tata kelola pelesenan dan syarat operasi pengangkutan awam darat amat kita nantikan- sebagai rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, aplikasi elektronik yang dibangunkan untuk menyediakan platform niaga perkhidmatan pengangkutan awam sudah menjadi sebuah industri yang berkembang pesat sejak kebelakangan ini. Justeru, dalam pindaan ini usaha kerajaan untuk menjadikan perkhidmatan kenderaan *p-hailing* tersusun dengan berpanduan beberapa ketetapan seiring dengan peraturan-peraturan yang diperuntukkan dalam Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.

Di sini saya ingin membangkit sedikit antara perbezaan *e-hailing* dengan *p-hailing*. *P-hailing* adalah khusus untuk, dengan izin, *food and goods delivery services*. Jadi ia tidak membawa manusia untuk *this purpose*. Sebelum pilihan raya yang lepas, Menteri Pengangkutan yang lepas ingin *introduced* melaksanakan satu *Goods Driving License*, yang hendak di *introduced*. Saya tidak tahu kalau kemungkinan kementerian yang baharu ini ingin melaksanakannya.

Akan tetapi saya ingin menegaskan bahawa ia satu yang bagus. Ini kerana kebanyakan yang membawa *e-hailing* atau *p-hailing* ini, kalau kita lihat di jalan raya mereka kurang sopan.

Bukan semua, sesetengah mereka. Jadi kalau ada kursus ini ia patut ditegaskan bahawa mereka patut bersopan di jalan raya.

Persoalan yang ingin saya kemukakan adalah berhubung dengan perkhidmatan *p-hailing*, adakah kerajaan berhasrat untuk menetapkan beberapa syarat terhadap pengendali *gig economy* ini supaya tidak mengabaikan kepentingan mereka sehingga menyebabkan kemalangan dan kejadian yang tidak diingini seiring dengan ketetapan undang-undang Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010. Bagaimana pula kementerian melihat isu-isu perundangan, kehendak dan keperluan pematuhan dan penyelesaian pertikaian seiring dengan terma penggunaan aplikasi *p-hailing* dengan peraturan-peraturan yang diperuntukkan dalam Akta Pengangkutan Awan Darat 2010.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai caj permit masuk VEP pula, adakah kerajaan akan mengenakan syarat yang ketat terhadap kenderaan asing yang pernah atau mempunyai rekod saman yang tinggi ketika berada di Malaysia. Ini kerana kita tidak mahu kenderaan asing memanipulasi undang-undang sedia ada dan bermaharajalela melakukan kesalahan di Malaysia. Kalau boleh sistem saman atau denda ini patutnya pada *link* antara pihak penguasa tempatan (PBT), PDRM, JPJ, imigresen dan kastam patut dapat pada *link*. Ini kerana supaya ia dapat menangkap mereka yang mengerjakan pelanggaran undang-undang.

Daripada segi undang-undang yang kena saman saya memberi contoh, kadang-kadang bila PBT memberi saman *parking* kepada mereka ia tidak pada *link* kerana mereka boleh lepas kepada sempadan Singapura atau sempadan Brunei atau Sempadan Indonesia kerana ia tidak pada *link*. Jadi kalau boleh sistem ini pada *link* kan supaya tidak terlepas daripada membayar saman atau denda.

Selain itu, pemeriksaan ketika di pintu masuk sempadan Malaysia dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Berapa lama perlu lagi?

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Sikit lagi.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ok.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Terima kasih. Selain itu pemeriksaan ketika di pintu masuk sempadan Malaysia mestilah ditambah baik dengan standard tata kelola supaya tidak ada lagi pelanggaran kenderaan asing masuk ke negara kita. Isu ini akan menjadi isu berbangkit sekiranya tidak ada pemantauan yang ketat. Kita tidak mahu ada kelompangan terhadap kemasukan- *entry* kenderaan ke Malaysia.

Saya berharap agar dengan adanya caj permit, saya difahamkan RM20, betul Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Datuk Haji Hasbi bin Habibollah: Ya.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Masuk VEP ini dapat menutup terus ruang jalan tikus atau jalan seludup terhadap kenderaan asing masuk sesuka hati tanpa permit. Ini rasanya jalan terbaik untuk menyatakan keseriusan pihak kementerian dan kerajaan dalam menangani isu berbangkit. Saya difahamkan kalau tidak ada VEP ini samannya hanya RM150. Kalau boleh saya rasa, boleh dinaikkan lagi rasanya. Masanya sudah datang untuk RM500. Sebanyak RM150 ini terlalu kurang, saya rasa boleh dipertimbangkan.

Dengan ini, saya menyokong pindaan RUU. Sekian, terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Ahmad Dato Sri Ibrahim.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Datin Ros Suryati binti Alang.

3.57 ptg.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab kekangan masa saya teruskan menjurus kepada fasal 4 dalam rang undang-undang ini. Fasal ini adalah bagi tujuan untuk memasukkan bahagian baharu ke dalam Akta 715 bagi memberi menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan bagi memudahkan peredaran antarabangsa mana-mana pengangkutan awam darat menurut mana-mana perjanjian antarabangsa.

Ini bertujuan untuk memudahkan pergerakan barangan di antara negara anggota Asean yang bersempadan antara satu sama lain. Dalam kedua-dua kerangka perjanjian ini, semua negara telah berjanji mencapai persetujuan untuk memudahkan urusan pergerakan kenderaan pengangkutan awam darat merentas sempadan.

Sehubungan dengan itu, Malaysia perlu mengambil tindakan sewajarnya dalam menyediakan instrumen perundangan bagi membolehkan negara memenuhi obligasi di bawah kedua-dua perjanjian. Sesungguhnya pergerakan merentas sempadan di rantau Asean ini juga merupakan langkah penting dalam memastikan rangkaian bekalan yang mantap bagi jangka masa panjang dan seterusnya memperkukuhkan kedudukan ekonomi negara. Walau bagaimanapun, kerisauan juga akan timbul sama ada kenderaan-kenderaan asing ini akan mematuhi peraturan-peraturan dan undang-undang negara kita.

Soalan pertama saya kepada kementerian adalah sejauh manakah persediaan untuk penguatkuasaan undang-undang sebagai contoh kepada pelancong dan kenderaan yang membawa barang-barang berat. Ini kerana secara khususnya kepada kenderaan berat yang memasuki negara, mungkin terdiri daripada kenderaan yang lain spesifikasi dengan kenderaan berat negara kita malah mungkin akan merosakkan jalan-jalan kita dan membahayakan

pengguna jalan raya yang lain. Apakah mekanisme pengawalan dan pemantauan oleh kementerian mengenai isu ini?

Seterusnya saya ingin bertanya, adakah kerajaan mempunyai kelengkapan secukupnya untuk memantau kenderaan yang mempunyai saman dan denda yang mereka menerima dari negara kita?

■1600

Ini adalah sama seperti mana dengan negara jiran kita Singapura yang tidak membenarkan kenderaan asing yang mempunyai sejumlah denda yang belum dijelaskan seperti kesalahan trafik, parkir atau pelepasan asap kenderaan daripada memasuki negara itu. Untuk makluman Dewan, di Singapura kira-kira 60,000 buah kenderaan asing memasuki Singapura setiap hari. Itu baru di Singapura. Bayangkanlah di negara kita apabila kita meluluskan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai industri van pelancongan atau mereka yang terlibat dalam pengangkutan pelancongan. Apabila kita membuka pasaran kepada penggiat-penggiat industri daripada negara ASEAN, sudah tentu ada persaingan kepada pemain industri tempatan. Saya ingin terus bertanya kepada kerajaan, adakah disediakan apa-apa bentuk perlindungan kepada industri pengangkutan pelancongan kita? Ini juga termasuk dengan isu ulat kereta yang akan memasuki negara kita.

Adakah kenderaan-kenderaan sapu ini nanti akan diwajibkan untuk berdaftar dan dilesenkan di bawah APAD iaitu yang berkaitan dengan kenderaan asing? Saya melihat perkara ini akan berlaku di negeri-negeri sempadan seperti Kelantan, Perak, Perlis dan Kedah. Apakah tindakan yang diambil kementerian untuk memastikan perkara ini memberi kebaikan khusus kepada pemain-pemain industri tempatan?

Seterusnya, saya ingin menyentuh mengenai ubah suai kenderaan melampau untuk aktiviti penyeludupan minyak dan diesel. Kes-kes penyeludupan minyak dan diesel masih lagi berlaku dengan berleluasa di negeri sempadan. Kenderaan-kenderaan asing ini mengubahsuai kenderaan mereka dan mereka menyeludup bahan mentah kita untuk dijual atau digunakan oleh mereka di negara mereka sendiri.

Menurut rekod Kastam Kedah, mereka pernah menahan enam buah kenderaan pikap yang diubahsuai dengan tambahan tangki khas yang bermuatan minyak diesel di pintu keluar kenderaan ringan atau persendirian di kompleks pada 29 Januari yang lalu. Sejumlah 1,780 liter minyak diesel berjaya dirampas dengan nilai rampasan sebanyak RM3,827. Walau bagaimanapun, langkah-langkah tangkapan dan rampasan dilaksanakan, pencuri-pencuri minyak ini hanya dikenakan denda dan kompaun sahaja.

Malangnya, apabila mereka telah di kompaun atas kesalahan menyeludup, mereka itu akan patah balik ke negara jiran dan kemudian mereka kemungkinan akan mengulangi aktiviti penyeludupan sekali lagi selang beberapa minggu kemudian. Perkara ini amat serius kerana ia melibatkan subsidi minyak dan diesel untuk negara kita. Justeru, apakah langkah-langkah ketat yang bakal dirancang oleh kerajaan mengenai perkara ini? Adakah ada peruntukan dalam undang-undang kita untuk merampas kenderaan-kenderaan yang terlibat?

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2023. Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Okey, terima kasih Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit.

4.04 ptg.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sekali lagi kerana memberikan saya peluang untuk membahaskan rang undang-undang pada petang ini. Saya akan membincangkan beberapa perkara juga pada petang ini di mana dalam kita ghairah untuk menggubal undang-undang antarabangsa ini, ada juga perkara yang perlu kita perbaiki di dalam negara terutamanya di bandar raya kita Kuala Lumpur ini.

Ini pengalaman yang kita tonton sendiri di dalam video di mana pihak yang terlibat dalam *p-hailing* ini ataupun secara spesifik, dengan izin, iaitu *FoodPanda* di mana saya melihat seorang anak muda yang gajinya ditahan. Menurut video itu, gajinya adalah sebanyak RM800 tetapi gajinya ditahan sebanyak RM300 lagi. Jadi, ini menyebabkan anak muda ini saya anggarakan berumur dalam lingkungan 20-an kerana dia sangat muda dan sehinggakan menangis. Itu yang menyebabkan saya tersentuh sehingga perlu membawa perkara ini ke dalam Dewan yang mulia ini.

Jadi, inilah yang kita tidak mahu berlaku dalam sistem yang kita semakin mengejar kemajuan untuk mempermudah kita dalam pengangkutan dan di dalam kita memesan barang-barang, ada pihak yang mahir dalam sistem ini memanipulasi keadaan di mana memerah keringat pekerja-pekerja kita. Jadi, saya mohon supaya kerajaan, Kementerian Pengangkutan ini, juga mengambil berat tentang manipulasi-manipulasi yang berlaku begini dalam kita memperbaiki sistem kita dengan antarabangsa.

Kedua, pengalaman kita sendiri di dalam kita juga berkaitan dengan kenderaan di dalam negara kita. Ini di mana manipulasi juga berlaku dalam kalangan penyedia pengangkutan contohnya *Grab* ya. Ini pengalaman peribadi saya sendiri. Saya bertanya kepada pemandu itu,

kenapa saya menunggu saudara sangat lama sedangkan semasa saya memesan *Grab* ini, saya dapati banyak kenderaan itu dalam sistem itu. Lebih kurang kalau tidak- kalau saya rajin kira itu, mungkin lebih kurang 10 buah kenderaan yang berhampiran di tempat saya berdiri itu.

Akan tetapi, apabila kita memesan, yang datang adalah yang dari jauh. Yang datang, kita terpaksa menanti sampai 30 minit. Jadi, inilah apabila saya bertanya kepada memandu, "*Oh, ini majikan kami telah, oleh penyedia perkhidmatan ini dan kami terpaksa.*" Jadi, inilah antara perkara-perkara yang benar-benar berlaku dalam kehidupan kita. Saya sendiri mengalami ini sehingga kita terpaksa menunggu yang sepatutnya kalau ikut beberapa buah kenderaan yang ada berhampiran kita, tidak sampai selamat lima minit pun menunggu. Akan tetapi, kenapa yang jauh yang datang dari Cheras sana, yang perlu hendak datang dan ambil kita? Jadi, ini satu manipulasi oleh pihak yang menganjurkan sistem yang ada moden pada hari ini.

Ketiganya, Tuan Yang di-Pertua. Ini pengalaman kita juga. Dalam kita ingin memperbaiki juga pengangkutan kita dalam kalangan antarabangsa, di dalam negeri dan negara kita sendiri, saya melihat kepada permasalahan yang berlaku di pedalaman. Bagaimanakah kenderaan-bagaimana kerajaan untuk membantu pengangkutan yang tidak memiliki jalan raya yang digazet sehingga pengangkutan-pengangkutan yang terlibat ataupun yang memberikan perkhidmatan mereka di pedalaman?

Contoh, dari kawasan Hulu Rajang contoh. Kita terpaksa membayar satu orang RM100 untuk daripada Metalun sampai ke Bintulu. RM100, itu dua tahun lepas. Saya tidak tahun berapakah yang terkini. Kalau kita mahu menyewa kenderaan itu, *charter* dipanggil, dengan izin, itu kita kena bayar antara RM800 sehingga RM1,000. Itu baru *one-way*, kalau pergi balik sudah RM2,000.

Jadi, ini juga perlu difikirkan oleh kerajaan untuk membantu kita yang di pedalaman menghadapi kesukaran-kesukaran untuk mendapatkan pengangkutan. Jadi, apabila tidak ada perbelanjaan untuk datang ke bandar ataupun ke hospital ataupun ke pejabat kerajaan di bandar atau di pekan, maka kita terpaksa tinggal dan diam diri di pedalaman. Jadi, inilah antara perkara-perkara yang perlu diambil kira oleh Kementerian Pengangkutan kita. Jangan pandang sebelah mata dengan kita yang di pedalaman.

Sudahlah kita miskin, pendapatan kita pun tidak seberapa dan terpaksa membayar tinggi begini. Jadi, kerajaan kena fikir, Justeru itulah, saya selalu mengatakan bahawa pedalaman ini perlu dimajukan dan perlu disediakan infrastruktur jalan raya. Ini supaya kenderaan-kenderaan yang sepatutnya disediakan kepada rakyat kita. Begitu juga dengan hal perkhidmatan Internet supaya *e-hailing* ini ataupun kenderaan-kenderaan yang memerlukan Internet sampai ke pedalaman. Ini perkara yang *basic* yang perlu kita penuhi buat masa ini.

■1610

Saya ingin tambah juga dalam keadaan kita perlukan *Grab* ini tadi saya mohon kepada penyedia-penyedia perkhidmatan ini supaya apabila anda menyediakan perkhidmatan ini sediakanlah resitnya di dalam *email* kita berbentuk PDF supaya memudahkan kita *print*, memudahkan kita membuat *claim*, dengan izin.

Justeru itu saya, walaupun begitu banyak perkara yang hendak saya disebutkan tetapi kerana masa tidak mengizinkan, saya tetap juga menyokong rang undang-undang 10/2023 ini. Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Amir bin Ghazali.

4.10 ptg.

Tuan Amir bin Ghazali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat petang pada seluruh Ahli Dewan Negara. Saya akan sentuh Rang Undang-undang Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2023.

P-hailing ataupun *food rider* antara barisan hadapan pada era endemik COVID-19. Masa itulah negara menyaksikan perubahan besar dalam urusan pembelian makanan daripada cara konvensional kepada talian.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2022, awal dalam tahun 2019 dan tahun 2018, tahun 2022, kita melihat ekonomi *gig p-hailing* ini menjadi sumber pendapatan baharu yang dianggarkan seramai 300,000 yang telah terlibat dalam *gig economy* ini. Setelah PKP ditamatkan. Ternyata dunia digital ini telah merubah ekonomi rakyat dari pelbagai latar dan ras dan ia menaikkan ekonomi rakyat tersebut. Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja *rider* ini berisiko tinggi malah keselamatan, samun dan perkelahian turut berlaku dalam perjalanan kerja-kerja sebagai *rider* ini. Apa yang – pengalaman di bawah apabila melibatkan libat urus dengan golongan-golongan *rider* ini kita mendapat maklumat-maklumat tersebut.

Jadi, kerajaan harus melihat ini sebagai satu tanggungjawab dalam matlamat untuk mendidik anak-anak muda ini dalam sektor *p-hailing* ataupun *food rider* ini supaya ia dapat memberi manfaat kepada rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua pada tahun 2023, pekerja *p-hailing* yang terlibat seramai 6,657 dan umur di antara 17 sehingga umur 30 seramai 97 peratus. Ini membayangkan bahawa sektor ini majoritinya adalah dalam kalangan anak muda lepasan sekolah. Apa yang saya hendak tanya

kepada kerajaan pada petang ini, satu rang undang-undang ini sangat baik kerana ia akan memudahkan kementerian ataupun pihak jabatan mengawal selia *p-hailing* ini dengan lebih efektif. Walau bagaimanapun, soalan kepada kementerian iaitu apakah kaedah kerajaan untuk meringankan beban golongan ini, *food rider* ini sebagai satu tanggungjawab kepada golongan anak muda di dalam negara kita.

Kedua, adakah pemandu akan terbeban dengan *Goods Driving License* (GDL). Ramai *rider*, *food rider* ini bawah umur 18 tahun, saya harap jika rang undang-undang ini diluluskan komitmen daripada kementerian untuk pinda syarat-syarat untuk dapatkan GDL ini yang sekarang pada umur 21 ke-18, dengan kata memudahkan pihak-pihak *riders p-hailing* ini.

Ketiga, ialah sistem membaharui cukai jalan kepada sistem e-digital yang akan dilaksanakan. Sejauh manakah maklum balas orang ramai terhadap perubahan ini? Apa respons Yang Berhormat Menteri tentang dakwaan Yang Berhormat Wee Ka Siong mengatakan pertukaran sistem manual kepada e-digital dikatakan lebih mudah terdedah kepada kebocoran maklumat peribadi yang akan disalahgunakan bagi tujuan melakukan jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, kita memahami bahawa golongan anak muda ini untuk menampung perbelanjaan dan juga membantu keluarga waktu-waktu yang tertentu susah dan dia orang tidak terikat dengan jadual. Oleh sebab itulah, sektor ini mendapat tumpuan daripada anak-anak muda remaja ini untuk bergerak dalam sektor *p-hailing* ini.

Jadi, saya ingin merayu kepada kerajaan supaya melihat sektor ini, kepentingan anak-anak muda di bawah, di kawasan-kawasan di seluruh negara supaya ada satu garis panduan untuk memudahkan mereka ini mencari rezeki di tempat-tempat awam dan juga seluruh negara kita. Ya, saya tidak nafikan semua, ada sesetengah anak-anak sedara kita, jiran-jiran kita malah anak-anak kita sendiri pun ada yang mengerjakan *p-hailing* ini untuk menambah rezeki dan juga menambah pengalaman dalam usaha untuk beliau melangkah ke kerjaya pada masa depan.

Jadi, itulah sahaja untuk petang ini dan saya menyokong Rang Undang-undang Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2023. Sekian, terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Amir bin Ghazali. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan.

4.16 ptg.

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam perpaduan. Terima kasih pada Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Kerajaan Persekutuan

dan juga kementerian yang menyalurkan peruntukan menerusi pengenalan pas perjalanan tanpa had myBAS50 untuk memanfaatkan rakyat Johor Bahru yang menggunakan perkhidmatan bas henti-henti di bawah Program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-henti (SBST).

Pada masa ini, perkhidmatan myBAS50 di Johor melibatkan 19- laluan di lima Koridor iaitu Kota Tinggi, Masai, Kulai, Gelang Patah dan Pontian yang melibatkan laluan sepanjang 1,052 kilometer. Sudah pasti inisiatif myBAS50 ini akan membantu penggunaan perkhidmatan ini. Dalam masa yang sama, saya juga berharap agar kerajaan mempertimbangkan dengan sewajarnya cadangan untuk membina jajaran pengangkutan Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) bagi menyelaraskan sistem pengangkutan yang lebih baik di Johor Bahru. Sesuai dengan status Johor Bahru sebagai bandar raya dan juga sentiasa mengalami kesesakan yang kritikal seperti mana di Kuala Lumpur.

Saya kira sudah masanya kerajaan turut memberi penumpuan untuk memantapkan lagi sistem pengangkutan awam yang sistematik di Johor khususnya di bandar-bandar besar seperti Johor Bahru.

Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat lain bercerita mengenai *p-hailing* dan *e-hailing*, saya ingin menimbulkan beberapa persoalan saya kepada pihak kerajaan supaya peka mengenai isu penghantaran yang menggunakan kenderaan selain motosikal dan secara undang-undang adakah penggunaan kenderaan atau alatan selain motor berlesen ini dibenarkan di jalan raya? Ini memandangkan ramai yang menggunakan kenderaan seperti skuter mini dan *beam* dengan menggunakannya di jalan raya yang mana saya kira ia membahayakan buat mereka dan juga pengguna jalan raya yang lain.

Kedua, adakah kementerian akan melaksanakan semula cadangan mewajibkan pemilikan lesen GDL oleh penghantar *p-hailing*. Jika ya, apakah bentuk bantuan dan inisiatif bagi memudahkan penghantaran sedia ada supaya mereka tidak terjejas dengan undang-undang yang baharu ini?

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya ingin juga bertanya mengenai adakah inisiatif kementerian untuk bekerjasama dengan syarikat penyedia perkhidmatan supaya setiap peraturan yang dilaksanakan mereka tidak menindas penghantar yang bekerja dengan syarikat mereka seperti mana yang disuarakan oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang lain. Adakah inisiatif kementerian untuk membantu memperbaiki ekonomi penghantaran *e-hailing* ini? Adakah kementerian merasakan wajar dan rasional untuk melaksanakan sistem gaji minimum bagi setiap tugas bagi memastikan penghantar menerima upah yang berbaloi.

■1620

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang.

4.20 ptg.

Dato' Haji Husain bin Awang: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2023 pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin menyentuh berkenaan isu *p-hailing* yang ketika ini antara pekerjaan ekonomi *gig* yang dekat di hati anak-anak muda. *P-hailing* atau bahasa mudah iaitu perkhidmatan kenderaan barangan seperti makanan dan minuman yang menggunakan motosikal seperti *Foodpanda*, *GrabFood*, *ShopeeFood* dan sebagainya.

Apa yang saya ingin bangkitkan daripada segi kebajikan dan perlindungan kepada penghantar *p-hailing* terutama yang melibatkan penggunaan jalan raya. Melihat kepada angka yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menyatakan sebanyak 73.98 peratus penghantar *p-hailing* menjadikan pekerjaan ini sebagai sumber pendapatan utama mereka.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Kebanyakan penghantar *p-hailing* ada yang kejar masa untuk menghantar makanan sehingga merisikokan nyawa mereka di jalan raya. Apatah lagi data menunjukkan seramai 112 orang daripada 1,242 orang penghantar *p-hailing* meninggal dunia dari tahun 2018 sehingga Mei 2022. Ini merupakan angka yang begitu besar.

Oleh itu, sejauh mana kerajaan memandang serius akan isu penghantar *p-hailing* yang sering berisiko dalam kemalangan jalan raya. Boleh dikatakan telah menjadi trend penghantar *p-hailing* yang berlumba-lumba mengejar *trip* dan melanggar lampu isyarat sesuka hati sehingga merisikokan nyawa dan pengguna jalan raya yang lain.

Oleh itu, isu ini tidak boleh menyalahkan satu pihak sahaja. Disebabkan penggiat syarikat-syarikat *p-hailing* seharusnya memainkan peranan yang besar dalam mewujudkan ekosistem *p-hailing* yang mesra pengguna dan menjaga kebajikan rakan kongsinya iaitu penghantar *p-hailing*

sebaik mungkin. Sekiranya tiada yang mahu menjadi penghantar *p-hailing*, saya percaya syarikat-syarikat *p-hailing* juga tidak mendapat keuntungan.

Oleh itu, kerajaan perlu memastikan syarikat *p-hailing* tidak menekan penghantar *p-hailing* dengan peraturan yang tidak munasabah seperti mana yang berlaku kepada perkhidmatan *e-hailing* dalam isu *rating*. Ia berlaku kepada *p-hailing* yang dikenakan bayaran murah. Masa diberikan untuk penghantaran tidak munasabah, terpaksa kejar *order* dan sebagainya yang merisikokan nyawa mereka. Adalah wajar sekiranya keselamatan penghantar *p-hailing* di jalan raya dilihat secara meluas dalam pelbagai aspek.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya sejauh mana Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) benar-benar melindungi dan menjaga kebajikan bukan sahaja kos rawatan penghantaran *p-hailing* tetapi keluarga yang mereka tinggalkan sekiranya mereka maut dalam nahas kemalangan dan sebagainya.

Apa yang membimbangkan sebanyak 54 peratus daripada penghantar *p-hailing* tidak dilindungi dengan mana-mana polisi insurans yang boleh membiayai kos kemalangan mereka jika berlaku apa-apa musibah di luar jangka. Oleh itu, saya melihat suatu keperluan mendesak untuk kerajaan merangka satu- dasar yang holistik dalam menggesa syarikat-syarikat pengendali *p-hailing* ini untuk menyediakan satu skim insurans khas atau bentuk pembiayaan perlindungan secara automatik kepada penghantar *p-hailing* di negara ini.

Kerajaan tidak seharusnya tunduk kepada mana-mana kuasa dominasi syarikat-syarikat *p-hailing* yang mengaut keuntungan berlipat kali ganda daripada hasil *p-hailing*. Sepatutnya syarat-syarat yang menjaga kebajikan penghantar *p-hailing* perlu dijadikan keutamaan.

Melihat kepada situasi penghantar *p-hailing* yang terpaksa menerima kadar upah yang rendah daripada biasa, telah memberi tekanan kepada mereka yang terpaksa menyara kehidupan keluarga. Oleh itu, saya mencadangkan agar kerajaan mewujudkan kadar upah lantai bagi memastikan harga upah yang relevan dan tidak jatuh sesuka hati.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita melihat banyak peraturan dan undang-undang hanya tertumpu kepada penghantar *p-hailing* sahaja. Oleh itu, kerajaan perlu memastikan penguatkuasaan undang-undang atau syarat-syarat peraturan kepada syarikat-syarikat *p-hailing* juga perlu diwujudkan. Hal ini kerana, bukan sahaja menjaga kebajikan dan keselamatan penghantar *p-hailing* tetapi juga ia bagi memastikan tiada penindasan berlaku kepada penghantar *p-hailing* yang dikuasai oleh anak-anak muda.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2023. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang atas perbahasan tadi.

Seterusnya, saya menjemput pembahas yang terakhir Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai. Dipersilakan.

4.27 ptg.

Datuk Paul Igai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rang Undang-undang Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2023 bertujuan untuk meminda Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715].

RUU ini memperluaskan pengawalseliaan berkenaan pelesenan perniagaan penghantaran kepada kenderaan barangan di antara negara ASEAN. Cadangan pindaan ini adalah selaras dengan perkembangan global terkini dalam perkhidmatan kenderaan barangan merangkumi *p-hailing* ataupun dengan motosikal. Tujuan utama akta ini adalah untuk mengadakan peruntukan bagi mengawal semula pengangkutan awam darat.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan hanya menyentuh perkara yang mengenai *p-hailing* di sempadan ASEAN. Selaras dengan fasal 4, persoalan saya, bagaimana persediaan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di CIQS di Taman Megah Baleh, Kapit apabila jalan sempadan dengan Nusantara, Kalimantan akan bersambung nanti? Kemungkinan nanti ramai teksi sapu dan sekarang memang ada banyak motosikal berada di kawasan sempadan kedua-dua negara seperti CIQ Entikong.

Mungkin juga, memanglah di sempadan Malaysia-Thailand dengan sempadan Malaysia-Singapura. Bagaimana kuasa Menteri untuk membuat peraturan bagi memudahkan 'peradaan' antarabangsa tidak akan bercanggah dengan peraturan negara jiran seperti negara dalam ASEAN yang berkumpul memeterai perjanjian seperti *ASEAN Framework Agreement on Facilitation of Goods in Transit* (AFAFGIT) atau *Goods in Transit*, dengan izin, dan *cross border permit* khusus untuk membawa barangan merentas sempadan.

■1630

Dalam masa sekarang, negara kekurangan bahan mentah dan bekalan keperluan kegunaan menghantarkan dan penerimaan barangan daripada negara jiran agak amat perlu. Persoalan saya, apakah cabaran perjanjian itu dan adakah negara kita lebih untung atau rugi dalam perjanjian itu? Apakah strategi yang perlu diambil untuk memberi kesan lebih positif untuk negara? Sekian, terima kasih, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai atas perbahasan yang telah diberikan. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang jam sudah menunjukkan 4.30 petang.

Sebelum saya menangguhkan Majlis Mesyuarat untuk memberi laluan kepada Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 17(1) oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris, selaras dengan Usul 11(1) yang telah pun Majlis Dewan ini putuskan pada 28 Mac yang lalu, saya menetapkan semua Urusan Mesyuarat yang berbaki dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* hari ini ditangguhkan ke hari esok 11 April 2023.

Jadi, untuk jawapan daripada Timbalan Menteri Pengangkutan boleh menyambung menjawab esok. Terima kasih.

USUL DI BAWAH P.M. 17(1)

PENGELUARAN LANJUTAN SIMPANAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat seperti yang telah diputuskan pada pagi tadi, satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 17(1) telah dibenarkan untuk di bahas. Saya membenarkan pihak pencadang berbahas selama 10 minit dan diikuti dengan perbahasan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain juga lebih kurang masa selama lima minit yang ada dan selepas itu saya akan meminta pihak kerajaan menjawab. Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris, sila kemukakan selama 10 minit. Dipersilakan.

4.32 ptg.

Datuk Razali bin Idris: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Berbuah macang dimakan ungka,
Ada angin gugur sendiri;
Salah cincang tangan terluka,
Salah pemimpin hancur negeri.*

Tuan Yang di-Pertua, walaupun negara kita berada di era pasca COVID-19, ramai rakyat kita masih terperangkap dengan impak negatif ekonomi yang dibawa oleh wabak itu sehingga ke hari ini. Golongan ini dikenali sebagai rakyat yang tercicir. Rakyat yang tercicir ini walaupun berbeza bangsa, berbeza agama, berbeza fahaman politik tetapi mempunyai masalah yang

sama. Pendapatan mereka sekarang adalah lebih kecil berbanding sebelum COVID-19 dan menyebabkan mereka sukar untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Mereka ini dibebani dengan pelbagai jenis hutang dan lain-lain masalah kewangan. Selain itu mereka turut terkesan dengan kos sara hidup yang semakin melambung tinggi. Jika tidak dibantu dengan segera rakyat yang tercicir ini akan terus hanyut dibawa arus dan ia bakal mencetus satu krisis yang amat besar kepada negara kita.

Ramai di antara rakyat yang tercicir ini bakal kehilangan tempat tinggal kerana tidak mampu membayar pinjaman rumah atau sewa rumah, bakal kehilangan kenderaan kerana tidak mampu membayar pinjaman sewa beli, bakal hidup tanpa kemudahan asas seperti elektrik dan air kerana bil mereka sudah lama tertunggak. Rakyat tercicir juga dipercayai bakal melahirkan generasi yang tercicir Tuan Yang di-Pertua. Selain itu, kesihatan mental dan emosi mereka juga menjadi satu isu yang perlu diambil perhatian oleh semua terutama pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu cara untuk membantu golongan ini ialah dengan membenarkan pengeluaran KWSP bersasar supaya mereka dapat menyelesaikan masalah kewangan yang dihadapi. Wang itu boleh digunakan untuk membayar pinjaman rumah atau membayar sewa rumah, membayar bil-bil utiliti yang tertunggak dan juga pinjaman kenderaan.

Apabila hutang-hutang ini akhirnya dibayar ia bukan sahaja baik kepada golongan ini, ia juga memberi aliran tunai positif kepada pihak berkepentingan contohnya sektor perbankan kerana ia akan membantu mengelakkan, dengan izin, *non-performing loan*. Kesihatan mental dan emosi golongan ini juga akan lebih terjaga. Mereka akan memudahkan dan memulakan penghidupan baharu.

Tuan Yang di-Pertua, kita jangkakan limpahan ekonomi yang lebih baik untuk negara. Justeru membantu peniaga-peniaga kecil dan pelbagai pihak. Ini sudah terbukti daripada segi data ekonomi pada tahun 2022 bagaimana pengeluaran KWSP membantu kita mencatat sejarah pertumbuhan yang amat tinggi setelah berdekad-dekad lamanya tidak mencapai rekod begitu rupa. Amat menggusarkan bila rakyat dan *netizen* di luar sana bersuara bagaimana kuasa membeli di bazar Ramadhan dan bazar Aidilfitri telah hilang pada tahun ini. Tambah menggusarkan lagi apabila saluran berita antarabangsa *Channel NewsAsia* pada 8 April minggu lepas melaporkan jualan-jualan menurun di bazar Ramadhan pada saat kos harga barang meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, begitu banyak hujah diberikan untuk tidak membenarkan pengeluaran KWSP bersasar ini daripada diluluskan oleh kerajaan. Antara hujah utama yang sering diulang-ulang ialah kerajaan kena menjaga masa hadapan rakyat yang memerlukan KWSP bersasar ini. Namun, sebagai kerajaan ialah tidak masuk akal untuk bercakap mengenai

menjaga masa hadapan rakyat jika masa sekarang rakyat tercicir ini diabaikan. Mengabaikan masa sekarang golongan ini adalah ibarat merampas masa hadapan mereka dan ia adalah tidak bermoral untuk kerajaan berbuat demikian.

Cuba kita bayangkan, rakyat yang amat memerlukan pengeluaran KWSP bersasar ini untuk menyelesaikan masalah bayaran pinjaman rumah yang sudah tertunggak akhirnya tidak mampu membuat sedemikian dan rumah itu disita oleh pihak bank. Apabila rumah itu dilelong dan didapati rakyat kita juga masih mempunyai hutang melebihi RM100,000. Ia akan menyebabkan diisytiharkan bankrap.

Dalam senario ini, adakah menjaga masa hadapan rakyat itu lebih penting daripada menjaga masa sekarang? Kita sedia maklum pengeluaran KWSP bersasar ini merupakan penyelesaian jangka pendek, kita tahu untuk golongan rakyat yang tercicir sahaja. Untuk penyelesaian jangka panjang ada banyak langkah yang boleh diambil dan wajib diambil oleh kerajaan untuk membantu menjaga masa depan golongan ini. Kerajaan hanya perlu bersikap terbuka dan mempertimbangkan cadangan-cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan beberapa cadangan yang boleh diguna pakai oleh kerajaan dalam menyelesaikan kemelut pengeluaran KWSP bersasar. Untuk menyelesaikan masalah kekurangan simpanan hari tua kepada mereka yang terdesak memerlukan KWSP mereka sekarang, perubahan dibuat pengeluaran penuh pada usia 55 tahun. Ia boleh diganti pengeluaran secara anuiti iaitu ansuran selama lima tahun. Kerajaan boleh menetapkan pengeluaran anuiti yang juga ansuran tidak melebihi 20 peratus daripada jumlah simpanan untuk menjayakan cadangan ini. Di hujung lima tahun itu nanti akan pasti wang simpanan KWSP akan lebih dividen dan kegunaan untuk masa hadapan mereka.

Sebagai contoh, Puan Kiah berusia 45 tahun hanya memerlukan pengeluaran KWSP bersasar sebanyak RM10,000 untuk menyelamatkan rumahnya dari dilelong oleh bank. Pada usia 55 tahun Puan Kiah mempunyai wang simpanan sebanyak RM100,000 dengan skim pengeluaran anuiti sebanyak 20 peratus setahun dan kadar dividen diandaikan sebanyak lima peratus setahun dan dividen terkumpul dalam tempoh ini hanya boleh dikeluarkan pada hujung tahun pengeluaran anuiti.

Encik Ali bakal mempunyai tambahan simpanan KWSP sebanyak RM11,000. Ini ialah satu cadangan yang amat bernas untuk membantu Encik Ali dan keluarganya daripada kehilangan tempat tinggalnya sekarang dan kaedah ini membantu untuk masa hadapan beliau. Ramai di antara rakyat yang tercicir ini dalam pasca COVID-19 bekerja dalam sektor ekonomi *gig*. Saya ada diperkenalkan kepada individu-individu yang sebelum ini bekerja tetap tetapi telah dibuang kerja ketika wabak melanda. Kini terpaksa bekerja dalam sektor ekonomi *gig*.

■1640

Mereka ini tidak mempunyai caruman KWSP. Kerajaan boleh mewujudkan satu skim khas mewajibkan caruman KWSP untuk mereka dalam sektor ini. Mungkin pekerja *gig* boleh mencarum dalam kadar 2.5 peratus daripada pendapatan dan majikan *gig* menyumbang caruman pada kadar yang sama. Walaupun tidak sebanyak caruman seperti biasa, ia serba sedikit dapat membantu, *insya-Allah*. Malah, kerajaan mungkin boleh memberi insentif kepada pelepasan cukai untuk majikan *gig* untuk menjayakan cadangan ini.

Kerajaan juga boleh mewujudkan skim tambahan caruman oleh majikan kepada mereka yang dikenal pasti oleh kerajaan sebagai rakyat yang tercicir, yang terpaksa mengeluarkan KWSP mereka sekarang. Antara insentif yang boleh diberikan untuk majikan yang mahu menambah caruman, termasuklah pelepasan cukai.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan di awal perbahasan tadi, pengeluaran KWSP bersasar ini ialah penyelesaian terbaik untuk jangka pendek sahaja. Namun, penyelesaian jangka panjang menjadi tanggungjawab pihak kerajaan untuk ditunaikan. Kerajaan perlu mewujudkan satu program pemulihan khas untuk rakyat tercicir yang terdesak memerlukan pengeluaran KWSP bersasar ini.

Data daripada permohonan pengeluaran boleh digunakan untuk menjayakan program ini. Berikut ialah contoh-contoh program pemulihan yang boleh kita laksanakan. Menurut data Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) semasa pandemik, industri perkhidmatan dan pembuatan merekodkan kadar pemberhentian kerja sektor masing-masing sebanyak 69 peratus dan 21 peratus pada tahun 2020. Bagi separuh pertama 2021, kadar ini masing-masing berada di paras 72 peratus dan 18 peratus.

Sudah pasti sebilangan besar yang termasuk dalam golongan rakyat yang tercicir ini ialah mereka yang ketika pandemik COVID-19 telah kehilangan kerja. Dengan umur yang kian meningkat dan syarikat-syarikat mengambil pilihan menjimatkan kos, amat sukar untuk golongan ini mencari kerja yang bersesuaian. Oleh sebab mereka tetap terpaksa mencari sesuap nasi, kini golongan itu ramai kembali bekerja tetapi menjadi, dengan izin, *underemployed*. *Underemployed* bermaksud, mereka bekerja dalam bidang yang tidak menggunakan langsung atau separuhnya kemahiran, pengalaman dan juga kelayakan mereka. Ini juga menyebabkan gaji mereka lebih kecil.

Kita kini telah menjadi negara, dengan izin, *nation that is wasting their human capital talents*, sebuah negara yang membazirkan bakat modal insan. Betapa ruginya kita, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan boleh mengatasi masalah ini dengan mewujudkan skim-skim insentif untuk mengelakkan *underemployment*. Sudah pasti jika ini berjaya, simpanan KWSP mereka akan

bertambah dan mampu membantu masa hadapan. Antara yang dikenal pasti merupakan golongan rakyat yang tercicir ini ialah antaranya sebahagian besar adalah usahawan kecil yang pernah bekerja dan mempunyai simpanan KWSP.

Kerajaan perlu mewujudkan program bimbingan spesifik kepada golongan ini. Saya tidak pernah terjumpa dengan program bimbingan usahawan spesifik untuk usahawan yang masih terjerat dalam impak COVID-19. Kerajaan juga boleh mewujudkan geran atau pinjaman khas kepada golongan ini setelah mereka mengikuti kursus bimbingan khas ini. Ada juga hujah seperti disebut baharu-baharu ini oleh Yang Berhormat Menteri Ekonomi, pengeluaran KWSP bersasar ini akan turut menjejaskan dividen mereka yang tidak perlu mengeluarkan KWSP. Ini sebenarnya boleh diselesaikan. Kerajaan boleh mengagihkan dividen KWSP 2023- nanti dengan cara dividen pelbagai kadar.

Mereka yang terdesak perlu mengeluarkan KWSP boleh diberikan dividen rendah, manakala mereka yang tidak perlu mengeluarkan KWSP menerima dividen yang lebih tinggi. Selain itu, naratif yang disebarkan oleh pihak tertentu iaitu jika pengeluaran KWSP bersasar dibenarkan, ia akan menyebabkan modal pelaburan KWSP akan mengecil dan dividen akan berkurangan seperti tahun lepas, ini ialah satu sifat spekulatif. Semua sedia maklum, pasaran kewangan seluruh dunia pada tahun 2022 mengalami kemerosotan dan menyebabkan pulangan yang sangat kecil.

Mengikut penyata aliran tunai KWSP untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021, KWSP mempunyai tunai dan keserataan tunai berjumlah RM63.19 bilion. Walaupun telah diambil kira pengeluaran i-Sinar dan i-Citra pada tahun itu. Sudah pasti ia tidak akan menjejaskan tahap kewangan KWSP untuk menolong rakyat yang tercicir.

Tuan Yang di-Pertua, saya setelah berdegil untuk membenarkan pengeluaran KWSP bersasar, kerajaan mengumumkan fasiliti sokongan Akaun 2 KWSP untuk mendapatkan pinjaman peribadi. Rakyat dan *netizen* di luar sana memberi nama timangan i-Cagar untuk skim ini.

Skim ini ditentang kerana ia tidak dapat membantu rakyat yang tercicir, yang terdesak memerlukan pengeluaran KWSP bersasar. Antara sebab-sebabnya ialah ramai tidak layak kerana simpanan Akaun 2 mereka sudah dihabiskan membayar pinjaman rumah atau jumlah dalam Akaun 2 tidak cukup untuk memperoleh pinjaman mencukupi bagi menyelesaikan masalah mereka. Mereka tidak mampu untuk menambah komitmen hutang bulanan. Mana logik akal menghukum rakyat yang tercicir ini, yang tidak boleh membayar hutang sedia ada dengan menambah hutang lagi?

Terma-terma yang diberikan dilihat tidak adil kepada mereka. Walaupun ada cubaan menafikan fasiliti ini adalah satu cagaran kepada pinjaman, ramai percaya, dengan izin, *in spirit*, ia melanggar Akta 51 KWSP tiada peruntukan...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh...

Datuk Razali bin Idris: ...Undang-undang yang membenarkan wang KWSP...

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh gulung

Datuk Razali bin Idris: Sebagai cagaran duit bank. Sedikit sahaja lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan

Datuk Razali bin Idris: Dua minit. Terima kasih. Ramai golongan yang tercicir ini sedang percaya kerajaan sebenarnya lebih berminat membantu pihak lain. Bukan rahsia lagi, deposit KWSP di bank-bank membantu bank-bank untuk menambah modal pasaran untuk meraih keuntungan. Dana KWSP juga digunakan untuk mendukung bursa saham, menguntungkan mereka yang mampu bermain saham. Dana KWSP yang terkumpul daripada titik peluh rakyat digunakan untuk membantu perbelanjaan kerajaan.

Jangan kita lupa jasa rakyat yang membanting tulang siang dan malam menambah dana KWSP itu sehingga ia menjadi satu- tabung yang sangat kukuh. Adakah sampai hati kerajaan membiarkan tulang belakang kemakmuran negara ini menjadi mangsa keadaan? Oleh itu, saya dengan ini merayu pihak kerajaan supaya membenarkan pengeluaran KWSP bagi membantu rakyat yang tercicir. Sekian, terima kasih. Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris atas perbahasan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 17(1) ini.

Untuk pembahas pertama, saya menjemput Yang Berhormat Dato' Kesavadas, di persilakan.

4.47 ptg.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Selamat petang dan selamat sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 17(1) ini.

Izinkan saya untuk memperjelaskan bantahan saya dan memberi sedikit ulasan kepada isu, sambil membuka ruang untuk penjelasan daripada Kementerian Kewangan.

Sesungguhnya isu pengeluaran KWSP secara bersasar ini telah lebih menjadi retorik politik dan dipergunakan oleh pihak-pihak tertentu untuk meraih populariti jangka masa pendek dan tidak mempertimbangkan *the long term implication*, dengan izin, kepada seluruh negara. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) merupakan sebuah institusi kementerian sosial

yang ditubuhkan di bawah undang-undang Malaysia, Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [Akta 452]. Ia ditubuhkan untuk menyediakan faedah persaraan kepada ahli melalui pengurusan simpanan mereka secara cekap dan boleh dipercayai.

Saya memohon kepada pihak kementerian untuk berkongsi maklumat terkini mengenai bilangan pencarum dan memperincikan mengikut kategori jumlah wang simpanan yang masih tinggal. Sefaham saya, kami asyik dimaklumkan bahawa bilangan yang benar-benar terdesak tidak lagi mempunyai simpanan untuk dikeluarkan. Sejauh manakah ia benar? Secara jujur, saya agak terkejut dengan sikap yang amat tidak bertanggungjawab sesetengah pihak yang masih tekad untuk pengeluaran ini dalam keadaan semasa.

Kita perlu memahami situasi ini dengan terperinci, ini bukan satu senario di mana kerajaan sedang tidak adil dan langsung tidak pernah membenarkan pengeluaran KWSP. Dalam tempoh dua tahun yang lalu ekoran pandemik wabak COVID-19, pihak kerajaan telah membenarkan sebanyak RM145 bilion dikeluarkan.

■1650

Situasi semasa wabak itu sedang berlaku sangat berbeza dari waktu sekarang. Pada waktu itu, perniagaan tidak dapat dijalankan, masyarakat terpaksa duduk di rumah dan pekerjaan-pekerjaan diberhentikan. Saya tidak nafikan bahawa situasi masih tidak kembali kepada situasi pra pandemik dan terdapat segelintir masyarakat yang masih sedang bersusah payah untuk mengembalikan kehidupan secara normal. Akan tetapi, ia adalah kerana inilah sebab bantuan dalam Bajet 2023 termasuk peningkatan Sumbangan Tunai Rahmah, geran dan pinjaman perniagaan untuk usahawan dan sebagainya telah diumumkan.

Pada masa ini, kita tidak boleh melihat seolah-olah KWSP sahaja merupakan *the silver bullet*, dengan izin, kononnya satu-satu cara membantu mereka iaitu pengeluaran simpanan KWSP. Malah, saya ingin berkata bahawa *this obsession*, dengan izin, mengenai pengeluaran simpanan KWSP sebenarnya akan menganiaya mereka dan juga semua pencarum yang lain. Ketahuilah pihak Jabatan Perangkaan Malaysia telah menyatakan bahawa jangka hayat seseorang wanita dan lelaki warganegara Malaysia iaitu 77 dan 75 tahun masing-masing. Bayangkan jikalau pencarum dibenarkan mengeluarkan simpanan mereka dan akhirnya bersara tanpa simpanan, ia akan terletak kepada sistem sokongan kebajikan kita dan ahli keluarga sendiri untuk membantu mereka.

Berkaitan juga perkara ini, kebenaran pengeluaran ini akan juga menjejaskan kebolehan KWSP untuk melabur dan mengembangkan jumlah simpanan semua pencarum KWSP. Jikalau mereka tidak mempunyai aliran tunai untuk memperkukuhkan pelaburan, sememangnya semua pencarum tidak akan dapat pulangan yang sewajarnya. Adakah pihak Perikatan Nasional mahu

menanggung tanggungjawab jikalau dividen yang diisytiharkan oleh KWSP adalah rendah atau mengalami kerugian? Bolehkah mereka menjawab kepada semua pencarum yang aktif termasuk yang tidak memilih untuk mengeluarkan wang simpanan mereka? Saya memohon pihak kementerian untuk mengulas perkara ini dengan lebih lanjut memandangkan mereka yang mempunyai data yang sahih dan benar.

Tuan Yang di-Pertua, *let us not be swayed by emotion and be guided by data and what is best for rakyat as a whole*, dengan izin. Kepada pihak kerajaan, teruskanlah usaha anda untuk memperkukuhkan kedudukan kewangan KWSP kita. Akan tetapi, pada masa sama, pastikan saluran bantuan lain dipermudahkan dan diuar-uarkan kepada semua.

Sampai sini sahaja perbahasan saya. Saya membantah sekeras-kerasnya usul untuk membenarkan pengeluaran KWSP secara bersasar ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Kesavadas atas perbahasan yang telah dibuat. Saya ingin mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa masa yang diberikan lima minit seorang. Kini kita ada 12 orang pembahas dan selepas itu kita akan minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Jadi, saya minta untuk supaya Yang Berhormat dapat menepati masa yang diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Dato' Arman Azha Abu Hanifah. Dipersilakan.

4.54 ptg.

Dato' Arman Azha Abu Hanifah: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Pertama, saya hendak ucapkan tahniah kepada Dewan Negara yang berani berbahas tentang isu rakyat yang kita bangkitkan pada hari ini, tentang isu pengeluaran KWSP secara bersasar. Saya juga hendak ucap tahniah kepada wakil sahabat saya Yang Berhormat Dato' Kesavadas yang telah memberi pandangan yang begitu menyokong tentang apa yang telah ditujukan oleh kerajaan tentang penyelesaian, tentang isu pengeluaran KWSP secara bersasar.

Akan tetapi, hari ini kita kena lihat situasi ini daripada ruang lingkup mata rakyat. Kita tanya diri kita. Bila kita turun ke bawah, kita berjalan, kita bertanya dengan rakyat di bawah. Rata-rata rakyat hari ini terkesan. Rata-rata rakyat hari ini menanyakan bagaimana solusi untuk menyelesaikan masalah rakyat. Hari ini kita jangan hanya hendak menyokong, hanya kerana kita duduk dalam sebuah Kerajaan Perpaduan dan sebagainya. Kita hari ini perlu memberikan penjelasan dan pandangan rakyat itu sendiri.

Saya berdiri hari ini untuk berbahas tentang perlunya kerajaan, terutama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita merangkap Menteri Kewangan, untuk melihat isu yang kita bangkitkan hari ini. Isu yang kita bangkitkan hari ini merupakan suara rakyat di bawah dan saya yakin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seorang Perdana Menteri yang mendengar suara dan rintihan naluri rakyat di bawah. Hari ini rakyat minta kita pemimpin dalam Dewan ini untuk menyuarakan pandangan mereka, untuk sampaikan suara mereka kepada kerajaan, untuk mendengar mereka yang memerlukan bantuan ini. Hari ini rakyat memerlukan pengeluaran KWSP bersasar.

Pertama, bagi saya, apabila saya lihat, mereka melihatkan kaedah yang diumumkan oleh Kementerian Kewangan baru-baru ini menjerat pencarum, memberikan permasalahan kepada pencarum pada masa akan datang. Mereka hendak menyelesaikan hutang yang mereka ada pada hari ini, tetapi hari ini kerajaan mencadangkan untuk berhutang untuk menyelesaikan masalah hutang. Jadi, untuk jangka masa panjang, adakah ini jalan terbaik?

Oleh sebab itu, bagi saya, apabila kita menyuarakan pandangan, kita perlu ada juga apa penyelesaiannya. Sebagai contohnya, kita buat dua caranya. Kalau satu- golongan pencarum ingin meminjam pada bank, kita serahkan kepada peminjam untuk meminjam di bank. Akan tetapi, kalau pencarum hendak keluar terus daripada KWSP, berikan peluang kepada mereka untuk keluarkan wang pencarum mereka kepada KWSP. Berikan *option*, dengan izin, kepada rakyat untuk memilih.

Inisiatif dikatakan yang dikeluarkan hari ini tidak mesra pencarum. Membantu pencarum menggunakan duit mereka sendiri untuk meminjam institusi kewangan. Mengikut kenyataan KWSP, pencarum berusia 40 tahun ke atas mempunyai baki minimum RM3,000 dalam Akaun 2 masing-masing layak melakukan pinjaman bank. Maka bermulalah 7 April ini.

Jadi, setakat hari ini, saya hendak tanya Timbalan Menteri Kewangan yang ada pada hari ini yang segak bergaya, berapa ramai yang telah melakukan pinjaman tersebut? Berapa ramai yang telah menyuarakan bersetuju dengan cara ini?

Kadar faedah pinjaman yang dimaklumkan sebanyak lima peratus. Bayangkan kalau kata peminjam hendak keluar RM50,000. Kena lima peratus, di akhir pinjaman, mereka kena bayar kepada bank sebanyak RM80,000. Bukankah ini menekan rakyat secara peribadi dan menekan rakyat jangka masa panjang? Sebenarnya rakyat memerlukan wang ini hari ini. Memerlukan wang hari ini untuk menyelesaikan masalah hari ini. Ini yang kita hendak sampaikan kepada pihak kerajaan.

Jadi, saya minta kepada Timbalan Menteri, Menteri, tolong lihatlah perkara ini. Kita bersuara hari ini bukan kerana retorik politik. Saya berdiri menyokong penuh kepimpinan Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri, menyokong penuh dengan Kerajaan Perpaduan. Akan tetapi, sebagai seorang yang menyokong penuh Kerajaan Perpaduan, saya minta Kerajaan Perpaduan dengar suara rakyat di bawah.

Saya hendak bagi tahu Tuan Yang di-Pertua, saya cuci kereta baru-baru ini. Bila saya baru hendak keluar kereta, tangan saya dipegang oleh pencuci kereta tersebut. Saya tanya, “Kenapakah?” “Dato’, saya hendak minta tolong”, dia kata. “Tolonglah bawa isu ini. Kami dekat bawah ini memerlukan bantuan KWSP bersasar ini dikeluarkan.” Terdiam saya. Baru-baru ini saya masuk ke Dewan. Dalam perjalanan naik ke Dewan, ada di kalangan penjawat dalam Parlimen juga minta kita suarakan dalam Dewan yang mulia ini tentang perlunya pengeluaran KWSP.

Oleh sebab itu, hari ini kita bangkitkan usul ini. Kita menunjukkan Dewan Negara hari ini berani berhujah dan berbahas untuk menyatakan pendirian rakyat di bawah bahawa pengeluaran KWSP secara bersasar ini perlu dibawa dan diluluskan. Kita berdiri hari ini bukan kerana kepentingan kita. Kita berdiri hari ini kerana kepentingan rakyat dan kita kena terima hakikat dan kena ikhlas dalam diri kita dan kita tidak tahu apa yang rakyat mahukan. Kita tahu rakyat hari ini terkesan selepas pandemik COVID-19. Janganlah kita terlepas pandang kerana tanpa rakyat di bawah, siapalah kita dalam Dewan yang mulia ini.

Jadi, akhir sekali- saya hendak ikut *time* seperti dimaklumkan oleh Tuan Yang di-Pertua. Bagi saya, pendekatan yang dinyatakan oleh kerajaan hari ini ibarat keluar mulut harimau, masuk ke mulut buaya.

■1700

Cuba menarik keluar rakyat daripada belenggu kesempitan kewangan tetapi buka lah jalan yang terbaik untuk mereka, bukan terus menekan rakyat dalam keadaan situasi yang mereka memerlukan suara pemimpin untuk memperjuangkan hak mereka.

Baiklah Tuan Yang di-Pertua, saya berhenti dahulu setakat ini. Saya secara rasmi dalam Dewan yang mulia ini menyokong pengeluaran KWSP ini perlu diperhalusi dan ditambah baik dan mohon perkara ini dibahaskan, dan dipersetujui agar dapat dilaksanakan, kalau boleh sebelum hari raya. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato’ Arman Azha Abu Hanifah atas perbahasan tadi.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Tuan Musoddak bin Ahmad. Dipersilakan.

5.00 ptg.

Tuan Musoddak bin Ahmad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya mulakan usul pengeluaran KWSP bersasar ini dengan Firman Allah SWT... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberikan ruang untuk membahaskan usul pengeluaran KWSP bersasar.

Dalam pembentangan Belanjawan 2023, kerajaan akan menambah caruman RM500 ke dalam akaun simpanan KWSP bagi pencarum berusia 40 hingga 54 tahun yang memiliki baki simpanan kurang daripada RM10,000. Saya tidak menolak bahawa inisiatif ini juga diperlukan dalam menyokong pendapatan golongan ini pada usia pencen kelak. Namun usul pertimbangan pengeluaran KWSP secara bersasar ini lebih menjurus kepada golongan pekerjaan yang berada di umur pertengahan.

Saya juga berpendirian bahawa kita- semua bersetuju wang KWSP bukanlah untuk digunakan bagi tujuan kecemasan tetapi ia merupakan simpanan pada usia tua kelak. Walau bagaimanapun, masa yang sukar mendorong pertimbangan yang sukar.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya selepas tiga kali kebenaran pengeluaran KWSP sebelum ini iaitu inisiatif i-Sinar, i-Citra dan i-Lestari, majoriti pencarum memiliki wang KWSP di bawah satu nilai yang selamat. Kita mempunyai data yang dibentangkan kementerian terhadap jumlah nilai caruman yang sedikit ketika ini. Namun, apa yang harus dipertimbangkan ini merupakan keperluan mendesak semasa yang dihadapi rakyat, pengeluaran KWSP ini disasarkan kepada mereka yang layak untuk keluar dan mempunyai keperluan mendesak.

Sebagaimana pertimbangan yang teliti pernah dibuat sebelum daripada ini untuk membenarkan pengeluaran ketika era pandemik, pertimbangan yang sama harus diletakkan dalam era pasca pandemik ini. Ini kerana hakikatnya, rakyat dan negara masih belum benar-benar keluar daripada satu era yang selamat. Segalanya masih belum selesai, perjuangan dan *survival* ketika bangkit daripada pandemik masih bersisa, oleh sebab itulah pengeluaran KWSP ini harus dijadikan tempat utama untuk berpaut.

Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran KWSP ini boleh dilaksanakan secara bersasar dan fleksibel mengikut jumlah simpanan yang ada, yang mungkin berbeza berbanding inisiatif i-Sinar, i-Citra mahupun i-Lestari yang bersifat setara untuk semua pengeluaran.

Kita boleh ambil pendekatan penelitian kepada kes supaya pengeluaran ini lebih memenuhi keperluan bersifat *hajat* atau keperluan mendesak dan bukan digunakan untuk perkara *tahsiniat* ataupun kemewahan. Oleh sebab itu, pengeluaran KWSP ini wajar dipertimbangkan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya meneliti mekanisme kerajaan mencagarkan wang KWSP dengan pinjaman dari bank. Saya mengharapkan agar pelaksanaan ini ditarik balik atau diperhalusi semula kerana ia bukan satu langkah yang bijak bahkan menambah beban rakyat khususnya golongan B40. Saya mencadangkan supaya suatu bentuk pembiayaan *Qardh al-Hasan* diperkenalkan jika kerajaan bercadang untuk meneruskan inisiatif ini. Kita tidak seharusnya menambah beban yang ada dengan beban dan tanggungan yang baru.

Saya mengharapkan kepada kementerian agar KWSP dapat dikeluarkan kepada golongan yang bersasar sahaja. Saya nyatakan dalam ayat al-Quran tadi... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Siapa yang bertakwa kepada Allah SWT, Allah akan memberikan jalan keluar maka Kerajaan Madani hari ini saya yakin kerajaan yang bertakwa kepada Allah SWT, sudah tentulah akan diberikan perkara yang baik untuk rakyat dalam negara kita ini kerana rakyat sangat memerlukan kewangan ketika ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Musoddak bin Ahmad atas perbincangan yang telah diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Tuan Haji Hussin bin Ismail, dipersilakan.

5.05 ptg.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hari ini minggu ketiga menyertai Dewan Negara. Sebelum ini saya tidak dengar lagi PH *versus* PN. Saya harap benda ini jangan berlaku dalam Dewan Negara sebab di situ akan menjadikan rasa hangat kita di sini. Kita harmoni, jadi elok kalau guna 'PN *versus* PH *versus* BN'. Permohonan saya dan saya harap benda ini kita tidak berterusan. Saya pun tidak hendak belajar untuk jadi *versus* begitu dalam Dewan Negara.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, isu pengeluaran KWSP. KWSP ialah tabung untuk masa tua, bolehkah tidak dalam banyak-banyak pindaan yang kita *dok* buat hari-hari ini, ada ruang tak untuk KWSP juga dipinda selain daripada untuk bekalan masa tua, kenapa tidak ada ruang untuk bekalan masa yang paling sempit, masa sekarang.

Yang Berhormat, apakah kita- ini pasti bakal jadi tua? Sempat kah KWSP itu nanti diguna waktu tua? Masa sempit inilah waktu yang paling kritikal untuk dibantu. Tua nanti entah masih lagi susah ataupun sudah senang. Jadi, saya sebutkan perkara ini supaya meluas lingkupkan sedikit fungsi itu dalam waktu yang sebegini.

Keduanya, kerajaan selama ini meletakkan isu B40, B40, B40. Ini KWSP bersasar. Kalau diberi ruang untuk sekurang-kurangnya macam Dato' Arman sebut tadi bagi opsiyen supaya orang yang betul-betul perlu diberi ruang, jangan mandatori sehingga KWSP tidak diizinkan. Saya

fikir ini satu keputusan kurang bijak. Kalau kita merupakan kerajaan rakyat, kita merupakan suara rakyat, rintihan rakyat perlu kita dengar. Perlu kita bersama dengannya sebab kerana merekalah kita berada di sini.

Yang Berhormat yang dirahmati Allah, saya hendak sebut juga beberapa perkara, bila kita sebut tidak ada pilihan. Sudahlah kita miskin, pilihan ke mana kita akan pergi? Dua pilihan sekarang. Pergi kepada bank, bank, lepas itu kita tengok dua pilihan juga yang kita dapat, satu-riba atau bunga, satu- pilihan bayaran berganda. Siapakah yang dapat untung walaupun menolong? Bank! Pilihan yang kedua yang paling popular along. Bila sudah kritikal betul pergi along.

Yang Berhormat semalam, saya terima seorang. Saya sebut nama tidak apalah, nama dia Haikal. Kenalan saya di Malaysia timur. *Calling* merintih, menangis, minta pinjam RM2,000. Kata hendak buat apa RM2,000? Dia berpusing-pusing tidak hendak jawab, rupanya dia pinjam along untuk selesai masalah rumah dia dan juga kenderaan. Dalam tempoh sebulan dia meminjam, yang dia kena bayar RM2,000. Siapakah yang gembira dalam suasana macam ini? Ertinya, galakan suasana ataupun kelompok along ini walaupun diberi lesen, mereka yang dapat ruang untuk menagih mangsa, rakyat yang sedang kesempitan.

■1710

Ketiga, saya juga hendak sebut tentang KWSP dengan kedudukan sekarang ini, bukanlah maknanya KWSP ini satu-satunya, tetapi yang kita bincangkan hari ini KWSP bersasar antara satunya, antara banyak-banyak ruang untuk kita boleh bantu rakyat. *Merintis* sekarang ini media sosial memang hangat bicarakan isu ini. Bukan kerana marah kerana BN ataupun kerana PH ataupun kerana PN. Minta supaya kerajaan mengambil sedikit prihatin. Saya ulang perkataan tadi itu, bukan semuanya diberi ruang. Kalau diberi ruang pun bukan semua orang akan ambil, tetapi yang bersasar ini lebih khusus kepada B40 supaya mereka merasa bahawa ada ruang untuk kita membela mereka. Bukan bela duit daripada kerajaan. Ini duit dia, dalam akaun KWSP.

Saya mohon perkara ini dipertimbangkan supaya *insya-Allah* ada sentuhan hati rakyat dengan pemerintahan yang ada ini walaupun kadang-kadang timbul isu, kita kata RM130,000 yang bakal dinoktahkan. Ini yang buat dulu. Ini yang KWSP bersasar ini dibuat dahulu. Jangan tunggu yang RM130,000 yang bakal dinoktahkan pada hujung ataupun awal tahun hadapan.

Saya mohon izin, mohon maaf atas suara yang sedikit tinggi sebab semalam pun apabila saya dengar *calling* daripada sahabat ini di Malaysia Timur. Bukan saya hendak maksudkan ini isu menyeluruh dan isu ini patut kita tangani dan sekurang-kurangnya memenangi hati golongan *dhuafa* ini. Ingat satu hadis Rasulullah saya pernah sebut, hadis Rasulullah SAW, “*Tidak akan papa orang yang bersedekah, akan dimuliakan Allah orang yang pemaaf, akan diangkat darjat*

oleh Allah orang yang merendahkan diri." Ini bukan kita hendak sedekah, ini kita hendak serah balik sedikit duit yang ada dalam akaun yang dikhususkan itu untuk mereka dapat mengurangkan-pulang duit yang mereka sendiri punya- untuk sekarang, pada waktu yang paling kritikal. Yang tidak ambil, tidak ambil. *Wallahu'alam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya menyokong Usul ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Hussin bin Ismail atas perbahasan tadi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang ini di *YouTube*, ramai yang sedang tonton Dewan Negara, hampir 9,500 orang tengah menonton. Jadi saya mohon Yang Berhormat untuk dapat berbahas dengan cara yang lebih berhemah.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Dato' Sivaraj, dipersilakan.

5.13 ptg.

Dato' Sivaraj a/l Chandran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan buat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas inisiatif beliau untuk mewujudkan satu alternatif baharu untuk membantu rakyat melalui *facility* sokongan akaun kedua KWSP. Saya percaya tindakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini telah mengambil kira kedudukan dan kebolehan kewangan semasa KWSP secara menyeluruh terlebih dahulu. Biarpun begitu, saya melihat terdapat ruang-ruang penjelasan dan penambahbaikan yang turut perlu diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, saya bahagikan perbahasan saya pada hari ini kepada dua-komponen: pertama, *facility* sokongan Akaun 2- KWSP. Menurut prasyarat yang diumumkan oleh kerajaan, seseorang pemohon perlu mempunyai caruman minimum RM3,000 dalam Akaun 2 bagi melayakkan diri untuk memohon kemudahan ini. Mengambil kira statistik rasmi setakat 31 Disember 2022, di mana 51 peratus atau 6.7 juta orang pencarum KWSP di bawah umur 55 tahun baki simpanan kurang RM10,000. Adakah jumlah minimum yang ditetapkan ini *sustainable*, dengan izin, dalam jangka masa yang panjang?

Katakan seorang pemohon *facility* sokongan Akaun 2 KWSP mempunyai baki simpanan RM5,000- dia memohon pembiayaannya maksimum bernilai RM50,000, dan permohonannya diluluskan. Adakah individu tersebut mampu menjana caruman yang secukupnya dalam 10 tahun yang akan datang untuk membayar semula pembiayaan peribadi RM50,000 dengan kadar faedah di antara 4 peratus, dan 5 peratus setahun.

Andai kata kadar faedah yang ditetapkan pada 4.5 peratus, setiap tahun faedahnya hanya mencecah RM2,250, 10 tahun sebanyak RM22,500. Jadi jumlah hutang yang perlu ditanggung

peminjam ini iaitu RM72,500. Soalnya, adakah peminjam ini mampu membayar semula terutamanya dengan mengambil kira rekod pengeluaran sebelum ini? Saya percaya kerajaan wajib mempunyai satu unjuran yang lebih jelas berhubung implikasi dan kapasiti pembayaran semula seorang peminjam secara menyeluruh terlebih dahulu.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasakan, kerajaan wajar mempertimbangkan- ini cadangan saya, satu kadar faedah yang lebih rendah- mungkin 1 peratus atau 2 peratus jikalau kita membuat keputusan untuk teruskan dengan Skim Pinjaman KWSP ini. Pada kadar 1.5 peratus katakan jumlah terakru untuk tempoh 10 tahun baru mencecah RM7,500. Ini jauh berbeza dengan RM22,000 yang kita kirakan tadi. Ini penting Tuan Yang di-Pertua bagi meringankan beban pinjaman dan bagi memahamkan rakyat bahawa Kerajaan Madani secara jujur ingin membantu mereka dengan cara yang lain, cara alternatif daripada pinjaman tersebut.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan mengambil maklum akan trend peralihan pencarum ke sektor *informal* yang mengakibatkan caruman tidak konsisten. Misalnya pendapatan KWSP itu sendiri pada hujung tahun lalu menunjukkan bahawa hampir 55 peratus daripada 4.81 juta orang ahli KWSP berumur 40 tahun hingga 50 tahun tidak membuat sebarang pencaruman sepanjang tahun lepas. Walaupun mereka ini mempunyai simpanan purata semasa yang agak tinggi iaitu di antara RM26,000 hingga RM48,000, mereka memilih untuk tidak mencarum. Apakah strategi KWSP untuk membantu golongan ini tanpa menjadikan mereka berisiko pada beban hutang dalam jangka masa yang panjang?

Segmen kedua Tuan Yang di-Pertua, adalah berhubung dengan kemudahan pengeluaran tersasar. Melalui empat *facilities* kemudahan sebelum ini, sejumlah RM145 bilion telah dikeluarkan oleh 8.1 juta caruman. Pengeluaran caruman secara besar-besaran ini telah menjejaskan medium simpanan KWSP secara purata sehingga 50 peratus iaitu RM16,600 pada tahun 2020 ke RM8,100 pada 2022.

Jadi, persoalan saya di sini Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran tersasar yang kita lakukan ini sudah tentu akan digunakan oleh ahli yang benar-benar masih terkesan, *which is*, dengan izin, pencarum daripada kumpulan B40 dan M40. Mereka ini sudah mempunyai jumlah caruman yang rendah. Persoalan saya ialah, bagaimana kerajaan hendak menjamin jumlah caruman yang dikeluarkan ini boleh diganti semula pada mungkin 10 tahun hingga 15 tahun akan datang untuk memastikan kita boleh mencapai sasaran caruman RM240,000 menjelang usia 55 tahun seperti yang ditetapkan oleh KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon sedikit masa. Kita perlu beringat bahawa Malaysia dijangka mencapai status negara tua menjelang tahun 2030 dengan 15.3 peratus penduduk

negara berusia 60 tahun ke atas. Mengambil kira perkara ini, saya berpandangan sebarang keputusan kerajaan untuk menggunakan lagi simpanan hari tua sebagai *crucially factor* perlu diambil secara teliti.

Secara peribadi, saya berpandangan bahawa pengeluaran semula KWSP sepatutnya menjadi opsyen terakhir dalam perancangan kerajaan. Janganlah disebabkan desakan-desakan politik dan bersifat populis semata-mata kita lupa akan tanggungjawab kita dalam jangka masa panjang terhadap rakyat dan negara. Saya telah kemukakan beberapa persoalan yang wajar dijelaskan secara teliti oleh pihak kementerian. Saya berharap pihak kementerian boleh memberi penjelasan yang sewajarnya.

Dengan itu saya memohon kerajaan mempertimbangkan cadangan-cadangan ini dengan sewajarnya, supaya apa-apa polisi yang kita buat, tidak membebankan rakyat dan juga membantu mereka pada masa kini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Dato' Sivaraj atas perbahasan tadi.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa. Silakan.

■1720

5.20 ptg.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 17(1) ini. Sememangnya isu ini telah hangat diperkatakan di media dan sewajarnya dibahaskan di sini untuk menghentikan pelbagai spekulasi tohmahan terhadap langkah-langkah yang sedang diambil oleh pihak kerajaan. Tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berada di Dewan yang mulia ini untuk menjawab perbahasan ini, *insya-Allah.*

*[Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Saya berasa isu pengeluaran KWSP ini secara bersasar ini telah terlebih dibesarkan oleh sesetengah individu dan disensasikan sehingga tidak masuk akal lagi sudah. Saya mohon kepada pihak kementerian untuk mengulas bilangan pencarum di KWSP dan status jumlah simpanan mereka. Jikalau benar kebanyakan yang benar-benar terdesak tidak lagi mempunyai simpanan untuk dikeluarkan, kenapakah kita berbincang isu ini? *Why are we still discussing this issue*, dengan izin.

Jika perkara ini benar, fokus kita tidak sepatutnya membincangkan kepada isu pengeluaran KWSP secara bersasar. Apa yang lebih penting adalah untuk menekankan kepada pihak kementerian untuk menawarkan ataupun menguar-uarkan segala bantuan tambahan yang diberikan kepada rakyat yang terdesak sama ada melalui institusi keagamaan seperti pusat bantuan, zakat dan wakaf mahupun Bajet 2023.

Berkaitan dengan itu, saya mohon pihak kementerian untuk memperincikan segala bantuan, program dan inisiatif yang ada di bawah pihak kerajaan untuk membantu golongan yang terdesak ini. Biarlah melalui perbahasan ini cara alternatif untuk mendapat bantuan diuar-uarkan kepada mereka.

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ataupun KWSP merupakan sebuah institusi keselamatan sosial di mana ia merupakan *investment vehicle*, dengan izin untuk melabur wang simpanan pencarum dan memberikan pulangan kepada mereka untuk kegunaan hari tua nanti.

Kebolehan KWSP memainkan peranan ini bergantung kepada dua perkara. Pertama, aliran tunai- *cash flow* untuk pelaburan dan kesediaan simpanan tunai- *cash reserve* untuk menghadapi ketidaktentuan pasaran.

Kedua, kewujudan pencarum produktif dan aktif yang melebihi pencarum yang sudah bersara. Dalam pemanggilan untuk pengeluaran bersasar KWSP oleh sesetengah pihak, saya tidak lagi mendengar sebarang cadangan terperinci mengenai bagaimana perkara ini boleh dilakukan tanpa memudaratkan kebolehan pelaburan KWSP. Janganlah mudah untuk kita bercakap sebab bukan kita yang akan bertanggungjawab ke atas pelaksanaannya. Namun berkaitan perkara ini juga terlintas di fikiran saya bahawa cadangan untuk pengeluaran bersasar ini telah dijawab baik oleh kerajaan dengan memperkenalkan Fasiliti Akaun 2.

Ironinya inilah cara pengeluaran bersasar yang diminta-minta oleh pihak-pihak tertentu yang tidak menjejaskan kebolehan pelaburan KWSP. Akan tetapi di sini saya ingin menegur sedikit pihak kerajaan kerana tidak memastikan penjelasan yang baik diturunkan kepada rakyat oleh pelaksana inisiatif ini sehingga menimbulkan kekeliruan berkaitan pembayaran bulanan. Saya memohon pihak kementerian untuk menjelaskan fasiliti ini dengan lebih baik supaya semua boleh memahami cara penggunaannya.

Adakah mana-mana pihak lain sanggup menjawab kepada semua pencarum KWSP jikalau dividen KWSP tahun depan lebih rendah atau mengalami kerugian? Janganlah kita memperkuda cadangan pengeluaran bersasar untuk agenda politik tanpa rancangan baik untuk melaksanakan. Saya telah berkali-kali membawa isu negara menua di dalam Dewan yang mulia ini. Perkara ini berkait sebab jikalau bilangan pencarum yang aktif kurang daripada pencarum

yang bersara, maka jumlah aliran dan simpanan tunai yang ditambahkan untuk meraih pulangan pelaburan semakin berkurangan.

Pandemik wabak COVID-19 telah merosotkan keadaan di mana pihak kerajaan telah dalam tempoh dua tahun yang lepas membenarkan sebanyak RM145 bilion dikeluarkan. Ini menjejaskan kebolehan melabur dan boleh menggagalkan KWSP dalam jangka masa yang panjang jika dilihat bersama isu negara menua ini. Inilah sebab saya berkali-kali mengetengahkan isu keperluan untuk jawatankuasa berperingkat nasional yang diketuai oleh kementerian pusat seperti Kementerian Ekonomi atau Kementerian Kewangan untuk menangani isu ini.

Kita sering berkata dan menganggap bahawa jikalau rakyat Malaysia tiada simpanan, ia akan menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menanggung tetapi fikirlah wahai Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian sejauh manakah perkara ini benar. Jikalau situasi ini berlaku, ia merupakan tanggungjawab anak dan cucu-cucu kita yang akan menjaga ibu-ibu yang menua ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang kita hadapi ini bukanlah isu terpencil berkaitan pengeluaran KWSP tetapi krisis populasi dan demografi yang seolah-olah *ticking time bomb*, dengan izin. Kita perlu lebih strategik dalam membantu rakyat kita dan mengimbangi implikasi jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Sampai sini sahajalah perbahasan saya. Berdasarkan hujah-hujah yang saya telah berikan di atas saya terpaksa membantah usul untuk membenarkan pengeluaran KWSP secara bersasar ini. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff.

5.26 ptg.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Merujuk seksyen 51(1) Akta KWSP 1991; *"Walau apa jua berlawanan yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain, caruman dan deposit tidak boleh diserahkan hak dipindahkan kena ditahan, disekuesterkan atau dilevikan ke atasnya bagi atau berkenaan dengan apa-apa hutang atau sebarang tuntutan."* Tiada peruntukan khusus yang membolehkan wang simpanan seseorang dicagarkan kepada bank.

Soalan saya apa asas pertimbangan atau rasional kerajaan untuk membenarkan caruman pencarum KWSP mencagarkan simpanan dalam Akaun 2 mereka bagi menyokong pinjaman

peribadi di mana seseorang perlu meminjam pada bank sedangkan wang caruman tersebut terlindung di bawah Akta KWSP. Rakyat yang perlukan pengeluaran adalah yang sangat terkesan dengan pandemik COVID-19 dan masalah kelembapan ekonomi negara.

Permohonan ini adalah demi kelangsungan hidup mereka yang terdesak. Mereka sudah tidak mampu, kerajaan pula ingin menambah bebanan pencarum yang terpaksa menanggung komitmen tambahan bayaran hutang bulanan dan juga kadar faedah. Tambahan pula mereka juga tidak layak untuk mencagarkan wang simpanan dalam Akaun 2 kerana jumlah simpanan kurang dari RM3,000. Ada sesetengahnya tiada langsung simpanan dalam Akaun 2 dan kebanyakan mereka sudah tiada pendapatan tetap akibat diberhentikan kerja semasa pandemik COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua, apakah implikasi kewangan yang perlu ditanggung oleh pencarum sekiranya mereka gagal atau tidak mampu melunaskan pembayaran balik pinjaman cagaran ini? Bagaimanakah dengan pencarum KWSP yang berada dalam senarai hitam di bawah Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS) atau diisytiharkan bankrap oleh Jabatan Insolvensi Malaysia?

Kita memahami hasrat kerajaan untuk menjaga kepentingan rakyat di usia tua. Saya juga menyokong usaha kerajaan untuk memastikan rakyat hidup selesa di usia tua mereka. Namun dalam keadaan rakyat terdesak yang kebanyakannya masih lagi berusia muda kurang 40 tahun, kerajaan perlu mempertimbangkan untuk membenarkan pengeluaran bersasar atas keperluan tertentu dengan jumlah yang tertentu yang dibenarkan. Justeru saya mencadangkan sebuah unit khas harus ditubuhkan untuk meneliti setiap kes secara spesifik *case-by-case*, dengan izin untuk setiap individu yang ingin mengeluarkan simpanan KWSP mereka bagi menilai merit kelayakan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran KWSP bersasar ini turut disuarakan oleh pelbagai NGO termasuk Pertubuhan Gagasan Inovasi Rakyat (PGIR) yang mencadangkan pengeluaran KWSP dibuat mengikut kategori dan keperluan kepada tiga juta orang pencarum setelah menerima laporan dan aduan daripada 320 ribu orang pencarum terkesan.

■1730

Izinkan saya membaca antara syor mereka yang termasuk:

- (i) suri rumah dan ibu tunggal tanpa pekerjaan tetap atau tidak aktif lagi mencarum supaya dibenarkan mengeluarkan simpanan bagi menyara kelangsungan hidup;

- (ii) bekas pekerja swasta yang tidak lagi mencarum akibat diberhentikan kerja, tidak mempunyai pekerjaan tetap atas faktor usia dan kesihatan yang juga wajar dibenarkan;
- (iii) pencarum yang masih aktif mencarum berusia 54 tahun ke bawah dan mempunyai simpanan Akaun 1 melebihi RM20,000 wajar dibenarkan mengeluarkan 30 peratus daripada jumlah itu; dan
- (iv) pencarum yang masih aktif mencarum mempunyai baki simpanan akaun kurang daripada RM20,000 boleh dibenarkan untuk mengeluarkan amaun tertentu dalam akaun mereka.

Jadi, saya memohon supaya kerajaan meneliti dan memberi perhatian kepada syor-syor yang dicadangkan oleh NGO ini. Untuk masa depan mereka, kerajaan boleh mengkaji kaedah-kaedah lain untuk memastikan rakyat masih mempunyai wang simpanan persaraan. Mereka juga terkesan atau rakyat tercicir ini seharusnya menjadi perhatian kerajaan sebagai golongan sasaran dalam usaha-usaha kerajaan untuk menamatkan kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk akhirnya sekali lagi saya berkata di sini kita membawa suara rakyat kepada kerajaan supaya dipertimbangkan, bukan untuk mempolitikkan isu. Dengan itu, saya mohon menyokong.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai.

5.32 ptg.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan yang sebegitu penting pada petang yang mulia ini terutamanya untuk rakyat yang tercicir. Sebagai usaha untuk menarik perhatian kerajaan meringankan beban kewangan rakyat jelata, saya ingin bermula dengan kesusahan rakyat yang dialami dan yang dihadapi pelbagai masalah sosioekonomi yang seperti berikut: pertama, kenaikan harga barangan; kedua, memang kos sara hidup yang sangat tinggi; ketiga, inflasi harga makanan; keempat, tragedi bencana alam seperti banjir yang menimpa rakyat di beberapa buah negeri; dan kelima, masalah yang tidak dapat dikawal seperti hutang-hutang dengan bank komersial.

Tuan Yang di-Pertua, masalah sosioekonomi ini telah kita katakan menjadi satu faktor yang menggugatkan keterjaminan dan kestabilan kewangan sesebuah isi rumah. Ini menjadi satu impak yang besar juga ke atas kesihatan mental seluruh keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak ambil kesempatan bukan sahaja tegur dan hendak mengkritik atas keputusan kerajaan yang tidak prihatin, kerajaan yang tidak mengutamakan rakyat. Rakyat memang mengharapkan suntikan wang secara langsung dalam usaha mereka menstabilkan kesihatan kewangan mereka dan kita sudah dengar pelbagai rungutan, kesedihan, permintaan, permohonan. Kebanyakan suara-suara rakyat itu memang menyedihkan. Apabila kita minta tindakan kerajaan, mereka jawab cagar KWSP pula.

Ini kah kerajaan rakyat? Adakah kerajaan sudah lupa rakyat mengundi mereka? Kita tahu bahawa bantuan-bantuan yang diumumkan oleh kerajaan campuran ini tidak akan mencukupi dan ia hanya sekadar hiasan dan propaganda politik sahaja. Saya hendak ambil kesempatan untuk memaklumkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan bahawa apakah sebab-sebab rakyat mahu mengeluarkan KWSP walaupun Menteri Kewangan itu sudah tahu tetapi pilih tidak tahu.

Saya hendak katakan rakyat memerlukan wang secara langsung dalam menyelesaikan masalah yang timbul satu demi satu. Mengapakah? Ini merupakan sebab kegagalan kerajaan menguruskan masalah sosioekonomi yang tadi saya senaraikan. Ini terutamanya kenaikan harga barangan yang tidak menentu itu.

Satu-satunya simpanan yang rakyat boleh menaruh harapan pada hari ini adalah untuk bantuan mereka mengharungi masalah kewangan melalui simpanan KWSP. Saya faham, setiap penjelasan kerajaan memang saya tidak pilih tidak faham. KWSP adalah untuk hari tua dan sebagainya. Akan tetapi, rakyat yang memerlukan pengeluaran ini iaitu mereka yang tidak lagi dapat bertahan sekarang ke atas tekanan kewangan. Mereka sudah *give up*, dengan izin.

Bagaimanakah kerajaan akan menyelesaikan masalah itu? Oleh itu, di sini saya ada empat argumen untuk kerajaan campuran untuk ambil perhatian. Argumen pertama ialah KWSP iaitu duit rakyat sendiri dan mengingatkan kerajaan campuran ini. Saya berharap kerajaan mempertimbangkan semula cadangan pengeluaran simpanan KWSP rakyat sekurang-kurangnya bersasar.

Ini adalah kerana ramai yang masih sangsi dan tidak bersetuju dengan usul kerajaan untuk menjadikan simpanan mereka sebagai cagaran untuk berhutang dengan bank dalam membantu mereka dan bukan membenarkan mereka menggunakan simpanan mereka, diri sendiri.

Kalau ikut sistem cagaran yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Kesepuluh, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, berkemungkinan hanya beberapa orang pemohon yang layak kerana terdapat banyak terma, syarat-syarat bank komersial yang perlu dipenuhi oleh peminjam termasuk skor kesihatan kredit. Apalah kerajaan ini? Rakyat minta untuk mengeluarkan wang diri sendiri untuk membebaskan dirinya daripada hutang. Mereka pula minta rakyat pergi hutang balik dan cagar KWSP.

Argumen yang kedua Tuan Yang di-Pertua. Akaun 2 ini memang tidak mencukupi. Bukan semuanya mempunyai wang yang mencukupi dalam Akaun 2. Kerajaan kena faham bahawa pengeluaran yang diminta oleh rakyat iaitu pengeluaran khas yang perlu menstabilkan keadaan kewangan mereka. Kalau Akaun 2 tidak cukup wang, macam mana hendak cagar? Mengapakah kerajaan tidak hendak bagi kelonggaran untuk Akaun 1? Mengapakah perlu bersandiwara tekankan Akaun 2? Tidak ada duit, tidak boleh cagar maka tidak boleh mohon. Senanglah kerja 'Kerajaan Campuran'. Begitu kah?

Oleh itu, seterusnya dengan argumen ketiga, duit untuk masa jangka pendek. Kerajaan juga perlu faham bahawa kebanyakan daripada pencarum yang memilih untuk mengeluarkan simpanan mereka demi menyelesaikan masalah jangka pendek yang timbul secara mendadak. Malah ramai pencarum masih ragu terhadap keberkesanan kaedah cagaran simpanan dan saya percaya pencarum juga lebih menyandarkan kepada pengeluaran terus kerana tidak terbeban dengan bebanan faedah pinjaman oleh bank itu.

Mengapakah rakyat harus dibebani dengan penyelesaian yang memerlukan kesan jangka panjang untuk menyelesaikan masalah yang jangka pendek? Kos ini, kos isi rumah juga akan kian meningkat kerana nisbah hutang dan pinjaman isi rumah juga akan naik.

Argumen yang terakhir Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Tolong rumuskan Yang Berhormat. Kekangan masa.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Dua minit?

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Tujuh minit sudah.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Okey. Dengan *argument* yang keempat itu ialah isu pembayaran semula yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff. Dengan ini, / hendak katakan sekali lagi, ingin mengusulkan supaya kerajaan mempertimbangkan sekali lagi semula pengeluaran KWSP kerana simpanan pengguna itu hak pengguna.

Saya juga ingin memohon supaya kaji selidik reaksi, kemahuan dan keperluan rakyat dengan lebih peka dan teliti kerana di hujung penggal rakyat perlu hidup dengan tanggungjawab kerajaan dalam memastikannya. Dengan ini, saya menyokong Usul yang dibawa oleh rakan saya Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris. Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook.

5.40 ptg.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hari ini kita berbincang tentang simpanan hari tua. Ada yang sedang terdesak kot-kot tidak sempat tua. *[Ketawa]* Ada yang kata apabila tua sudah keluarkan sekarang, apa hendak makan lepas tua.

Jadi hari ini kita berbincang. Sedangkan saya rasa antara kita di sini tidak ada isu tersebut tetapi rakyat di bawah sana ramai yang ada isu dan ramai juga yang ambil kesempatan. Akan tetapi, bagi pihak kerajaan sepatutnya mempertimbangkan yang sewajarnya. Kita ambil jalan tengah, jangan terlalu keras, jangan terlalu lembut. Pilihlah jalan sesuai kerana kalau kita berkeras, ada pihak yang terkesan dan ada lembut sangat, ada yang naik kepala.

Jadi saya hendak cadangkan kepada kerajaan, sekiranya dibenarkan wang itu dikeluarkan secara ramai-ramai, mungkin menyebabkan masalah aliran tunai KWSP. Mungkin dihadkan satu jumlah yang maksimum yang boleh dikeluarkan. Kemudian, kita tetapkan syarat mereka yang terdesak melalui tapisan tertentu kerana negara kita ini ada banyak sumber yang boleh membantu mereka yang terdesak. Adakah terdesak kerana kesihatan? Kita ada hospital dengan RM1 nya di klinik kesihatan.

Sekiranya ada isu pendidikan, kita ada PTPTN yang boleh berbincang semula atau PTPTK yang boleh berbincang semula. Kalau kita bercakap tentang hutang, kita ada AKPK untuk membantu ataupun bank sendiri yang boleh menyusun semula jadual pembayaran. Terdesak sangat, kita ada Majlis Agama Islam. Kalau yang lain itu saya tidak pastilah ada atau tidak majlis agama mereka tetapi ada ruang-ruang di mana mereka yang betul-betul terdesak yang tidak mampu untuk meneruskan hidup, inilah ruang yang kita boleh gunakan. Mereka yang betul-betul terdesak dan perlukan pengeluaran KWSP, kerajaan pertimbangkanlah syarat yang bersesuaian supaya mereka boleh melangsungkan kehidupan mereka.

Pada masa yang sama, apabila mereka tua nanti tidak terlalu menyusahkan anak cucu kerana kalau orang tua yang bankrap ini saya rasa sukar untuk mendapat kasih sayang daripada anak dan cucu. Itu yang kita risau. Jangan dibiarkan macam itu. Jadi kita mengambil jalan tengah.

Yang Berhormat Menteri boleh pertimbangkan, orang kata janganlah degil sangat kan? Yang minta pun, janganlah mengada-ngada lebih, barulah kita boleh dapat aman kerana tidak ada siapa yang menang dalam keadaan ini.

Orang kata sebelah ini dinding keras, sebelah ini batu keras. Hempuk kiri pun bengkok, hempuk kanan pun bengkok. Jadi kita jalan tengah-tengah, jangan tergesel lebih sangat. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri dapatlah berbincang dengan pihak tertentu. Kita tengok yang mana patut kita buat dan yang mana tidak patut kita biarkan macam itu.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Saya mencelah sedikit.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Silakan, silakan.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Yang Berhormat Senator, saya setuju sangat. Model tersebut boleh dipanggil sebagai hibrid model di mana KWSP digunakan bersama agensi lain seperti PERKESO. PERKESO umpamanya ia ada statistik mereka yang hilang kerja. Yang saya tidak pasti sekarang, kenapa PERKESO tidak dibangkitkan dalam isu ini. So, mungkin nanti Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh hujah sedikit tentang isu ini. Terima kasih.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Saya harap Yang Berhormat Menteri gunakanlah maklumat yang diterima di sini. Saya juga percaya daripada pihak penasihat-penasihat ekonomi yang ada di pihak kerajaan dapat memberikan pandangan yang bersesuaian supaya kita dapat mengharungi ombak ini dengan senang dan selamat. Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook.

Sekarang saya menjemput pembahas yang terakhir, Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda.

5.44 ptg.

Tuan Mohd Hasbie bin Muda: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk saya turut sama membahaskan mengenai usul pengeluaran bersasar KWSP. *Alhamdulillah* sepanjang perbahasan ini, saya melihat kita- semua atas semangat yang sama untuk memberikan yang terbaik kepada rakyat dan dalam masa yang sama kita tidak mengorbankan tabung hari tua rakyat ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh kita simpulkan sedikit ialah kita- semua bersetuju bahawa kita bukan memperjuangkan ataupun kita tidak lagi mendesak untuk pengeluaran khas sebagaimana i-Citra, i-Lestari dan sebagainya yang empat sebelum ini yang telah menghabiskan RM145 bilion-bilion duit KWSP kita. Akan tetapi fokus usul ini ialah pengeluaran secara bersasar.

Cuma saya masih tertanya-tanya kalau kita sebut soal pengeluaran secara bersasar, sebenarnya dalam KWSP sekarang ini, sebenarnya telah pun disediakan ruang untuk mengeluarkan wang secara bersasar itu telah pun ada. Kalau kita tengok dalam pengeluaran sebahagian KWSP, pencarum memang dibenarkan maknanya sebelum mereka berusia 60 tahun, memang sudah dibenarkan. Umpamanya yang pertama, umur 50 tahun mereka boleh keluarkan duit KWSP mereka sepenuhnya daripada tabung akaun dua mereka. Pertama.

Keduanya juga, pencarum yang memiliki simpanan melebihi RM1 juta, maknanya kalau dia ada lebih RM1 juta, dia boleh keluarkan. Jadi saya tunggu-tunggu juga kalau mungkin boleh dicadangkan had RM1 juta itu mungkin boleh diturunkan kepada RM750,000 umpamanya ataupun RM500,000. Itu yang kedua.

Ketiganya, dalam pengeluaran sebahagian juga kita membenarkan pengeluaran untuk tujuan membeli rumah, tujuan untuk membiayai perumahan, tujuan untuk menyelesaikan pinjaman perumahan. Kita membenarkan pengeluaran untuk tujuan kesihatan walaupun usianya mungkin 30 tahun, dia boleh keluarkan baki daripada Akaun 2 dia untuk tujuan itu.

Jadi kalau dikatakan kerajaan tidak membenarkan pengeluaran secara bersasar, saya fikir perbincangan kita ini tidak betullah kerana memang telah pun dibenarkan. Cuma mungkin ruang perbincangan kita ialah pengeluaran sebahagian tadi itu mungkin kita boleh luaskan untuk tujuan-tujuan tertentu. Ia kerana kalau kita sebut secara bersasar tetapi bentuk pengeluaran itu sebagaimana i-Citra, i-Lestari dan sebagainya sebagaimana disebut oleh kawan-kawan kita, memang ia akan menyebabkan pengeluaran secara besar kerana kita tidak nampak apa indikator ataupun ukuran jelas bersasar itu bagaimana.

Jadi saya ingat perbincangan kita dalam soal pengeluaran ini harus melihat kepada keperluan. Kalau sememangnya perlu ada kelompok tertentu yang betul-betul memerlukan, saya percaya kerajaan akan mempertimbangkan. Perbahasan usul pada petang ini saya ingat tidaklah seharusnya menjadi soal hitam atau putih, soal tidak boleh ataupun boleh tetapi biarlah kita berbincang mencari ruang yang terbaik apa bersasar yang benar-benar memerlukan kepada pengeluaran secara khusus itu.

Jadi saya ingat itu sahaja. Saya ingat banyak dah poin disebut oleh rakan-rakan yang lain. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda.

Tadi *Secretary* telah terlepas pandang satu nama Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad. Saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad untuk berucap.

5.48 ptg.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat tadi nama saya dah hilang dah. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk berbicara berkenaan dengan usul pengeluaran KWSP ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan sebenarnya kerana telah membenarkan pengeluaran KWSP ini secara kaedah yang agak berlainan. Kalau kita tengok sebelum ini ada kaedah i-Lestari, ada i-Citra dan ada i-Sinar tetapi kaedah kali ini lebih tertumpu kepada penyimpan KWSP ini yang betul-betul yang memerlukan.

KWSP ini ditubuhkan pada tahun 1951 melalui Akta KWSP 1991. Kalau kita tengok dividennya tahun 2022 ini, kita tengok gambarannya RM51.14 bilion pada tahun 2022. Jumlah pendapatan KWSP pada tahun 2021 iaitu RM68.89 bilion. Jumlah pengeluaran yang dikeluarkan pada tahun 2021 iaitu RM44.68 bilion.

■1750

Jumlah i-Lestari, i-Citra, i-Sinar ini RM86.18 bilion. Jadi, semua pengeluaran pada tahun 2021 ini iaitu RM130.86 bilion dan majikan yang mencarum pada tahun 2021 ini sebanyak RM72.89 bilion. Maksudnya, yang mencarum itu lebih rendah daripada pengeluaran pada tahun 2021 pada masa itu. Dividen juga pada tahun 2022 iaitu 5.35 peratus pada masa itu. Kalau kita tengok, sekarang ini memang ada isu berkenaan dengan pengeluaran KWSP ini. Kita tengok yang akan mengeluarkan adalah yang berumur 40 tahun dan ke atas iaitu Akaun 2.

Kita tengok kalau pinjaman ini diberikan dengan melalui cagaran KWSP ini sebenarnya, mungkin kerajaan boleh mengurangkan jumlah bunga yang dikenakan oleh BSN dan juga MBSB di mana kalau kita tengok dalam *website* mereka, empat hingga lima peratus. Disebabkan pinjaman ini mempunyai cagaran iaitu wang yang ada dalam KWSP tersebut, mungkin kerajaan boleh pertimbangkan dua hingga tiga peratus sahaja disebabkan ada cagaran.

Saya juga mencadangkan di sini kepada kerajaan supaya pinjaman ini dipelbagaikan. Bukan sahaja kita memberi seperti pinjaman peribadi, di mana kalau Akaun 2 ada RM10,000 dan mereka boleh meminjam RM10,000, kita mungkin pelbagaikan kaedah pinjaman seperti *overdraft* di mana mereka boleh meminjam RM10,000 dengan duit yang ada di dalam Akaun 2 itu ada RM10,000. Mereka hanya membayar ataupun bunga itu mengikut jumlah yang mereka memakai.

Ini kerana kalau kita tengok, kebanyakan orang yang betul-betul memerlukan pengeluaran KWSP ini adalah orang yang perlu mengembangkan perniagaan mereka sebab di bank ini, mereka ada menawarkan *overdraft* ini iaitu mereka letak simpanan tetap RM10,000 dan mereka diberikan juga pinjaman RM10,000. Maka itu, saya cadangkan supaya kementerian untuk

mengurangkan jumlah dividen yang dikenakan dan juga kita jangan hanya khusus untuk memberi pinjaman peribadi sahaja tetapi mempelbagaikan pinjaman.

Seterusnya, saya mencadangkan pihak Kementerian Kewangan untuk memberi dividen tambahan kepada pencarum-pencarum yang mahu untuk mencarum secara peribadi di dalam KWSP ini. Mungkin mereka mendapat lebih daripada pencarum yang memang wajib mereka mencarum ke dalam KWSP ini seperti dividen tambahan 0.5 peratus ataupun satu peratus daripada dividen yang diterima oleh pencarum KWSP ini pada setiap tahun.

Seterusnya, adalah berkenaan dengan inisiatif kerajaan. Sebenarnya, adakah kerajaan menerangkan kepada rakyat di mana banyak inisiatif yang telah ditawarkan oleh kerajaan iaitu melalui beberapa bajet yang telah diumumkan itu, di mana ini adalah sebenarnya kontra, di mana mereka tidak dapat mengeluarkan KWSP ini. Akan tetapi dalam masa yang sama, kerajaan telah menawarkan pelbagai pakej untuk menambah ekonomi pencarum-pencarum ataupun pencarum KWSP yang tidak aktif ini untuk mereka menambah pendapatan mereka ataupun untuk membantu menambahkan sebagai modal perniagaan mereka.

Jadi, saya pada dasarnya menyokong dasar kerajaan iaitu mengeluarkan duit KWSP ini melalui pinjaman yang telah ditawarkan oleh MBSB dan juga BSN ini. Cuma, kaedah itu harus ditengok semula supaya di mana bunga yang dikenakan itu mungkin boleh dikurangkan kerana pihak bank mendapat satu jaminan. *Security collateral* itu yang memang pasti mereka akan dapat di mana apabila pencarum tersebut akan mencapai umur 50 tahun dan mereka boleh mengeluarkan duit yang ada di dalam Akaun 2 tadi seperti mana syarat yang ditentukan, peminjam tersebut mesti berumur 40 tahun ke atas.

Jadi, di mana saya rasa yang mengatakan bahawa duit yang ada dalam KWSP ini tidak boleh dicagarkan, isu cagaran boleh atau tidak boleh itu tidak menjadi isu yang sebenarnya Tuan Yang di-Pertua kerana pencarum tersebut memang layak mengeluarkan duit caruman mereka pada umur 50 tahun. Jadi, saya mencadangkan supaya ada perubahan dalam pengeluaran KWSP ini dan pengeluaran bersasar yang kita bincangkan pada petang ini, saya tidak setuju pada dasarnya kerana kalau kita tengok, ada tiga- pakej yang telah diluluskan oleh kerajaan sebelum ini.

Kalau kita *check* di bawah sebenarnya, banyak yang mengeluarkan duit pengeluaran KWSP pada masa itu tetapi banyak dibeli untuk kegunaan lain tetapi bukan untuk betul-betul kegunaan mereka. Saya juga tidak yakin pengeluaran keempat ini boleh menyelesaikan segala-gala permasalahan yang dihadapi oleh pencarum-pencarum yang beria-ia untuk mahu mengeluarkan pengeluaran KWSP bersasar ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Okey, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad.

Seramai 12 orang Ahli Yang Berhormat telah berbahas dan sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan untuk menjawab. Masa 20 minit, Yang Berhormat.

5.56 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris yang membawa Usul ini. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam perpaduan, salam Malaysia Madani.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas yang membahaskan; Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha; Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak bin Ahmad; Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail; Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj; Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa; Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic; Yang Berhormat Senator Aknan; Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda; dan Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad.

Pertama, saya ingin menjawab bahawa memang kita benarkan pengeluaran KWSP ini untuk tujuan-tujuan berikut iaitu jika rakyat tidak cukup duit untuk menunaikan Haji, maka kita benarkan sejumlah wang dikeluarkan. Kemudian, apabila rakyat ada masalah perumahan, kita benarkan. Membina, membeli rumah, mengurangkan atau menyelesaikan baki pinjaman perumahan, membayar ansuran pinjaman perumahan. Itu kita benarkan.

Kemudian, untuk yang mendengar di luar sana, kita benarkan pengeluaran KWSP. Rakyat yang ada masalah, kita dengar. Rakyat yang ada masalah kesihatan, kita benarkan keluarkan untuk perbelanjaan perubatan penyakit kritikal, pembiayaan peralatan perubatan kesihatan, rawatan kesuburan bagi diri sendiri dan pasangan, kesihatan untuk ibu bapa atau anak-anak.

Mana-mana rakyat yang ada masalah pendidikan, kita benarkan pengeluaran KWSP ini untuk membiayai yuran pendidikan tinggi bagi diri sendiri, bagi pasangan, bagi ibu bapa atau bagi anak-anak. Kemudian, kita juga bagi pengeluaran KWSP ini untuk pelan perlindungan ahli bagi insurans penyakit kritikal dan juga hayat.

Jadi, kita benarkan untuk pergi haji, benarkan untuk pengeluaran perumahan, benarkan untuk pengeluaran kesihatan, benarkan untuk pengeluaran pendidikan, benarkan untuk insurans. Apakah lagi tujuan kita untuk membenarkan? Untuk mereka membayar hutang? Itu pun kita telah benarkan iaitu empat kali kita benarkan. Kita telah membenarkan. Bukan kerajaan tidak mendengar, kerajaan mendengar dan membenarkan 5.3 juta orang ahli mengeluarkan RM20.8 bilion dalam pengeluaran i-Lestari.

■1800

Kerajaan mendengar dan kerajaan bersetuju dalam i-Sinar sebanyak RM6.6 juta. Saya juga antara orang yang mendesak kerajaan untuk mengeluarkan KWSP ini, selain daripada Dato' Sri Mohd Najib, selain daripada Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid pada ketika itu, ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang mendesak kerajaan dan kerajaan membenarkan sebanyak RM58.7 bilion kepada 6.6 juta orang ahli untuk i-Sinar.

Kerajaan juga membenarkan i-Citra seramai 5.2 juta orang ahli, RM21.4 bilion keluar. Bukan hanya tiga Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi empat kali kerajaan benarkan iaitu Pengeluaran Khas pada enam juta orang ahli, RM44.6 bilion. Jadi, jangan kata bahawa kerajaan tidak dengar. Saya sudah sebut tadi yang pertama tadi empat, lima perkara boleh lagi dikeluarkan. Ini yang kita telah keluarkan seramai 8.1 juta orang ahli mengeluarkan sebanyak RM145.49 bilion. Itu kebenaran pada saat dan ketika ini dan kebenaran pada masa yang lepas pada tahun 2020, tahun 2021, tahun 2022.

Ada 20 buah negara, termasuk Malaysia yang membenarkan. Antaranya ialah Australia, Belgium, Kanada, Columbia, Denmark, Estonia, Finland, Perancis, Iceland, Peru, Portugal, *Slovak Republic*, Sepanyol, *United Kingdom*, Amerika Syarikat. Semua mereka sudah memberhentikan kebenaran itu, sebab COVID sudah tidak ada. Kini kesemua negara itu telah pun menghentikan sebarang pengeluaran sejak tahun 2021. Akan tetapi oleh sebab kita kerajaan yang baik, tahun 2022 pun kita masih berikan kebenaran. Adakah tahun 2023 ini kita ingin berikan lagi kebenaran? Itu perkara yang kita ingin bincangkan di sini.

Untuk membantu rakyat secara keseluruhan, antara bantuan yang telah diumumkan dalam inisiatif belanjawan kepada ahli-ahli KWSP, inisiatif penambahan caruman sebanyak RM500. Memanglah mereka tidak minta tetapi kita bagi. Seramai dua juta orang rakyat akan menerima sebanyak RM500 dalam Akaun 1 KWSP, mereka tidak minta tetapi kita bagi. Seramai dua juta kali RM500 sama dengan RM1,000 juta Ahli-ahli Yang Berhormat, yang kerajaan bagi kepada ahli KWSP supaya mereka ada motivasi untuk menambah caruman.

Satu lagi dalam bajet ini, kita tambah jumlah caruman sukarela setahun daripada RM60,000 kepada RM100,000. Itu tidak begitu kedengaran, maka saya menyatakan tentang perkara itu. Inisiatif juga, i-Saraan daripada RM250 kepada RM300 setahun, juga skop pelepasan cukai tahunan bagi premium insurans nyawa atau caruman takaful hayat meliputi caruman sukarela KWSP, termasuk jumlah caruman lebih kadar berkanun sehingga RM3,000. Jadi, ini antara perkara-perkara yang kita umumkan khusus tentang KWSP.

Akan tetapi apabila kita menyatakan bahawa rakyat masih lagi inginkan pengeluaran ini, tidak cukup dengan apa yang saya sebut, maka kerajaan telah mengumumkan Sumbangan Tunai

Rahmah, yang ini berapa ramai yang dapat? Mereka yang dapat ialah seramai lapan juta orang rakyat dengan jumlah lebih kurang RM9 bilion. Kemudian kita umum bantuan latihan perantis, bantuan tunai bagi penerima bantuan, anak penerima bantuan yang tercicir daripada sekolah, menganggur bertujuan untuk mendapatkan latihan kemahiran, latihan pekerja sebanyak RM250 sebulan seorang.

Kemudian telah diumumkan bantuan warga emas, bantuan tunai bagi warga emas warganegara sebanyak RM500 yang berkecukupan bertujuan untuk memastikan kelangsungan hidup. Seterusnya, bantuan penjagaan OKU terlantar, pesakit kronik terlantar sebanyak RM500 sebulan seorang. Bantuan OKU tidak berupaya bekerja sebanyak RM300 sebulan seorang. Elaun pekerja Orang Kurang Upaya sebanyak RM450 sebulan seorang. Bantuan Am Persekutuan diberikan individu, keluarga kurang berkemampuan dan berkeperluan untuk meneruskan kelangsungan hidup mereka dalam komuniti sebanyak RM100 sebulan seorang, maksimum RM350 sekeluarga.

Perluasan skop cukai bagi premium insurans nyawa sehingga RM3,000. Had pelepasan cukai perbelanjaan rawatan perubatan dinaikkan daripada RM8,000 kepada RM10,000. Cukai pelepasan untuk perbelanjaan rawatan perubatan. Elaun pekerja GIG sebanyak RM300 untuk tiga bulan kepada 30,000 orang pekerja yang menjalani pembelajaran. Bantuan Hari Raya, ini untuk semua rakyat, termasuklah yang KWSP dan juga tidak KWSP, ia saya sudah sebut tadi, berapa banyak untuk Sumbangan Tunai Rahmah, kemudian sebanyak RM700 kepada 1.4 juta orang penjawat awam, RM988 juta. Daripada 17 hari bulan sudah diawalkan pada 14 hari bulan akan dimasukkan.

Sebanyak RM350 untuk sejuta orang pesara, termasuk pesara angkatan tentera, nilainya RM350 juta. Sebanyak RM300 juta kepada 213,000 orang, yang ini adalah untuk sukarelawan. Sukarelawan polis, sukarelawan bomba, sukarelawan RELA. RELA itu untuk semua sekali dan juga sukarelawan APAM, RM64 juta. Seterusnya kepada petani, nelayan, pesawah, penoreh getah seramai 850,000 orang, RM170 juta, RM200 seorang.

Seterusnya, kerajaan terus dan sentiasa, setiap saat, saban waktu menurunkan harga RON95 dengan memberikan subsidi yang banyak. Menjadikan RON95 hanya RM2.05 seliter. Menurunkan diesel, menurunkan minyak masak, menurunkan gas masak, menguruskan elektrik di rumah, begitu banyak sekali. Kalau hendak kata bahawa kerajaan ini tidak bertanggungjawab, tidak menolong rakyat, itu ialah satu perkara yang sangat-sangat tidak betul.

Ahli-ahli Yang Berhormat, simpanan Bumiputera pada April 2020 merosot sebanyak RM10,604. Pada Disember 2022 hanya tinggal sebanyak RM4,937 daripada segi median simpanan.

Kaum Melayu- bangsa Melayu daripada RM16,938, saya kira inilah yang sedang menonton rancangan kita sekarang ini, turun sebanyak RM11,409, empat kali pengeluaran itu, tinggal hanya RM5,529, median simpanan. Bumiputera lain, Sabah, Sarawak, daripada RM10,591 turun RM7,289, tinggal hanya RM3,302.

Masyarakat Cina, mereka 'tidak menjerit' tentang KWSP ini sebab simpanan mereka pada April 2020 sebanyak RM45,756, turun hanya RM594, suruh keluar sebanyak empat kali, dia keluar cuma RM594. Masyarakat Cina mempunyai ekonomi yang lebih kukuh dan baki median masih lagi tinggal RM45,162. Melayu RM5,500, Bumiputera lain RM3,300.

Masyarakat India simpanan sebelum COVID sebanyak RM25,724 dibenarkan empat kali pengeluaran, mereka keluar sebanyak RM10,795, baki jauh lebih banyak daripada masyarakat Melayu, jauh lebih banyak daripada Bumiputera yang lain sebanyak RM14,929.

Jadi, atas sebab itulah- kalau kita hendak popular, bagi sahaja kebenaran, keluarkan lah semua sekali RM5,500- kalau kerajaan ini hendak popular. Keluarkan sahajalah RM3,300 itu sampai kosong, itu kalau kerajaan hendak popular.

Akan tetapi kerajaan ini kerajaan yang bertanggungjawab, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan ini kerajaan yang bertanggungjawab. Itu sebab kita tidak membenarkan hasrat apa yang dinyatakan itu. Oleh sebab itu kita buat fasiliti sokongan Akaun 2, dan kita tidak sebut ia adalah cagaran.

Cagaran maksud ia apa? Cagaran maksudnya, mempunyai hak untuk menguatkuasakan cagaran apabila berlakunya kegagalan pembayaran dipihak peminjam, *immediate* boleh hutang RM5,000, tidak bayar, *immediate* ambil RM5,000, itu cagaran.

■1810

Akan tetapi, FSA ini bukan cagaran. FSA ini, Fasiliti Sokongan Akaun 2 ini, pemberi pinjaman iaitu bank tidak boleh menggunakan simpanan KWSP sekiranya ahli gagal membayar ansuran pinjamannya. Tidak boleh. Ini adalah kerana FSA2 merupakan suatu pengeluaran bersyarat hanya boleh keluar umur 50 atau 55 tahun sahaja, di mana bayaran pengeluaran hanya akan dibuat apabila ahli telah memenuhi syarat pengeluaran sampai umur itu. Jadi, ia berbeza dengan konsep cagaran.

Satu lagi, penggadai mempunyai hak milik ke atas aset hartanah yang digadai pada ketika pinjaman dibuat memandangkan cagaran diberikan untuk menjamin kewajipan membayar. Itu kalau cagaran. Akan tetapi FSA2 tidak, bukan begitu. FSA2, ahli mempunyai hak untuk membuat pengeluaran apabila ahli mempunyai syarat pengeluaran yang ditetapkan iaitu mencapai umur 50 atau 55 tahun. Ini kerana ahli masih berada dalam KWSP sehingga 55 tahun dilindungi di bawah seksyen 51, Akta KWSP 1991.

Memang betul duit mereka, memang betul duit kita, memang betul. Namun apabila kita berada dalam sistem KWSP ini, duit kita itu dilindungi di bawah seksyen 51 Akta KWSP. Ia simpanan hari tua, bukan simpanan hari muda. Ia merupakan simpanan untuk masa depan.

Kalau kita hendak menyelesaikan masalah kita pada saat dan ketika ini, kita perlu ada opsyen yang ketiga. Bukan hanya kita perlu berhutang, kalau kita tidak mahu berhutang, bukan hanya kita hendak pergi *Ah long*, jangan pergi, tetapi kita boleh berniaga. Ada RM40 bilion pinjaman mudah yang kita berikan dalam Belanjawan 2023. Sebanyak RM40 bilion dengan *interest* empat peratus, pergi ke BSN ada RM960 juta untuk diberikan kepada peniaga kecil dan penjaja kecil. Begitu juga di Bank Negara dan bank-bank lain.

Carilah segala perkara itu. Sebanyak RM40 bilion untuk membantu rakyat yang kesusahan. Bukan hanya menunggu untuk mengeluarkan kali kelima, mungkin selepas kali kelima minta lagi kali keenam. Selepas kali keenam, minta lagi kali ketujuh. Kalau hendak popular, luluskan sahaja. Akan tetapi, kita bukan ingin menjadi kerajaan yang popular, kita ingin menjadi kerajaan yang bertanggungjawab.

Maka, kerajaan tidak menerima usul yang dibentangkan. Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan I, atas jawapan secara jelas dan terperinci.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup dalam perbahasan di bawah Peraturan Mesyuarat 17(1) ini dan demikian saya menutup perbahasan ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 11 April 2023. Sekian, terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.13 petang]